


Jilid III  
Bil. 30



MALAYSIA

Hari Rabu  
23hb Oktober, 1985

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**

*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KEENAM**

*Sixth Parliament*

**PENGGAL KETIGA**

*Third Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPANMULUTBAGIPERTANYAAN-PERTANYAAN**  
**[Ruangan 5033]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Bank (Pindaan) [Ruangan 5088]**

MALAYSIA

## **DEWAN RAKYAT YANG KEENAM**

*Penyata Rasmi Parlimen*

### **PENGGAL YANG KETIGA**

#### **AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, Y. B. M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y. B. M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.S.M. (Taiping).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAPIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID. D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Pelajaran, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ Menteri Penerangan, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

„ Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN Au How CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K., (Kinabatangan).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ TAN SRI DATIN PADUKA HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, P.M.N., D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAHAROM BIN HAJI BAKAR (Padang Terap).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).

Yang Berhormat DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).

TUAN CHAN KOK Krr (Sungai Besi).

DR CHEN MAN HIN (Seremban).

DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).

TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).

„ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).

DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok)

„ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).

TUAN FUNG KET WING (Sandakan).

„ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).

„ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).

TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).

DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.MJ. (Ulu Padas).

TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).

TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).

DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P- (Ayer Hitam).

„ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).

„ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).

TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).

„ DATO JAMALUDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).

TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).

„ TUAN KADOH BIN AGUNDONG (Ulu Padas).

„ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).

„ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).

TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).

TUAN KADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).

„ TUAN MARK KODING (Kinabalu).

„ DR KOH Tsu KOON (Tanjong).

„ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).

„ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).

Yang Berhormat DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).

- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ DATO MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ DATO DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.U., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N., (Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).

- Yang Berhormat DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K.,  
A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,  
P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON. A.M.N., P.P.N., B.K.M.  
(Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik  
Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S.,  
K.M.N. (Tanjong Karang).

## **DEWAN RAKYAT**

### **PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### **BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN**

Penyunting Ketua: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

#### *Pemberita-pemberita:*

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

### **BENTARA MESYUARAT**

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**

**Rabu, 23hb Oktober, 1985**

*Mesyuarat dimulakan padu pukul 2.30 petang.*

**DOA**

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*  
*perkerusi Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**HUTANG PENEROKA  
FELDA/FELCRA**

**1. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan jumlah hutang peneroka-peneroka rancangan-ancangan tanah seperti FELDA dan FELCRA yang masih belum dijelaskan dan berapa peratus daripada hutang ini yang telah dijelaskan serta apakah tindakan yang akan diambil mengenai perkara ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab pertanyaan dari Yang Berhormat, sukalah saya menyatakan bahawa jumlah hutang peneroka-peneroka di rancangan tanah seperti FELDA dan FELCRA adalah sebanyak \$872,277,881.01 iaitu "sebanyak \$778,483,773 adalah hutang peneroka-peneroka di rancangan FELDA dan bakinya \$93,794,108.01 adalah hutang peneroka-peneroka FELCRA. Dari sejumlah \$778,483,773 hutang peneroka-peneroka FELDA itu sejumlah 94.26% atau \$733,830,313

telah pun dijelaskan. Baki sejumlah \$44,653,460 masih belum dijelaskan, manakala bagi FELCRA pula dari sejumlah \$93,794,108.01 hutang peneroka-penerokanya sebanyak 42% atau \$48,290,157.11 telah dibayar balik kepada Kerajaan, baki sejumlah \$45,503,950 masih belum dijelaskan.

Bagi mengatasi masalah kekurangan bayaran balik ini, FELCRA telah membuat penjadualan semula bayaran balik hutang-hutang kepada pihak Perbendaharaan sebagaimana yang pernah disyorkan oleh pihak Audit Negara, di samping itu FELCRA pula sedang berusaha untuk menambah produktiviti melalui sistem saham dan melalui kaedah kawalan perbelanjaan yang lebih ketat. FELDA pula telah mengambil beberapa langkah utama untuk mengatasi masalah kutipan bayaran kembali dengan memastikan pengeluaran hasil yang maksima dapat diperolehi dari ladang dengan cara antara lainnya:

- (i) mengadakan pengawasan ladang yang lebih rapi iaitu seperti menggunakan baja dengan sempurna, mutu pekerjaan di ladang ditingkatkan dan mengurangkan kos pengurusan ladang kepada yang paling minima;
- (ii) peratus pendahuluan tunai harian ke atas hasil getah peneroka dikawal supaya ada baki hasil pada hujung bulan untuk ditolak bayaran kembali;
- (iii) kajian semula ke atas bayaran kembali terhadap rancangan-rancangan yang bermasalah;

- (iv) memastikan hasil ladang dapat dipasarkan dan mendapatkan harga yang maksima.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Soalan tambahan. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah menerangkan bahawa sejumlah lebih daripada \$820 juta hutang piutang daripada peserta FELDA dan FELCRA. Saya ingin tahu apakah jenis hutang-hutang itu, adakah hanya kerana hutang wang pembangunan atau lain-lain sumber hutang lagi.

Kedua, apakah sebab yang menyebabkan kegagalan peserta-peserta di kedua-dua rancangan ini untuk menyelesaikan hutang-hutang.

Ketiga, apakah cara-cara yang lebih berkesan supaya keadaan ini tidak berlaku berterusan.

**Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya jenis hutang-hutang yang terpaksa dibayar oleh peneroka-peneroka yang berkenaan adalah cuma hutang-hutang pembangunan pertanian termasuk hutang menyediakan tempat tinggal.

Bagi jawapan soalan yang kedua, sebenarnya tidak timbul soal kegagalan di kedua-dua rancangan FELDA dan FELCRA untuk menyelesaikan hutang yang berkenaan kerana kalau kita lihat kepada angka yang saya beri sekejap tadi, terdapat bahawa peneroka-peneroka FELDA pada keseluruhannya telah pun membayar hutang-hutang yang dikenakan kepada mereka lebih daripada 90% daripada keseluruhan hutang. Sehingga setakat hari ini hanya di rancangan FELCRA sahaja masih di peringkat 42%. Dari angka ini menunjukkan bahawa soal kegagalan langsung tidak timbul. Dari jawapan ini soalan yang ketiga tentang cara untuk hendak mengutip hutang itu tidak timbul lagi.

**Tuan Ismail bin Said:** Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapannya tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah mengatakan bahawa pihak Kementerian telah pun menjadualkan semula bayaran balik bagi peserta-peserta FELCRA. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sama ada beliau sedar ataupun tidak bahawa kejatuhan harga komoditi kita sekarang ini, terutama sekali getah dan kelapa sawit telah pun menjejaskan pendapatan peserta-peserta FELDA. Saya ingin tahu sama ada Kerajaan ataupun Kementerian beliau mempunyai cadangan untuk menjadualkan semula bayaran balik atau bayaran kembali hutang peserta-peserta FELDA.

Kedua saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kataulah beliau mempunyai angkanya di sini, setakat hari ini berapakah peserta-peserta FELDA yang telah diberi hak milik kekal oleh kerana mereka ini telah habis menjelaskan hutang Kerajaan.

**Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya penjadualan semula kutipan hutang bagi rancangan FELCRA bukanlah semata-mata kerana jatuhnya harga kelapa sawit ataupun getah masa kini tetapi di antara lainnya ialah kerana faktor-faktor yang lain lagi. Masalah penjadualan semula kepada rancangan FELDA sebenarnya tidak timbul kerana pihak FELDA sentiasa membuat kajian dari satu rancangan ke rancangan yang lain. Dengan erti kata untuk menjadualkan keseluruhan kutipan semula rancangan FELDA itu tidak akan dilakukan, cuma penentuan dibuat kepada rancangan-rancangan yang tertentu yang didapati di mana peneroka pendapatannya adalah terlalu rendah.

Berhubung dengan soalan kedua tentang bilangan rancangan yang telah mendapat hakmilik, sehingga setakat hari ini 15 rancangan telah pun

diserahkan hak milik kepada peneroka-peneroka yang telah pun habis membayar hutang masing-masing.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan yang pertama Yang Berhormat ialah memandangkan kejatuhan harga komoditi berkenaan, adakah agensi-agensi tersebut bercadang untuk menjadualkan hutang-hutang yang terdapat sekarang.

**Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** Terima kasih, Sebenarnya soal menjadualkan bagi rancangan FELDA sebagaimana saya sebutkan tadi tidak timbul, hanya berkesannya dengan jatuhnya harga yang berkenaan, hanya berlaku kepada rancangan-rancangan yang tertentu sahaja. Dan kepada rancangan yang berkenaan sahaja pihak FELDA melihat semula dari segi pemotongan hutang yang berkenaan.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ada kaitannya dengan soalan yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Kemaman sebentar tadi. Soalan saya sama ada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa banyak sangat sungutan dari peserta-peserta FELDA yang mengatakan bahawa mereka terpaksa membayar potongan yang tinggi walaupun pada ketika buah merosot dan pada ketika harga kelapa sawit atau getah merosot, sehingga tidak ada apa lagi yang tinggal kepada mereka hendak dimakan, hendak tanggung anak isteri pun kadang-kadang tidak boleh. Kalau ini benar, adakah pihak Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ingin mengadakan flexibility, dengan izin, dalam usaha memungut hutang daripada peserta-peserta FELDA supaya dikenakan satu sistem, misalnya mengadakan suatu sistem apa yang kita panggil "sistem terapong" di mana kutipan yang lebih dikenakan pada ketika harga buah atau harga getah tinggi dan kutipan yang sedikit dikenakan pada ketika harga murah

dan pada ketika hasil jatuh pada musim-musim tertentu.

**Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, FELDA dalam sebarang keadaan sentiasa menjamin peneroka-peneroka mendapat pendapatan bersih bagi peneroka-peneroka kelapa sawit sebanyak \$350 sebulan dan bagi peserta-peserta rancangan getah sebanyak \$250 sebulan. Dengan berlakunya kemerosotan harga bahan mentah itu, kutipan bayaran kembali memang dirasai benar oleh FELDA tidak dapat dilakukan dengan lancar kerana jaminan pendapatan minima sebagaimana yang saya sebutkan tadi masih diteruskan.

Tentang sungutan dari peserta-peserta ataupun peneroka tentang banyaknya potongan, kalau saya tidak silap demikian, sebenarnya potongan-potongan itu kebanyakannya adalah dibuat oleh peneroka itu sendiri melalui Koperasi, kedai-kedai dan sebagainya. Soal untuk tanggung isteri sebenarnya tidak timbul kerana mereka mendapat bahan-bahan makanan daripada kedai FELDA itu sendiri.

Tentang flexibility dalam potongan hutang ini, sebenarnya pihak FELDA menyedari perkara ini dan itulah sebabnya potongan-potongan yang dibuat dalam keadaan ataupun suasana di mana pendapatan yang agak berkurangan memang wujud flexibility sebagaimana yang dikehendaki oleh Yang Berhormat yang berkenaan.

#### KEDUTAAN MALAYSIA DI LUAR NEGERI— PERBELANJAAN

**2. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) berapa perbelanjaan Kerajaan untuk kedutaan-kedutaan, konsulet-konsulet dan

kakitangannya dalam setahun secara kasar, dan di negara manakah yang Malaysia telah ada bangunan pejabatnya sendiri dan di negara manakah yang masih disewa; dan

- (b) apakah peranan-peranan kedutaan Malaysia di luar negeri untuk memperkenalkan Malaysia, cara melalui buku-bukukah atau melalui filem-filem negara; jika melalui filem maka dalam bahasa negara itu sendiri. Jika tidak dalam bahasa negara itu sendiri maka bagaimanakah mereka itu memahaminya.

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir):** Tuan Yang di-Pertua, jumlah perbelanjaan Kerajaan untuk perwakilan-perwakilan di luar negeri dan kakitangannya adalah berbeza dari setahun dengan setahun yang lainnya. Ini disebabkan oleh beberapa faktor seperti inflasi, penyertaan dan penglibatan negara kita dalam kegiatan antarabangsa dan sebagainya. Sebarang peningkatan ke atas faktor-faktor di atas tadi pada umumnya akan membawa kepada peningkatan dalam jumlah perbelanjaan. Bagaimanapun untuk menjawab soalan ini, suka saya menjelaskan bahawa bagi tahun 1984 Kerajaan kita telah membelanjakan sebanyak \$73.8 juta untuk perwakilan-perwakilan diluar negeri dan kakitangannya.

Pada masa ini Malaysia mempunyai 56 buah perwakilan di luar negeri dan dari jumlah tersebut sebanyak 17 buah perwakilan mempunyai pejabatnya sendiri iaitu di Brussels, The Hague, London, Paris, Rome, Brazilia, Ottawa, New Delhi, Hong Kong, Canberra, Suva, Bangkok, Manila, Singapore, Songkla, Seoul dan Tokyo. 39 buah perwakilan lain masih menyewa bangunan pejabatnya.

Bagi menjawab (b) usaha-usaha untuk memperkenalkan Malaysia di luar negeri melalui kedutaan perwakilan kita adalah dijalankan dengan menggunakan pendekatan penyampaian maklumat kepada bilangannya yang kecil tetapi berpengaruh sebagai saluran untuk menyampaikan maklumat-maklumat itu seterusnya kepada golongan yang besar.

Bahan-bahan bercetak adalah merupakan alat penyampaian yang penting dalam usaha memperkenalkan Malaysia di luar negeri. Di antara bahan-bahan cetak tersebut yang digunakan dalam proses ini adalah *Malaysia in Brief*, *Foreign Affairs Malaysia*, *Malaysia at a Glance*, *Malaysia Digest* dan *Berita Malaysia*.

*Berita Malaysia* adalah keluaran bulanan yang diterbitkan dalam Bahasa Malaysia dan Inggeris. Sasarannya adalah pelajar-pelajar kita di luar negeri, manakala *Malaysia Digest* pula adalah merupakan penerbitan dua kali sebulan yang diterbitkan dalam Bahasa Inggeris yang mengandungi kenyataan-kenyataan dasar dalam dan luar negeri Malaysia. Sasaran keluaran ini adalah ditujukan kepada sektor awam dan swasta yang penting di negara-negara tuan rumah. Keluaran ini adalah diterima dengan baik dan sempurna oleh golongan-golongan yang berpengaruh di negara-negara tuan rumah. *Foreign Affairs Malaysia* merupakan sebuah penerbitan suku tahunan yang dikeluarkan dalam Bahasa Inggeris. *Malaysia in Brief* pula adalah merupakan sebuah buku kecil yang mengandungi maklumat-maklumat dan data-data ringkas dan keterangan umum mengenai negara kita seperti sistem ekonomi, pelajaran Kerajaan dan juga persekitarannya.

*Malaysia at a Glance* pula adalah sebuah penerbitan yang dikeluarkan dalam bentuk folder atau kertas lipatan. *Malaysia in brief* dan *Malaysia*

at the Glance juga sering digunakan sebagai bahan sampingan ketika pihak perwakilan kita di luar negeri mengadakan pameran, ceramah, seminar dan tayangan-tayangan filem di luar negeri. Filem-filem juga merupakan alat yang penting dalam usaha penerangan kita di luar negeri. Sumber utama filem-filem kita adalah Filem Negara Malaysia. Filem-filem itu dikeluarkan dalam bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sasaran filem-filem ini bukan sahaja masyarakat Malaysia di luar negeri, khususnya para pelajar kita. Selain dari itu, Perbadanan Kemajuan Pelancongan dan Lembaga Kemajuan Pembangunan dan Perindustrian Malaysia juga mengeluarkan filem-filem yang mengandungi message-message pelancongan dan perindustrian di negara kita. Filem-filem ini juga dikeluarkan dalam bahasa Perancis dan Jerman.

Bahagian penerangan luar negeri, Kementerian Luar Negeri juga ada mengusahakan penghantaran dan pengiriman keset-keset video yang mengandungi rakaman yang sesuai untuk digunakan oleh perwakilan-perwakilan kita di luar negeri bila majlis yang sesuai seperti jamuan-jamuan dan sebagainya. Bahan-bahan ini dapat membantu untuk menyampaikan penerangan mengenai negara kita di majlis-majlis tersebut.

Kesimpulannya, usaha untuk memperkenalkan negara kita di luar negeri adalah dijalankan dengan menggunakan pendekatan penyampaian maklumat kepada kumpulan yang kecil tetapi berpengaruh untuk disampaikan pula seterusnya kepada kumpulan yang besar. Usaha-usaha ini dijalankan di dalam berbagai bahasa termasuk Arab, Inggeris, Jepun, Perancis dan sebagainya. Dalam proses ini bahan-bahan cetak dan filem-filem termasuk keset-keset video merupakan alat-alat yang sangat berguna.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sedar bahawa pada lazimnya peruntukan yang telah diluluskan tiap-tiap tahun untuk Kementerian Luar Negeri adalah amat kekurangan apabila dibandingkan dengan Kementerian-kementerian yang lain. Memandangkan kepada hakikat bahawa wakil-wakil kita di luar negeri dikehendaki memainkan satu peranan yang penting untuk memperkenalkan negara Malaysia di luar negeri, adakah pihak Kementerannya bercadang untuk menuntut daripada Perbendaharaan supaya boleh mendapatkan peruntukan yang lebih untuk kedutaan-kedutaan kita diluar negeri.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, saya memanglah bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat tadi bahawa jumlah peruntukan yang diberi kepada Kementerian Luar Negeri adalah kurang sedikit jika dibandingkan dengan tugas dan tanggungjawabnya yang kian meningkat sekarang ini. Oleh sebab itu, Kementerian Luar Negeri memang dari semasa ke semasa kita meminta peruntukan yang lebih sedikit tetapi kita memang mengetahui mengenai keadaan ekonomi sekarang ini. Saya berharap jugalah supaya pendapat Yang Berhormat itu, dapat disampaikan dalam masa perbincangan Budget nanti.

**Tuan Hassan bin Haji Mohamed:** Saya mempunyai pendapat lain daripada saudara saya Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah dengan menubuhkan kedutaan-kedutaan kita di luar negeri itu berasaskan untuk prestasi Malaysia ini kerana untuk melipatgandakan perdagangan Malaysia kita dengan luar negeri, tujuan kita mambanyakkan kedutaan-kedutaan di luar negeri dan melihat kepada keadaan kewangan

negara kita sekarang apakah pihak Kerajaan bercadang untuk mengurangkan kakitangan kita di luar negeri atau mengurangkan perbelanjaan ataupun menutup mana-mana Kedutaan-Kedutaan yang tidak mendatangkan faedah dan keuntungan bagi negara kita.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita tahu penubuhan pejabat-pejabat perwakilan kita di luar negeri adalah untuk menjaga dan memajukan kepentingan kita di luar negeri ataupun di negara tersebut pada keseluruhannya. Dan memegang salah satu tugas yang kian ketara sekarang ini adalah mengenai usaha-usaha untuk memajukan kepentingan-kepentingan ekonomi kita di luar negeri. Oleh sebab itu, kita sentiasa membuat kajian sama ada kita harus menubuhkan kedutaan-kedutaan yang baharu atau perwakilan-perwakilan yang baharu di tempat-tempat di mana kita perlu meningkatkan kepentingan kita dan juga kajian dibuat dari semasa ke semasa sama ada dalam konteks keadaan ekonomi, keadaan peruntukan yang sedia ada pada tiap-tiap tahun itu kita harus menutup mana-mana perwakilan. Misalnya, tahun sudah kita telah menutup perwakilan kita di Addis Ababa. Jadi, kajian seperti itu akan dijalankan terus menerus.

### KILANG BESI/INDUSTRI GAS SABAH

**3. Tuan Peter Chin Gan Oon** minta Perdana Menteri menyatakan apakah sebab ataupun rational mengadakan 2 buah kilang besi, iaitu kilang besi yang dimiliki oleh Hicom (Perwaja Terengganu Sdn Bhd.) dan kilang industri Gas Sabah (Sabah Gas Industries) yang menduplicate sesama sendiri penghasilan mereka seperti "hot briquetted iron", tambahan pula dengan gabungan seperti Klocknar menjual hasil-hasil besi di Malaysia, bagaimanakah kilang-kilang besi kita

boleh bertanding dengan mereka dan dengan sesama sendiri bagi pasaran-pasaran tempatan dan asing.

**Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad):** Tuan Yang di-Pertua, komposisi keluaran daripada kedua-dua kilang besi tersebut adalah berlainan. Sementara kilang di Terengganu mengeluarkan besi berongga yang sebahagian besarnya dijadikan billet dan bakinya dijadikan "hot briquetted iron", kilang di Sabah hanya mengeluarkan "hot briquetted iron".

Bukantah tujuan Kerajaan menubuhkan dua buah kilang besi yang mengeluarkan bahan yang sama untuk memenuhi keperluan tempatan sahaja. Sebenarnya kilang di Sabah telah diluluskan dengan syarat 100% keluarannya adalah untuk eksport, sementara kilang di Terengganu adalah untuk memenuhi keperluan tempatan. Untuk menjamin supaya kilang di Terengganu dapat bersaing dengan pengeluar-pengeluar luar negeri, Kerajaan baru-baru ini telah menaikkan tarif ke atas import bahan-bahan yang sama seperti yang dikeluarkan oleh kilang tersebut. Perlindungan ini perlu diberi kerana mungkin ada negara-negara asing yang akan melakukan "dumping", iaitu mereka menjual dengan harga yang lebih rendah dari kos pengeluaran.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Amat Berhormat sekiranya dibandingkan dengan negara-negara seperti Jepun keluaran besi di negara ini seperti hot briquetted iron dan sebagainya selain daripada dumping, adakah kerana bahan-bahan dan teknologi di Jepun lebih maju dan mengeluarkan bahan-bahan ini lebih murah kalau dibandingkan dengan Malaysia. Dan apakah justifikasi untuk mengadakan kilang-kilang seperti ini kalau kita tidak boleh dibandingkan dengan negara seperti Jepun.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita tidak perlu mengadakan apa-apa perusahaan sekali pun kerana kebanyakan daripada barang-barang yang kita buat dalam negara kita ini boleh dibeli dengan harga yang lebih murah jika kita beli daripada luar negeri. Dengan itu maka akan kekallah kita sebagai sebuah negara yang cuma mananam padi dan pohon-pohon kayu sahaja tetapi tiap-tiap sesuatu mestilah ada permulaannya. Jadi, pada mulanya tentulah kita tidak begitu efficient. Kalau kita dapat mengeluarkan sesuatu bahan itu dengan banyak iaitu kita dapat keuntungan daripada scale pengeluaran yang besar maka sudah tentu harga kita akan menjadi lebih murah tetapi penduduk kita tidaklah begitu ramai maka dengan kerana itu kita terpaksa bermula dengan pengeluaran yang kecil dan ini sudah tentu akan memberi kesan kepada harga barangan yang dikeluarkan.

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya benarkan satu lagi soalan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan lagi. Adakah Yang Amat Berhormat menganggap penting dari segi pemindahan teknologi dan dengan ekonomi yang tidak begitu cerah, projek-projek seperti ini boleh ditunda dan bagi projek dengan teknologi pertengahan dan kilang-kilang small industry menumpukan perhatian kepada kilang-kilang pertengahan dan kilang-kilang kecil itu lebih menguntungkan negara dan boleh mewujudkan lebih banyak pekerjaan kepada warganegara Malaysia.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kilang besi ini adalah kilang yang kecil kerana pengeluarannya ialah banyak 600,000 tan sahaja pada satu tahun. Kebanyakan kilang besi di negeri Jepun mengeluarkan 2 juta atau 3 juta tan setahun.

Yang keduanya ialah dalam kita merancang untuk mengadakan sesuatu industri, dianya memakan masa yang panjang. Sebenarnya di waktu kita merancang mengadakan kilang besi di Labuan dan juga di Terengganu, keadaan ekonomi dunia amatlah baik. Tetapi apabila kilang itu siap, ekonomi dunia telah merosot. Saya meminta maaf kerana Ahli Yang Berhormat tadi tidak memberitahu kepada saya lebih awal lagi supaya kita dapat batalkan rancangan ini. (*Ketawa*)

### PROTON SAGA— STRATEGI PEMASARAN

**4. Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah strategi yang telah disusun untuk memasarkan kereta PROTON Saga ke pasaran antarabangsa;
- (b) adakah negara-negara luar yang telah memesan kereta Proton Saga tersebut dan dapatkah PROTON memenuhi pesanan tersebut; dan
- (c) berapa lamakah masa yang diambil bagi PROTON untuk mengubah model kereta yang dikeluarkan dan adakah kilang pengeluar PROTON ini mampu mengeluarkan kereta dari berbagai model.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) pada masa ini PROTON sedang mengkaji dengan teliti kemungkinan untuk memasarkan kereta PROTON Saga ke pasaran luar negeri. Strategi ke arah pencapaian matlamat ini adalah untuk mengesan pasaran di mana kita boleh memenuhi piawaian yang ditetapkan di pasaran berkenaan dan mengatasi persaingan dengan jayanya. Untuk ini kita perlu

membuat kajian yang mendalam.

- (b) Walaupun setakat ini terdapat pertanyaan yang menggalakkan dari luar negeri untuk mengimport kereta PROTON Saga, kita tidak dapat memenuhi pesanan oleh kerana seperti yang telah dinyatakan tadi pihak PROTON masih dalam proses menggubal strategi mengenai pasaran eksport yang melibatkan jumlah yang besar.
- (c) Kilang PROTON pada masa ini berkeupayaan mengeluarkan sebanyak 80,000 buah kereta setahun. Sekiranya perlu dengan tambahan modal yang "marginal", kilang ini dengan mudah dibesarkan keupayaannya ke tahap 120,000 buah kereta setahun. Walau bagaimanapun, dari sudut ekonomi ternyata bahawa adalah lebih menguntungkan untuk mengadakan pengeluaran yang besar bagi satu-satu model berbanding dengan pilihan untuk mengeluarkan banyak model dengan jumlah yang kecil.

**Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Y.A.B. Perdana Menteri, baru-baru ini kita telah menghantar sebuah kereta PROTON Saga ke Indonesia dan kita akan menghantar beberapa lagi ke negeri China untuk menemani lawatan Y.A.B. Perdana Menteri ke Indonesia dan juga ke negara China nantinya. Jadi, adakah ini apa-apa significance daripada strategi pemasaran ataupun yang dibawa ke Indonesia itu sebagai hadiah kepada Ketua Negara sahaja?

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, nampaknya harga Proton Saga yang dijual di negara ini, harganya competitive sehingga dapat bersaing dengan kereta-kereta yang lain tetapi

bila kita eksport, adakah kita menjangkakan bahawa kita mendapat mempertahankan harga yang competitive, oleh kerana Tuan Yang di-Pertua, bila kita eksport, negara pengimport akan mengenakan duti import. Jadi, adakah ini juga akan ditengok oleh pihak yang berkenaan?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kereta Proton Saga yang dibawa ke Indonesia itu ialah sebagai hadiah kepada Ketua Negara jiran yang berdekatan dengan kita dengan tidak ada maksud untuk menjual kereta itu ke Indonesia. Sebaliknya 10 buah kereta yang telah dihantar ke negeri China ialah di atas permintaan sebuah syarikat di sana yang ingin mempamerkan kereta ini dan kebolehannya di negeri China. Mungkin ini menjadi titik permulaan dalam satu usaha untuk mengeksport Proton Saga ke negeri China.

Berkenaan dengan harga pula, harganya memanglah rendah berbanding dengan harga yang lain, tetapi biasanya mana-mana negara lain jika mereka ingin mengenakan cukai import, mereka akan kenakan cukai yang sama kepada kereta-kereta yang datang daripada negara-negara lain yang bersaing dengan kereta daripada Malaysia. Kita yakin bahawa kalau kita dapat mengeluarkan secara efficient kereta Proton Saga ini ianya dapat memasuki pasaran luar di setengah-setengah negara tanpa terlalu ditekan oleh harga kereta-kereta yang datang daripada negara lain.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Y.A.B. Perdana Menteri, adakah beliau sedar bahawa permintaan terlalu banyak terhadap kereta-kereta Proton Saga ini dan ada di antaranya pelanggan-pelanggan yang telah diberitahu terpaksa menunggu sehingga tiga bulan walaupun kereta itu telah ditempah pada bulan September? Dan jika begitu keadaannya, adakah

sewajarnya kereta-kereta Proton Saga ini dieksport pula ke luar negeri, bukankah lebih penting kepada permintaan daripada dalam negeri?

Yang kedua, adakah Y.A.B. Perdana Menteri sedar oleh kerana harga Proton Saga ini agak murah, ini menyebabkan penjualan-penjualan kereta terutama, dengan izin, kereta second-hand telah membuat "sabotage" terhadap kereta ini dan baru-baru ini ada dikeluarkan dalam suratkhbar mengatakan bahawa kereta, Proton Saga ini hanya boleh tahan selama enam bulan sahaja, selepas itu kereta ini tidak boleh digunakan lagi. Jadi, jika sedar, apakah tindakan Y.A.B. Perdana Menteri ataupun Kerajaan ataupun tindakan HICOM terhadap mereka yang mensabotage kereta Proton Saga Malaysia?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, kita menganggap pasaran dalam negeri sebagai penting. Walaupun demikian, permintaan bagi Proton Saga ini melebihi daripada jangkauan kita. Oleh kerana itu maka terpaksa kita menyampaikan kereta-kereta ini agak lewat sedikit. Sebenarnya permintaan untuk Proton Saga ini telah dipenuhi kuota sampai bulan Mac tahun hadapan. Jadi sama ada kita suka ataupun tidak suka, terpaksa kita tunggu sekejap kerana kita tidak dapat mengeluarkan kereta ini dengan begitu cepat walaupun usaha sedang dibuat oleh pihak PROTON untuk mengeluarkan kereta ini dengan seberapa cepat yang boleh.

Berkenaan dengan soal sabotage daripada kereta sewa ini adalah banyak cerita-cerita yang kita dengar, ada kononnya kereta Proton Saga ini sengaja diletak sama-sama dengan motokar second-hand kerana sudah dalam dua, tiga hari sahaja sudah jadi second-hand dan sebagainya. Ini cerita sahaja. Saya sendiri tidak dapat tengok. Yang saya tahu ialah permintaan untuk Proton Saga ini telah

meningkat dengan lebih pesat daripada jangkauan yang telah dibuat oleh pihak syarikat.

**Tuan Chan Kok Kit:** Soalan tambahan, bolehkah Yang Amat Berhormat beritahu apakah komplek-komplek pembeli-pembeli kereta Proton Saga sejak ia mula dijual dan sama ada komplek-komplek itu telah diperbetulkan?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan kompien ialah kerana lambat dapat (*Ketawa*), seboleh-bolehnya ada ramai juga orang-orang terutamanya orang kampung yang datang dengan cash masuk dalam kedai, mereka hendak bawa kereta itu keluar dengan sertamerta. Perkara ini tak dapat dibuat. Itulah komplek yang terbanyak sekali. Yang lain-lain komplek ialah color tak berapa banyak.

Ada juga yang berkata bahawa bumper dia tak dibuat dengan getah dan sebagainya. Semua ini kita telah cuba melayan tetapi ada perkara-perkara komplek yang tak dapat kita layan kerana ini adalah jenis 1300 cc dan 1500 cc dan standardnya bagi kereta jenis ini adalah tinggi tetapi pihak yang komplek itu komplek seolah-olah kita hendak jual Rolls Royce, itu payahlah sedikit.

**Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, apakah yang sebenarnya yang menyebabkan kereta Proton Saga itu jadi murah, adakah iaitu tidak dikenakan cukai ataupun diberi subsidi ataupun dijual dengan tidak menguntungkan ataupun apa sebabnya supaya dengan jawapan Yang Amat Berhormat nanti akan dapat menghapuskan anggapan setengah pihak yang mengatakan barang murah itu rendah mutunya.

Yang kedua, dengan sebab permintaan Proton Saga ini terlampau

tinggi, terlampau banyak maka di tempat EON yang memasarkan Proton Saga ini ada jurujual ataupun pengurus jualan menawarkan kereta Toyota. Katanya kalau hendak Proton Saga, kena tunggu tiga empat bulan, katau hendak Toyota boleh ambil sekarang. Jadi cara ini adalah melemahkan pemasaran kereta Proton Saga itu sendiri.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, harga Proton Saga ini murah kerana Kerajaan telah mengurangkan cukai terhadap sebuah perusahaan kereta yang diusahakan oleh negara kita sendiri yang mana kita ingin menentukan supaya perusahaan ini berjaya kerana banyak modal yang telah ditanam, banyak pekerja yang telah diambil dan dilatih dan di waktu kemerosotan ekonomi negara ini kita tidak boleh mengadakan sebuah perusahaan yang gagal, kerana kegagalannya akan menyebabkan kerugian yang amat besar bukan semata-mata kepada pelabur tetapi juga kepada negara.

Yang keduanya, tentang ada jurujual yang membuat rekmen untuk membeli Toyota, ini saya tak percaya yang mereka akan berbuat demikian, kerana saya yakin jurujual ini mendapat komisen daripada penjualan kereta yang di bawah jagaan mereka. Kalau mereka membuat rekmdesens untuk menjual Toyota, mungkin mereka tidak mendapat komisen, tetapi saya tak dapat bukti yang jelas, saya tak beranilah hendak menafikan sesuatu.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, selain daripada negara United Kingdom dan negara China yang telah menunjukkan minat kepada kereta nasional kita ini, bolehkah Yang Amat Berhormat memberitahu apakah negara-negara lain yang telah menunjukkan minat dan juga hendak membeli Proton Saga ini?

Yang keduanya ialah adakah Kerajaan bercadang untuk mendapat bantuan daripada Kedutaan-kedutaan Malaysia di luar negeri untuk mengadakan publisiti yang lebih luas terhadap Proton Saga ini supaya kita dapat menarik lebih ramai peminat di luar negeri untuk membeli kereta nasional ini.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, selain daripada United Kingdom dan negara China, beberapa buah negara lain telah menunjukkan minat dan negara-negara itu ialah Cyprus, Thailand, Switzerland, Greece, Bahrin, Austria, Ireland, Canada, West Germany, New Zealand, Saudi Arabia, Holland, Australia, Ireland, Bangladesh, Brunei, Oman, Sri Lanka dan Sweden.

Walaupun mereka menunjuk minat, kita belum lagi dapat melayan kerana kita tidak dapat pun menjual kereta di dalam negeri kerana bilangannya belum meningkat lagi. Untuk menjual sesuatu jenis kereta di luar negeri kita bukan sahaja perlu mengirim kereta kita kepada mereka tetapi mestilah kita ada segala "supporting activities, servicing station", dengan izin, dan lain-lain lagi supaya jika ada "breakdown" dan sebagainya dapat kita betulkan dengan serta-merta. Jika tidak, maka kita akan mendapat nama yang tidak baik dan ini akan menjejaskan pasaran kereta kita di luar negeri jika kita berminat kemudian untuk menjualkan kereta kita di sana.

Tentang publisiti yang boleh dibuat oleh Kedutaan kita di luar negeri, ini kita tidak begitu menggalakkan lagi kerana kita belum bersedia untuk mengeluarkan bilangan yang cukup untuk dieksport. Kita khuatir, jangan jadi seperti yang terjadi di dalam Malaysia yang mana permintaannya terlalu banyak tetapi kita tidak mampu memenuhi permintaan dan ini akan mengecewakan pembeli-pembeli. Sebelum kita dapat menjual kereta kita di luar negeri ataupun mempamerkan

kereta kita di luar negeri, maka rancangan yang teratur mestilah diadakan supaya tidak siapa akan berasa kecewa kerana sesuatu masalah yang mungkin berlaku kepada kereta ini.

**KAYU BALAK/KELAPA SAWIT/  
KOKO/LADA—KESTABILAN  
HARGA**

**5. Tuan Ling Sie Ming** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan langkah-langkah yang akan dijalankan oleh Kerajaan untuk membolehkan kestabilan harga kayu balak, kelapa sawit, koko, lada dan lain-lain hasil-hasil tanaman di negara kita.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Megat Junid bin Megat Ayob):** Tuan Yang di-Pertua, harga barangan utama Malaysia seperti kelapa sawit, kayu-kayan, koko dan lada adalah ditentukan oleh faktor-faktor permintaan dan bekalan di pasaran antarabangsa.

Kejatuhan harga barangan utama seperti kelapa sawit dan kayu-kayan yang berlaku pada masa ini adalah berpunca daripada keadaan kemelesetan ekonomi dunia yang berlanjutan yang melibatkan pengurangan permintaan di samping keadaan bekalan yang berlebihan.

Kerajaan mengambil berat tentang kemerosotan harga barangan utama dan terus mengambil langkah-langkah yang perlu untuk menjamin kestabilan harga barangan utama tersebut.

Mengenai kayu balak, bagi mendapatkan harga yang lebih baik, Kerajaan menggalakkan pemprosesan lanjut kayu balak, kayu gergaji dan papanlapis kepada produk kayu-kayan yang bernilai tinggi.

Malaysia telah menandatangani Perjanjian Kayu Tropika Antarabangsa untuk meningkatkan pemprosesan di negara-negara pengeluar, perisikan pasaran yang lebih baik dan penghutan semula.

Di peringkat industri, kerjasama serantau dilaksanakan melalui Persekutuan Produk Panel ASEAN yang menggabungkan pengeluar dan pengeksport papanlapis dalam rantau ASEAN untuk mendapatkan harga yang lebih rasional bagi beberapa jenis dan gred papan lapis.

Harga minyak kelapa sawit berkait rapat dengan permintaan penawaran dan harga minyak sayuran dan lemak lain. D daripada jumlah pengeluaran sebanyak 65 juta tan minyak dan lemak dunia pada tahun 1984, pengeluaran minyak kelapa sawit merupakan sebanyak 6 juta tan atau 9.2% daripada jumlah pengeluaran minyak dan lemak.

Langkah-langkah yang telah dan akan diambil termasuk menggalakkan eksport minyak kelapa sawit yang telah diproses dan mempelbagaikan produk dengan kualiti yang terjamin. Rundingan diadakan di antara Kerajaan dengan Kerajaan-kerajaan negara pengimport minyak kelapa sawit untuk mengurangkan tarif dan mendapatkan pasaran yang lebih luas.

Prestasi harga koko pada masa kini adatah munasabah. Bagaimanapun, pihak Kerajaan sedang berusaha menubuhkan Lembaga Koko Malaysia guna untuk meningkatkan lagi penyelidikan, mutu dan hasil pengeluaran.

Di samping itu Lembaga ini juga akan mencari kegunaan-kegunaan baru bagi koko dan mewujudkan satu sistem penggredan koko sepertimana yang dilaksanakan di Semenanjung yang mana telah sebanyak sedikit menjamin mutu dan harga koko yang lebih baik.

Mengenai lada pula, harga pada masa kini adalah paling tinggi dalam masa 20 tahun kebelakangan ini. Kerajaan sentiasa menjalin kerjasama di kalangan pengeluar-pengeluar utama lada dunia melalui Pertubuhan Lada Antarabangsa. Skim Harga

Minimum Eksport bagi lada dapat menstabilkan harga pada satu kadar yang berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa menjalankan program-program penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk meningkatkan hasil dan mutu pengeluaran, kekesanan dan kecekapan untuk bersaing oleh sektor barangan utama Malaysia.

Kerajaan juga menjalankan aktiviti-aktiviti pemasaran barangan utama melalui misi-misi perdagangan ke negara-negara pengguna yang mempunyai potensi di samping memperkukuhkan pasaran-pasaran yang sedia ada dengan menghapuskan atau mengurangkan sekatan-sekatan tarif dan bukan tarif yang dikenakan oleh negara-negara pengguna.

Selain daripada langkah-langkah yang telah saya sebutkan, Kerajaan juga terlibat secara aktif dalam peraturan-peraturan barangan utama antarabangsa untuk mencapai kestabilan harga barangan utama yang berpatutan kepada pengeluar dan saksama kepada pengguna, sama ada melalui penubuhan persatuan-persatuan pengeluar seperti Pertubuhan Pengeluar Timah Antarabangsa (ATPC), Pertubuhan Lada Hitam Antarabangsa (IPC) sebagai memperlengkapkan dan menyokong perjanjian barangan utama antarabangsa seperti Perjanjian Getah Asli Antarabangsa, Perjanjian Timah Antarabangsa dan Perjanjian Kayu-kayan Tropika Antarabangsa. Malaysia terus berusaha untuk mendapat kerjasama dari negara-negara lain bagi mencapai keadaan yang lebih stabil dalam pasaran antarabangsa supaya harga-harga barangan utama tidak menghadapi perkembangan harga yang buruk.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan

Menteri memandangkan keadaan harga minyak sawit turun-naik dan sekarang ini turun oleh kerana terpaksa menghadapi persaingan hebat daripada lain-lain pengeluar sumber pengeluaran lemak atau minyak makan di negeri-negeri lain dan kurangnya permintaan dari luar negeri, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kementerian dan Kerajaan untuk mempercepatkan usaha-usaha mengeluarkan bahan-bahan selain daripada lemak daripada kelapa sawit, seperti minyak diesel yang telah mendapat publisiti yang besar tidak lama dahulu dan juga lain-lain hasil sampingan seperti mengeluarkan makanan binatang ternakan daripada sisa-sisa kelapa sawit. Kalau boleh diterangkan kepada Dewan ini program-program untuk mengcommercialise'kan projek-projek yang berkenaan.

Keduanya mengenai perusahaan kayu balak, apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa pengeluaran kilang-kilang kayu balak sekarang ini menghadapi saat keruntuhan yang amat teruk dan di Negeri Terengganu sebahagian besar daripada kilang-kilang kayu balak terpaksa ditutup atau terpaksa mengurangkan pengeluaran mereka lebih daripada separuh. Kalau beliau sedar akan hal ini, apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk memulihkan perusahaan ini pada masa akan datang supaya tidak banyak sangat pekerja-pekerja yang terpaksa menganggur akibat daripada keadaan merosot ini.

**Tuan Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, pihak PORIM memang sentiasa menjalankan penyelidikan di atas kegunaan kegunaan lain daripada penghasilan minyak kelapa sawit kita, termasuklah dalam memproses diesel daripada kelapa sawit dan saya sukacita memberitahu bahawa pada 2hb November ini, Yang Amat Berhormat

Perdana Menteri sendiri akan melancarkan secara rasmi tentang kegunaan diesel daripada minyak kelapa sawit di PORIM sendiri. Di samping itu, pihak PORIM dengan kerjasama pihak-pihak swasta sedang menjalankan satu kajian yang menyeluruh untuk menghasilkan baja daripada dahan-dahan kelapa sawit sendiri yang mana ini akan mengurangkan kos pengeluaran minyak kelapa sawit kerana dengan adanya penggunaan dahan-dahan ini untuk dijadikan baja, maka tidaklah pihak-pihak yang mengusahakan ladang kelapa sawit terpaksa membeli atau membiayai baja yang begitu besar. Rancangan-rancangan lain memang sedang giat dijalankan oleh pihak PORIM bagi Bahagian R&D sendiri untuk menentukan penggunaan yang lebih besar daripada minyak kelapa sawit.

Perkara yang kedua, sepertimana Yang Berhormat maklum bahawa kita baru sahaja meluluskan satu Lembaga Penyelidikan Hutan Malaysia (FRI) bulan Oktober tahun lepas. Lembaga ini sedang disusun rapi dan perlantikan Pengerusi serta Pengarah-pengarahnya sedang giat dijalankan. Diharapkan dengan wujudnya Lembaga Penyelidikan Hutan Malaysia ini, segala masalah-masalah yang bersangkutan-paut dengan hutan, kayu-kayan, research dan sebagainya akan dapat diambilalih oleh Lembaga tersebut dan satu kajian yang rapi akan dapat dilaksanakan dan ini tentulah akan menolong pihak Kementerian menjalankan aktiviti-aktiviti yang bermakna terhadap industri kayu-kayan ini.

**Tuan Ling Sie Ming:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan bertujuan untuk melaksanakan satu langkah supaya Kerajaan akan memberi hasil-hasil pertanian atas harga-harga tetap untuk

memelihara para petani apabila harga-harga komoditi di pasaran dunia turun, seperti koko, lada, kelapa dan lain-lain. Jikalau tidak, apa sebabnya?

**Tuan Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, saya kurang pasti apabila Yang Berhormat dari Sibru meminta saya untuk menentukan harga-harga hasil pertanian kerana kita tahu bahawa pertanian itu terlalu luas, setengah daripada hasil-hasil pertanian ini adalah di bawah Kementerian sendiri. Jadi, dengan sebab tidak ada pengkhususan daripada soalan itu, saya tidak dapatlah menjelaskan jawapan.

#### **BEKALAN ELEKTRIK DI KAMPUNG CHANGKAT TUALANG**

**6. Tuan Lim Liang Seng** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar sama ada beliau sedar tentang kekurangan kemudahan asas bekalan elektrik selama ini di Kampung Changkat Tualang, Kota Bharu Gopeng, Kinta, jika sedar, bilakah rancangan bekalan elektrik dapat dilaksanakan untuk memberi manfaat kepada rakyat di Kampung Changkat Tualang dan kampung-kampung yang berhampiran dengannya.

**Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar memang sentiasa sedar akan kekurangan kemudahan asas, khususnya bekalan elektrik yang dihadapi oleh penduduk-penduduk luar bandar, bukan sahaja untuk penduduk-penduduk Kampung Changkat Tualang, malahan kampung-kampung iain di seluruh negara.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Kelima dengan perancangan yang teratur maka adalah dijangkakan 91% daripada penduduk luar bandar akan dapat. . . .

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, soalan ini agak khusus. Saya harap Yang Berhormat boleh ringkaskan jawapan supaya saya boleh beralih kepada soalan yang selepas ini. Khusus kerana ia berkenaan dengan pembekalan elektrik ke satu kampung sahaja.

**Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Memang jawapan saya pendek sahaja. Dijangkakan 91% daripada penduduk luar bandar akan dapat menikmati kemudahan ini di akhir Rancangan Malaysia Kelima nanti.

Bagi projek Kampung Changkat Tualang, Kota Bharu, Goreng, Kinta adalah dijangkakan akan dilaksanakan di awal tahun Rancangan Malaysia Kelima nanti.

#### SAHAM BANK— PERATUS DIMILIKI

**7. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Kewangan menyatakan orang-orang atau institusi-institusi yang memegang lebih 20 peratus daripada jumlah saham dalam mana-mana bank di Malaysia dengan memberikan butir-butir lanjut berhubung dengan peratus saham bank yang dimiliki oleh setiap mereka dan jumlah nilai pegangan saham setiap mereka itu.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Sabbaruddin Chik):** Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 29 individu dan syarikat sekarang ini memegang saham melebihi 20% daripada modal dibayar bagi 22 buah bank yang ditubuhkan di negara ini. Walau bagaimanapun, menurut seksyen 16 di bawah Peruntukan Kerahsiaan dalam Ordinan Bank Negara 1958, maklumat-maklumat khusus seperti ini mengenai individu ataupun syarikat tidak dapat saya berikan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun tidak ada jawapan mengenai nama, bolehkah Yang

Berhormat Timbalan Menteri memberi nilai pemilikan saham-saham mereka?

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Saya tidak dapat memberi nama tetapi kalau hendak saham-saham boleh, Tuan Yang di-Pertua.

Di dalam Southern Bank misalnya ada satu syarikat mempunyai 58% daripada jumlah modal dibayar.

Di dalam Kong Ming Bank ada seorang individu mempunyai 22.3%.

Di dalam Oriental Bank ada satu koperasi mempunyai 52%, seorang individu dan sebuah bank yang lain tiap-tiap satu mempunyai kira-kira 22% ataupun 20.5%.

Di dalam Wah Tat Bank satu syarikat mempunyai 34%.

Di dalam Ban Hin Lee Bank satu syarikat mempunyai 30%.

Di dalam Bank Bumiputera ada satu koperasi mempunyai 89.6%.

Di dalam Bank Buruh ada satu badan mempunyai 38.5%.

Di dalam Hock Hua Bank, Sabah dua syarikat tiap-tiap satu mempunyai 70% dan yang satu lagi 21%.

Di dalam Bank of Commerce Berhad satu kumpulan juga mempunyai 86%.

Di dalam Kwong Yik Bank ada satu syarikat mempunyai 51%, satu syarikat lagi mempunyai 33%.

Di dalam Malayan Banking ada satu badan mempunyai 30% dan satu pemegang amanah mempunyai 20%.

Di dalam Malayan United Bank Berhad satu syarikat mempunyai hampir 100%.

Di dalam Public Bank saya tidak dapat angka yang tepat pada waktu ini walaupun kita ketahui ada yang mempunyai lebih daripada 20%.

Di dalam Sabah Bank Berhad satu badan ataupun satu syarikat mempunyai 30% dan satu badan lagi mempunyai 30% juga.

Di dalam D&C satu syarikat mempunyai 33%.

Di dalam UMBC satu syarikat mempunyai kira-kira 50% dan satu badan mempunyai 33.2%.

Di dalam Perwira Habib Bank satu badan tertentu mempunyai 40% dan satu lagi syarikat mempunyai 33%.

Di dalam Pasific Bank Berhad satu koperasi mempunyai 28% dan satu syarikat mempunyai 20%, satu lagi syarikat mempunyai 22%.

Di dalam Malaysian French Bank Berhad satu syarikat mempunyai 70%, satu lagi mempunyai 30%.

Saya tidak dapat memberi angka-angka bagi bank utama Hock Hua Bank dan United Asian Bank kerana tidak ada syarikat ataupun individu yang mempunyai saham lebih daripada 20% seperti yang diminta tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 8 hingga 28 adalah diberi di bawah ini).*

#### **TANAMAN TEMBAKAU DI RANCANGAN KADA**

**8. Tuan Haji Hassan bin Haji Mohamed** minta Menteri Pertanian menyatakan kenapakah Lembaga Kemajuan Perairan Kemubu (KADA) tidak membenarkan petani-petani menggunakan air rancangan KADA itu untuk tanaman tembakau yang lebih banyak menguntungkan petani-petani dari menanam padi sahaja.

**Menteri Pertanian (Tuan Anwar bin Haji Ibrahim):** Pada dasarnya tidak semua petani menanam tembakau di

dalam sesuatu unit/sistem pengairan. Hanya sebilangan kecil sahaja petani dalam sesuatu unit berkenaan yang mendapat kuota menanam tembakau sementara sebilangan besar yang tidak mendapat kuota tersebut mengerjakan tanaman padi.

Bekalan dan keperluan air untuk tanaman padi adalah berlainan sekiranya dibanding dengan keperluan tanaman tembakau. Padi memerlukan air yang lebih banyak daripada tanaman tembakau. Sekiranya pengurusan air KADA diurus mengikut keperluan tembakau, maka tanaman padi tidak akan dapat ditanam dalam unit/sistem pengairan berkenaan. Pengurusan air KADA mengikut keperluan tembakau akan juga menjejaskan Jadual Tanaman Padi yang ditetapkan bagi sesuatu Unit/Sistem Pengairan KADA.

KADA lebih bertanggungjawab kepada tanaman padi. Namun demikian penggunaan air untuk tanaman tembakau boleh diteruskan sekiranya tidak menjejaskan keperluan air untuk penanaman padi di dalam kawasan sekitar.

#### **PERANG IRAN DAN IRAQ— PERANAN MALAYSIA**

**9. Tuan Ismail bin Arshad** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hasil positif dari Persidangan OIC di Jeddah yang turut dihadiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia berhubung dengan penyelesaian masalah perang Iran dan Iraq baru-baru ini dan nyatakan apakah peranan berkesan pihak Malaysia di dalam usaha perdamaian tersebut.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Bagi menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu saya juga memohon izin untuk menjawab soalan-soalan lain yang bersangkutan dengan soalan ini yang akan dikemukakan kepada Dewan Yang Mulia ini oleh

Yang Berhormat Ahli dari Pasir Puteh pada 24-10-85, Yang Berhormat Ahli dari Sabak Bernam pada 28-10-85, Yang Berhormat dari Bachok pada 29-10-85, Yang Berhormat Ahli dari Parit Buntar pada 31-10-85 dan Yang Berhormat dari Parit pada 20-11-85.

Mesyuarat Jawatankuasa Damai Islam (IPC) yang kelapan yang telah diadakan di Jeddah dari 12-14 September adalah dalam rangka untuk meneruskan usaha-usaha Jawatankuasa ini dalam mencari penyelesaian mengenai perang Iran dan Iraq, yang telah masuk ke tahun keenam. Peperangan yang berterusan ini adalah merugikan negara-negara Islam seluruhnya oleh kerana ianya bukan sahaja telah mengorbankan lebih 1 juta nyawa serta mengakibatkan kerugian harta benda yang banyak malah telah juga menjejaskan perpaduan umat Islam sendiri.

Jawatankuasa ini sedar akan hakikat ini dan sebagaimana yang kita sedia maklum Jawatankuasa ini telah berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mencari jalan ke arah tercapainya satu penyelesaian. Jawatankuasa ini memandang berat di atas peperangan ini yang boleh melibatkan negara-negara lain di kawasan itu. Semenjak empat tahun yang lalu Jawatankuasa ini telah mengemukakan beberapa cadangan damai lagi menyelesaikan isu-isu yang terlibat dalam pertikaian ini. Sungguhpun begitu usaha-usaha Jawatankuasa ini masih belum mendatangkan hasil yang positif oleh kerana pendirian kedua-dua negara tersebut adalah bertentangan. Dalam hal ini Jawatankuasa ini telah menyatakan rasa kesalnya kerana peperangan ini masih berlarutan walaupun ianya telah beberapa kali menggesa kedua-dua pihak supaya memberhentikan peperangan.

Namun demikian memandangkan bahawa penyelesaian peperangan ini adalah penting dari segi perpaduan

negara-negara dan umat Islam, Jawatankuasa ini berazam untuk meneruskan tugas-tugasnya. Untuk makluman, saya ingin menyatakan bahawa setelah mengkaji dengan sedalam-dalamnya keadaan semasa peperangan ini dan langkah-langkah yang telah diambil di mesyuarat-mesyuarat yang lalu, mesyuarat kali ke 8 ini telah membuat keputusan untuk meningkatkan lagi usaha-usahanya bagi mencari penyelesaian atas dasar keislaman dan undang-undang antarabangsa mengikut mandat Sidang Kemuncak Islam ketiga dan keempat. Mesyuarat ini juga telah mengambil langkah yang positif bagi mencari penyelesaian terhadap pertikaian ini dan dalam rangka ini mesyuarat telah memberi mandat kepada Pengerusi untuk menghubungi kedua-dua pihak sekali lagi dan Jawatankuasa ini kemudiannya akan meneliti jawapan dan hasil usaha Pengerusi, dan seterusnya akan mengambil tindakan sewajarnya, dan jika perlu akan membuat laporan kepada Sidang Kemuncak OIC mengenai usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh Jawatankuasa ini sebagai asas bagi mencari jalan ke arah tercapainya satu penyelesaian.

Malaysia telah memainkan peranan yang penting dalam mesyuarat tersebut bagi membolehkan mesyuarat membuat rumusan yang praktikal dan berguna untuk dilaksanakan. Ini penting sekali oleh kerana Malaysia mahukan supaya Jawatankuasa ini sedar akan tanggungjawabnya dan seterusnya menentukan supaya Jawatankuasa bertindak dalam satu jangka masa yang tertentu. Di samping ini juga Jawatankuasa hendaklah benar-benar bersikap berkecuali dan tidak memihak kepada mana-mana pihak yang terlibat dalam peperangan ini sekiranya ianya ingin mencapai apa-apa kejayaan dalam usahanya.

Adalah terlalu awal bagi kita untuk menentukan hasil-hasil yang telah dicapai oleh Jawatankuasa ini dalam

melaksanakan keputusan mesyuarat ke 8 yang lalu; namun begitu satu mesyuarat akan diadakan nanti untuk meninjau hasil usaha-usaha yang telah dicapai oleh Pengerusi Jawatankuasa ini untuk tindakan selanjutnya.

### **BURUH DARI BANGLADESH**

**10. Datuk Jamaluddin bin Haji Suhaimi** minta Menteri Buruh menyatakan berapa ramai buruh-buruh dari Bangladesh telah diterima masuk dan disektor apa mereka telah ditempatkan.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato Radzi bin Sheikh Ahmad):** Sehingga 17hb Oktober, 1985 hanya 54 orang buruh dari Bangladesh telah dibawa masuk untuk bekerja di dalam sektor perladangan.

### **ASEAN—MENINGGI TARIF PRESTASI**

**11. Tuan Ban Hon Keong** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Kerajaan kita dan anggota-anggota negara-negara ASEAN akan menimbang mengukuhkan dan meninggikan lagi taraf prestasi pada masa 10 tahun yang akan datang, misatnya dengan mengadakan satu bahasa penghantar dan sebuah ibu negeripusat, mengeluarkan paspot dan matawang umum dan juga menimbang mengadakan pembarisan tentera. Ini adalah memandangkan bahawa ASEAN adalah negara-negara yang progresif sekali di antara negara-negara membangun dari segi keadaan sosial dan ekonomi.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** ASEAN ialah satu badan "kerjasama" dan bukan satu "kesatuan". Oleh yang demikian cadangan untuk mengadakan satu bahasa penghantar, satu ibu negeri, mengeluarkan paspot ataupun matawang bersama tidak timbul pada masa ini. Sebagai badan kerjasama

antara negara-negara yang setaraf, ASEAN telah mengambil langkah yang mendatangkan faedah bersama seperti menghapuskan keperluan visa bagi negaranya masing-masing bagi melawat negara-negara anggota, dan mengiktirafkan lesen-lesen memandu yang dikeluarkan oleh negara-negara ASEAN. Langkah-langkah ini adalah untuk membolehkan kerjasama ekonomi antara ASEAN diperkukuhkan lagi di masa hadapan.

ASEAN juga tidak mempunyai apa-apa rancangan bagi mengadakan pakatan ketenteraan kerana ia adalah badan kerjasama ekonomi. Matlamat ASEAN ialah untuk mengadakan pembangunan dan kemakmuran bagi rakyat masing-masing. Dengan jalan ini masyarakat ASEAN dapat distabilkan; kestabilan itu pula akan menjadi landasan keamanan di Tenggara Asia.

### **CUKAI PENDAPATAN**

**12. Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau bersedia mengurangkan cukai pendapatan gaji golongan berpendapatan rendah serta meningkatkan kadar cukai bagi golongan berpendapatan tinggi agar jurang antara orang-orang kaya dan miskin dapat dikurangkan; jika tidak, mengapa.

**Dato Sabbaruddin Chik:** Golongan berpendapatan rendah di negara ini tidak membayar apa-apa cukai pendapatan. Cukai hanya dikenakan ke atas pendapatan setelah diambil kira pelepasan untuk diri sendiri sebanyak \$5,000, isteri \$3,000, anak-anak \$3,800, insurans dan KWSP \$3,500. Di samping itu rebate cukai sebanyak \$60 kepada suami dan \$30 untuk isteri juga diberi. Rebate sebanyak \$90 ini adalah sama dengan pelepasan sebanyak \$1,800 untuk pembayar-pembayar cukai di peringkat 5%.

Oleh kerana pelepasan-pelepasan yang berikan adalah begitu banyak, golongan yang berpendapatan rendah tidak dikenakan cukai. Misalnya sesuatu keluarga yang mempunyai dua anak yang berpendapatan kurang dari \$10,000 tidak dikenakan cukai pendapatan. Oleh itu isu pengurangan cukai tidak timbul.

### **KURIKULUM BARU SEKOLAH MENENGAH— PERLAKSANAAN**

**13. Wan Ibrahim Wan Abdullah** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) bilakah KBSM akan dilaksanakan; dan
- (b) adakah KBSM yang bakal dilaksanakan itu mengambilkira tentang perkembangan KBSR di mana murid-murid akan diperkenalkan dengan pengetahuan pelajaran elektif dalam berbagai bidang.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Bujang bin Haji Ulis):**

- (a) Kementerian Pelajaran bercadang hendak melaksanakan Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) apabila murid-murid yang mengikuti program KBSR memasuki tingkatan satu.
- (b) KBSM masih lagi di peringkat perancangan dan penggubalan. Oleh kerana itu maklumat yang diminta oleh Ahli Yang berhormat belum dapat diberikan sekarang.

### **IMPORT BUAH-BUAHAN/ SAYUR-SAYURAN**

**14. Tuan Tan Kok Hooi** minta Menteri Pertanian menyatakan memandangkan bahawa kita banyak mengimport buah-buahan dan sayur-

sayuran adakah Kerajaan bercadang memberi tanah kepada penanam-penanam sayur dan pekebun-pekebun buah-buahan supaya menambahkan pengeluaran.

**Tuan Anwar bin Haji Ibrahim:** Pembangunan perusahaan buah-buahan dan sayur-sayuran memang digalakkan dan dipergiatkan untuk menentukan bekalannya yang bermutu tinggi yang mencukupi untuk penduduk yang semakin bertambah. Tugas Kementerian Pertanian dalam hal ini adalah untuk memberikan khidmat nasihat untuk menggalakkan penanaman buah-buahan dan sayur-sayuran. Masalah pemberian tanah pula adalah berkait rapat dengan Kerajaan Negeri dan terpulang kepada Kerajaan Negeri untuk menentukan strategi dalam pengeluaran buah-buahan dan sayur-sayuran, seperti mana yang dirangkakan, iaitu mengikut sistem pembukaan dan pemberian tanah oleh Kerajaan Negeri masing-masing.

Untuk makluman Y.B. penambahan pengeluaran bagi buah-buahan dan sayur-sayuran tidak semesti dimajukan di tanah-tanah baru, akan tetapi juga boleh dicapai melalui penggunaan kawasan yang sedia ada. Masih terdapat banyak tanah-tanah terbiar dan dusun-dusun lama yang boleh dipulihkan dan juga melalui penggunaan sawah padi yang tidak digunakan sepenuhnya.

Langkah-langkah juga sedang diambil untuk memastikan bahawa tanah untuk pengeluaran sayur-sayuran adalah mencukupi di kawasan berhampiran dengan bandar dan juga dikawasan tertentu seperti di kawasan tanah-tanah tinggi. Pengeluaran sayur-sayuran secara besar-besaran dan teratur dengan menggunakan kaedah yang sedia ada dan juga teknologi-teknologi moden akan digalakkan. Begitu juga zon-zon kesesuaian tanah telah dikenalpasti khususnya di Semenanjung Malaysia.

## BANTUAN KEPADA NEGARA KURANG MAJU

**15. Tuan Quah Wee Liam** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bentuk-bentuk bantuan kecil yang telah diberikan kepada negara-negara kurang membangun;
- (b) nama negara-negara yang menerima bantuan; dan
- (c) peringkat kejayaan yang tercapai.

**Perdana Menteri:** Kerajaan telah melancarkan Program Kerjasama Teknik Mataysia (PKTM) semenjak tahun 1980, untuk membantu negara-negara lebih miskin dan kurang maju. Jenis bantuan utama yang diberikan di bawah program ini boleh digolongkan kepada tiga iaitu:

- (a) Biasiswa dan hadiah latihan untuk pelatih-pelatih dari negara-negara penerima mengikuti berbagai kursus di pusat-pusat pengajian tinggi dan institusi-institusi latihan di Malaysia;
- (b) Penerimaan pelatih mengikuti lawatan sambil belajar dan penempatan di Jabatan-jabatan Kerajaan;
- (c) Peminjaman pegawai-pegawai kerajaan yang mahir dalam bidang-bidang tertentu untuk bertugas di negara-negara penerima;

Malaysia juga ada memberikan bantuan-bantuan lain berdasarkan kes-kes tertentu termasuklah bantuan dalam bentuk biji benih dan lain-lain bantuan kebendaan.

Adalah sukar untuk mengukur tahap kejayaan program ini. Namun detnikian, Kerajaan berpuashati dengan program ini dan berpendapat bahawa program ini telah berjaya

berdasarkan dua faktor. Pertama ialah sambutan yang diberikan oleh negara-negara penerima terhadap program ini sangatlah mengagumkan. Misalnya, bilangan negara penerima telah bertambah dari 8 buah sahaja pada tahun 1981 kepada 42 pada tahun 1985. Keduanya ialah program ini telah dapat membuktikan bahawa negara-negara sedang membangun juga mampu bekerjasama di antara satu sama lain dan tidak semata-mata bergantung kepada negara-negara maju.

## FAEDAH BANK

**16. Tuan Ng Cheng Kuai** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) apakah beliau akan menurunkan lagi kadar faedah bank supaya dapat memupuk pemulihan ekonomi;
- (b) jika tidak, sebutkan sebab-sebabnya.

**Dato Sabbaruddin Chik:** Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah pun mengambil tindakan untuk mengurangkan kadar faedah asas pinjaman ataupun base lending rate. Kadar faedah ini telah diturunkan sebanyak 1% pada 24hb Jun, 1985. Kadar ini telah diturunkan lagi sebanyak 0.5% mulai dari 21hb Oktober, 1985. Adalah dijangka bahawa penurunan dalam kadar faedah ini akan menggalakkan kegiatan ekonomi negara.

## KAMPUCHEA—PENYELESAIAN PERSENGKETAAN

**17. Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah usaha terakhir negara kita, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan negara-negara kuasa besar setakat ini bagi menyelesaikan masalah Kampuchea. Sejauh manakah penerimaan Menteri Luar Vietnam, Nguyen Co Thach, terhadap cadangan penyelesaian persengketaan dengan Kampuchea itu.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Usaha-usaha terakhir untuk menyelesaikan masalah Kampuchea adalah seperti berikut:

Malaysia berserta negara-negara ASEAN yang lainnya telah mengemukakan kepada Vietnam cadangan Rundingan Perantaraan atau Proximity Talks. Cadangan ini telah disampaikan kepada pihak Vietnam secara rasmi melalui Duta Besar kita di Hanoi dan melalui satu kenyataan bersama yang dikeluarkan pada 8hb Julai, 1985 di Kuala Lumpur sempena Sidang Tahunan Menteri-menteri Luar Negara ASEAN. Malangnya, setakat ini reaksi dari pihak Vietnam terhadap cadangan Rundingan Perantaraan ini tidak begitu menggalakkan.

Dalam pada itu Menteri Luar kita telah sempat mengadakan pertemuan dengan Menteri Luar Negeri Vietnam Nguyen Co Thach sebanyak dua kali dalam bulan September yang lalu di Luanda semasa menghadiri Persidangan Menteri-menteri Luar Negeri Negara-negara Berkecuali, tetapi satu hasil yang konkrit belum ditemui disebabkan sikap Vietnam yang tidak dapat menerima sepenuhnya cadangan ASEAN mengenai Rundingan Perantaraan. Namun begitu perbincangan tersebut ada faedahnya dalam usaha untuk mencari satu titik pertemuan yang boleh dipersetujui oleh semua pihak berkenaan untuk menggerakkan konsep Rundingan Perantaraan tersebut.

Sementara itu Menteri Luar Negeri Indonesia Professor Mochtar Kusumaatmadja sebagai "interlocutor" bagi pihak ASEAN telah juga mengadakan perbincangan dengan Menteri Luar Negeri Vietnam dalam bulan Ogos yang lalu di Jakarta. Mereka telah membincangkan beberapa aspek

mengenai penyelesaian terhadap Kampuchea tetapi usaha beliau juga belum menghasilkan kejayaan.

Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu adalah terikat kepada resolusi yang telah diluluskan olehnya dan juga Perisytiharan Persidangan Antarabangsa mengenai Kampuchea (ICK) supaya sengketa dalam masalah Kampuchea diakhiri melalui satu penyelesaian politik yang menyeluruh yang berpandukan kepada prinsip yang adil dan saksama untuk kedamaian yang berkekalan di Kampuchea yang menitikberatkan konsep pengunduran sepenuhnya tentera Vietnam dari Kampuchea serta mengembalikan semula kemerdekaan dan kedaulatan Kampuchea dengan memberikan hak kepada rakyatnya untuk menentukan masa hadapan mereka sendiri dengan jaminan dari negara-negara asing agar tidak campurtangan dalam hal ehwal Kampuchea.

Lawatan Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu ke beberapa buah negara Asia Tenggara termasuk Malaysia dan Vietnam dalam bulan Januari-Februari yang lalu adalah dalam konteks untuk membuat penilaiannya sendiri sebagai ketua badan dunia itu terhadap masalah Kampuchea berpandukan kepada hasil pertemuannya dengan pemimpin-pemimpin negara rantau ini yang dilawatinya untuk membuka satu saluran perhubungan dan juga sebagai "peace Broker" di antara ASEAN dan Vietnam dengan menggalakkan wujudnya persefahaman, dialog dan perundingan. Dari keterangan yang diberikan olehnya mengenai hasil lawatannya ke Vietnam jelaslah bahawa Vietnam tidak dapat menerima resolusi Bangsa-bangsa Bersatu dan Perisytiharan ICK dan

tidak bersetuju untuk berbincang dengan mana-mana pihak untuk penyelesaian. Vietnam jelas menunjukkan sikapnya yang ingin menyelesaikan sengketa di Kampuchea mengikut caranya sendiri iaitu dengan cara ketenteraan. Pendiriannya yang menyatakan kedudukan di Vietnam adalah "irreversible" dan memperkuat lagi kedudukan regim Heng Samrin sebagai regim yang sah di Phnom Penh jelas membuktikan hakikat ini.

Bagi pihak kuasa-kuasa besar pula, Amerika Syarikat menyokong sepenuhnya pendirian ASEAN untuk mencari satu penyelesaian politik yang menyeluruh dalam sengketa ASEAN berpandukan Perisytiharan ICK sementara Soviet Russia pula menyokong pendirian Vietnam.

#### ANCAMAN KESELAMATAN NEGARA

**18. Tuan V. Govindaraj** minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada pihak Kementerian mengesan apa-apa ancaman dari aspek keselamatan negara kita, akibat tindakan perampasan kuasa yang berlaku haru-baru ini di negara jiran kita negeri Thailand.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Dato Abang Abu Bakar bin Dato Bandar Abang Haji Mustafa):** Kerajaan dan Kementerian Pertahanan khususnya sentiasa mengikut setiap perkembangan pergolakan politik yang berlaku di sekitar rantau ini termasuklah peristiwa gerakan rampasan kuasa yang gagal di negara Thai baru-baru ini.

Dalam hal ini, ingin saya maklumkan di Dewan Yang Mulia ini bahawa cubaan rampasan kuasa tersebut tidak menimbulkan apa-apa kesan atau ancaman kepada negara kita.

#### LAPORAN SKANDAL PINJAMAN BMF

**19. Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) bilakah Jawatankuasa Penyasatan Ahmad Nordin ke dalam skandal pinjaman BMF sebanyak \$2.5 billion akan menerbitkan laporan-laporan akhirnya dan sama ada penemuan-penemuan daripada laporan akan diumumkan kepada orang ramai; dan
- (b) mengapakah sehingga kini tiada seorang pesalah pun dihadapkan ke mahkamah selepas berlakunya kelewatan yang begitu panjang ke atas skandal pinjaman yang terbesar sekali dalam sejarah negara.

**Dato Sabbaruddin Chik:** Saya memohon izin untuk menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Seremban yang dijadualkan dijawab dalam Dewan ini pada 18hb. November, 1985. Ini memandangkan isu-isu yang dibangkitkan adalah sama.

Saya telah difahamkan, bahawa Jawatankuasa Penyasatan Tan Sri Ahmad Nordin pada masa ini adalah di peringkat terakhir dalam menyediakan dan menyiapkan laporan akhir hasil siasatan mereka ke atas skandal pinjaman BMF (Hong Kong).

Jawatankuasa ini sedang meneliti derafnya yang terakhir bagi memastikan semua fakta-fakta yang tepat dan betul dimasukkan. Ini untuk menjamin bahawa laporan terakhir yang akan disiapkan itu adalah lengkap dan tidak mempunyai apa-apa kelemahan, serta juga tidak ada memberi apa-apa kesan yang boleh menjejaskan tindakan undang-undang yang sedang dan akan diambil ke atas pihak-pihak yang terlibat dalam skandal tersebut.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Jawatankuasa Penyasat Ahmad Nordin ditubuhkan oleh Bank Bumiputera. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan mengumumkan iaporan akhir Jawatankuasa tersebut kepada orang ramai kecuali jika bahagian-bahagian tertentu melibatkan rahsia bank (banking secrecy).

Tuan Yang di-Pertua,

Mengenai soalan kedua, Kerajaan perlu menyiasat kes ini dengan lebih teliti sebelum dibawa ke mahkamah. Ini adalah untuk mendapatkan bukti yang cukup dan kukuh. Dalam kes BMF ini pihak Peguam Negara sedang mengkaji sama ada tindakan mahkamah boleh diambil ke atas pihak-pihak yang terlibat. Kajian ini akan mengambil masa sedikit kerana kesalahan-kesalahan jenayah tersebut berlaku di luar Malaysia.

### KEMATIAN AKIBAT PERACUNAN PARAQUAT

20. **Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Kesihatan menyatakan bagi setiap kategori di bawah bentuk-bentuk kawalan yang—

- (a) tersedia ada pada masa sekarang; dan
- (b) akan dirangkakan berikutan dengan peningkatan jumlah kematian disebabkan oleh peracunan paraquat dan racun-racun serangga dan rumpai yang lain ke atas—
  - (i) pengeluaran;
  - (ii) pengimportan;
  - (iii) penjualan; dan
  - (iv) penggunaan

ubat-ubatan dan kimia berbahaya. Apakah di antaranya—

- (i) kimia dan (ii) ubat

yang pada masa sekarang adalah dikawal oleh Kerajaan.

### Menteri Kesihatan (Dato Chin Hon Ngian):

- (a) Undang-undang yang tersedia ada pada masa sekarang untuk mengawal pengeluaran, pengimportan, penjualan dan penggunaan ubat-ubatan dan kimia berbahaya ialah—

Ordinan Racun 1952.

Ordinan Jualan Makanan dan Dadah 1952.

Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956 (Pindaan 1983)

Bentuk kawalan yang dijalankan adalah sepertimana yang ditetapkan oleh Undang-undang tersebut.

### *Ordinan Racun 1952*

Senarai Perintah Racun di bawah Ordinan Racun 1952 mengandungi kimia bahaya dan ubat-ubatan yang dikawal oleh Kerajaan pada masa sekarang.

### *Ordinan Jualan Makanan dan Dadah 1952*

Pendaftaran persediaan-persediaan ubat-ubatan, alat solek dan ubat tradisi dikawal di bawah Ordinan Jualan Makanan dan Dadah 1952 (Peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984). Ketiga-tiga kumpulan persediaan ini akan dilaksanakan berperingkat-peringkat.

Pendaftaran persediaan-persediaan farmaseutikal yang mengandungi racun yang dikawal di bawah Ordinan Racun 1952 akan dimulakan pada 1 November 1985. Tarikh-tarikh pendaftaran ubat-ubatan yang tidak mengandungi racun, persediaan alat solek dan

persediaan tradisi belum ditetapkan.

Paras-paras yang dibenarkan untuk logam-logam berat, plambam (lead) dan arsenit dalam ubat-ubatan adalah seperti disebutkan dalam Ordinan Jualan Makanan dan Dadah 1952.

- (b) Pindaan kepada undang-undang yang sedia ada dan gubalan undang-undang baru akan dirangkakan sekiranya undang-undang yang berkuatkuasa didapati perlu diperketatkan.

Racun-racun makhluk perosak adalah dikawal di bawah Akta Racun Makhluk Perosak 1974 yang dikuatkuasakan oleh Kementerian Pertanian. Di dalam kaedah-kaedah racun Makhluk Perosak (Pendaftaran) 1976. Di bawah Akta Racun Makhluk Perosak 1974, semua Racun Makhluk Perosak yang diimport di kilang dan dijual di dalam negeri ini mesti didaftar oleh Lembaga Racun Makhluk Perosak.

Kementerian Pertanian kini sedang menyediakan satu peraturan untuk mengawal penyimpanan, penjualan dan penggunaan Racun Perosak yang amat biasa di bawah Seksyen 57 (1) (E) Akta Racun Makhluk Perosak 1974. Dengan adanya peraturan ini adalah diharapkan bahawa racun-racun yang amat bisa seperti paraquat akan dapat dikawal dengan lebih ketat untuk mengelakkan dari keracunan terjadi kepada pengguna.

## HARGA GETAH DI PASARAN

**21. Tuan Ismail Arshad** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah pihak Kerajaan akan mengkaji semula peranannya di dalam INRO (Pertubuhan Getah Asli Antarabangsa) memandangkan kurangnya keberkesanan pertubuhan tersebut dalam menstabilkan harga getah pada semasa, dan apakah

rancangan serta strategi seterusnya oleh pihak Kerajaan kepada menjamin harga getah diparas yang wajar dan tidak membebankan para pekebun kecil getah di negara ini.

**Tuan Megat Junid bin Megat Ayob:** Sebagaimana sedia maklum kemelesetan ekonomi dunia baru-baru ini yang bermula sejak lebih kurang empat tahun yang lalu adalah merupakan kemelesetan ekonomi dunia yang paling buruk sejak berlakunya kemelesetan yang besar dalam tahun tiga puluhan yang telah menjejaskan bukan sahaja harga getah asli tetapi juga harga semua bahan-bahan utama yang dipasarkan di pasaran antarabangsa. Getah asli adalah bernasib baik kerana Perjanjian Getah Asli Antarabangsa (INRO) telah mula dikuatkuasakan sejak akhir tahun 1980. Dalam masa satu tahun selepas Perjanjian tersebut dikuatkuasakan panggilan sumbangan kewangan telah dibuat kepada negara-negara ahli perjanjian tersebut bagi membiayai Stok Penimbal bagi tujuan menstabilkan harga getah. Langkah-langkah INRO ini telah berjaya menahan harga getah dari terus merosot dan sekiranya tiada INRO sudah tentu harga getah turun keparas yang lebih rendah lagi sebagaimana berlaku terhadap beberapa bahan utama yang lain di mana harganya di pasaran dunia menurun ke paras lebih kurang 1/2 atau 1/3 dari kos pengeluaran. Ini bermakna INRO telah menunjukkan keberkesanannya, walaupun pada hakikatnya INRO tidak dilengkapkan untuk mengendalikannya keadaan ketidakseimbangan bekalan dan permintaan yang berpanjangan sama ada yang berbentuk struktur atau sebaliknya oleh kerana INRO diwujudkan untuk mengendalikannya keadaan ketidakseimbangan bekalan jangka pendek atau sementara sahaja.

Namun demikian kita menyedari kelemahan-kelemahan Perjanjian ini sekarang terutamanya dari segi

perlunya untuk membuat perubahan-perubahan terhadap jajaran harga supaya ianya selaras dengan kos pengeluaran. Dalam hubungan ini Malaysia bersama-sama negara-negara pengeluar yang lain yang merupakan Ahli Perjanjian Getah Asli Antarabangsa sedang berusaha untuk memperkemas dan memperbaiki keberkesanan operasinya dalam perjanjian kedua yang mana akan dirundingkan pada awal tahun hadapan.

Dalam konteks ini Malaysia masih menaruh harapan bagi memperbaiki keberkesanan INRO dan sekiranya usaha ini tidak berhasil, barulah Malaysia boleh mempertimbangkan untuk keluar dari perjanjian ini jika tindakan tersebut memberi faedah kepada Malaysia. Buat masa ini langkah-langkah penstabilan harga melalui Perjanjian Antarabangsa ini akan diteruskan oleh kerana walau apa-apa langkah sekalipun diambil oleh Kerajaan, harga getah adalah masih tertakluk kepada pengaruh faktor-faktor bekalan dan permintaan bahan tersebut di peringkat pasaran antarabangsa dan ini berkehendakkan kerjasama antarabangsa untuk mengendalikannya.

Mengenai rancangan serta strategi seterusnya, selain dari pembelian oleh MARDEC dan RISDA yang sentiasa berada di pasaran bagi menentukan harga yang ditawarkan kepada pekebun kecil adalah adil dan kompetitif kita perlu juga terus mempergiatkan usaha-usaha untuk mengurangkan kos pengeluaran serta bagi meningkatkan kecekapan dan produktiviti. Ini adalah di bawah kawalan dan kemampuan Malaysia untuk menjalankan secara berkesan bertujuan untuk menjadikan perusahaan getah Malaysia lebih berdaya maju dan dapat bersaing di pasaran antarabangsa. Dengan kecekapan dan produktiviti yang tinggi, kesan buruk kejatuhan harga boleh dikurangkan. Dalam hubungan

ini tekanan telah diberi kepada usaha-usaha penyelidikan dan kemajuan getah dalam aspek pengenalan benih-benih bermutu tinggi, penyelidikan terhadap pengurangan tempoh belum matang penyelidikan terhadap penemuan sistem penorehan yang lebih cekap dan menjimatkan tenaga buruh serta juga usaha-usaha untuk menghasilkan teknologi moden melalui pemindahan dan pelaksanaan teknologi khususnya bagi pekebun-pekebun kecil.

Di samping itu, usaha yang paling penting dan berkehendakkan perhatian segera ialah bagi mewujudkan kerjasama yang lebih erat dengan negara-negara pengeluaran untuk mengawal dan merancang pengeluaran bagai mencapai keseimbangan yang lebih baik antara bekalan dan permintaan bagai menentukan harga getah berada di paras yang sihat.

**PARAM CUMARASWARY—  
TUDUHAN DI BAWAH AKTA  
HASUTAN**

**22. Tuan Lim Kit Siang** minta Perdana Menteri menyatakan kriteria yang digunakan oleh Peguam Negara untuk memutuskan sama ada hendak memberi persetujuan atau tidak terhadap pendakwaan sesuatu kesalahan hasutan di bawah seksyen 3 Akta Hasutan 1984 serta terangkan Param Cumaraswary, Naib Presiden Majlis Peguam, dituduh kerana menghasut sementara tiada seorang pun dituduh menghasut sungguhpun beberapa serangan dibuat ke atas Raja-Raja semasa Krisis Perlembagaan tahun 1983.

**Dato Radzi bin Sheikh Ahmad:** Pendakwaan seseorang yang telah melakukan kesalahan di bawah mana-mana undang-undang negara adalah berasaskan:

- (a) Apa yang dilakukan oleh seseorang itu adalah menjadi satu kesalahan undang-undang;

- (b) Pihak pendakwa mempunyai bukti yang cukup dan keterangan yang memuaskan untuk membuktikan kesalahan itu; dan
- (c) Pendakwaan itu dibuat di atas pertimbangan sama ada pendakwaan itu adalah untuk kepentingan awam. Pendakwaan ke atas Encik Cumaraswary tidak dapat diterangkan di sini oleh kerana ini adalah "subjudice".

### FAEDAH ATAS PINJAMAN KERAJAAN

**23. Tuan Peter Chin Gan Oon** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau akan memeriksa semula atau "review" kehendak-kehendak pinjaman kepada sektor utama yang tertentu dan membuat pengubahan ke atas kadar faedah ke atas pinjaman Kerajaan supaya mengurangkan nisbah faedah yang dikenakan oleh bank-bank komersial dengan tujuan untuk menolong sektor-sektor swasta menambahkan pelaburan serta mengaktif dan mendorong situasi ekonomik yang tidak pesat yang dihadapi oleh negara kita masa kini.

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan supaya sektor utama dalam ekonomi mendapat pinjaman pada kos yang berpatutan, garis panduan pinjaman kepada sektor-sektor ini dikaji oleh Bank Negara pada setiap tahun dan prestasi bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan dalam pematuhan kepada garis panduan ini akan dikaji pada awal tahun berikutnya.

Kadar faedah asas pinjaman atau "base lending rate" telah turun dalam tempoh empat bulan ini iaitu sebanyak 1% pada 24hb Jun, 1985 dan 0.5% pada 21hb Oktober, 1985. Penurunan dalam kadar faedah ini dijangka akan menggalakkan kegiatan ekonomi

negara. Di samping itu, Kerajaan juga telah melancarkan satu Tabung Pelaburan Baru (New Investment Fund) berjumlah \$1 billion yang akan menyalurkan modal pada kadar yang berpatutan bagi membiayai kegiatan yang produktif dalam sektor perkilangan, pertanian dan pelancongan. Kerajaan sentiasa mengawasi keadaan ini dan akan memastikan bahawa sektor-sektor utama akan mendapat keperluan modal pada kos yang berpatutan.

### HUTANG KERAJAAN PERSEKUTUAN

**24. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah hutang negara Malaysia seperti pada 30hb Jun, 1985 dan dari jumlah ini berapakah dalam bentuk hutang luar negeri.
- (b) berbagai pinjaman-pinjaman luar yang masanya sudah cukup untuk dibayar balik atau telah dibayar balik sejak bulan Julai, 1985 sehingga bulan Disember, 1986; dan
- (c) sama ada apa-apa pinjaman yang mesti dibayar balik, telah dijadualkan semula pembayaran baliknya, jika ya, apakah syarat-syaratnya.

**Dato Sabbaruddin Chik:**

- (a) Kedudukan jumlah baki hutang Kerajaan Persekutuan seperti pada 30hb Jun, 1985 adalah berjumlah \$60.3 billion iaitu terdiri daripada jumlah hutang Luar Negeri sebanyak \$21.4 ribu jula, hutang Dalam Negeri sebanyak \$38.9 ribu juta. Jumlah hutang luar Negeri Malaysia pula yang termasuk Jaminan Kerajaan dan Pinjaman Luar Negeri Sektor Swasta ialah sebanyak \$39.6 ribu juta.

- (b) Bagi tempoh bulan Julai, 1985 hingga bulan Disember, 1986 hanya terdapat satu saja pinjaman Luar Negeri Kerajaan Persekutuan yang tempohnya telah matang untuk dibayar balik iaitu pinjaman Bon Deutsceh Mark sebanyak \$89.4 juta yang dibayar balik pada bulan Ogos, 1985.
- (c) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembayaran balik kebanyakan pinjaman-pinjaman Luar Negeri Kerajaan Persekutuan adalah tidak dilakukan secara pembayaran sekaligus (Bullet Repayment) tetapi ianya dilakukan mengikut jadual pembayaran ansuran. Oleh yang demikian, tidak ada pinjaman yang mesti dibayar balik yang telah ditukar jadual pembayarannya.

demikian, adalah menjadi kepentingan Malaysia untuk bekerjasama dengan negara-negara pengeluar lain sekiranya ini akan menguntungkan Malaysia juga. Apa yang penting yang harus dilakukan untuk mengekalkan kebolehan kita bersaing dalam pasaran dunia serta menjamin pasaran barangan Malaysia supaya lebih kukuh ialah dengan terus meningkatkan usaha-usaha penyeiidikan dan pembangunan untuk memperbaiki kekesan pengeluaran dan mengurangkan kos operasi di samping mengatasi masalah-masalah yang dihadapi dalam pengeluaran barangan utama. Dengan cara ini adaiiah diharapkan Malaysia dapat mengeluarkan barangan utama pada kadar kos pengeluaran yang paling rendah dan mempunyai produktiviti yang paling tinggi selain menjamin mutu yang baik.

#### PEMINDAHAN TEKNOLOGI PERTANIAN

**25. Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menghentikan pemindahan teknologi pertanian terutama bagi bahan komoditi utama seperti kelapa sawit dan getah kepada negara-negara luar sebagai langkah untuk mengelakkan potensi bersaing dari negara-negara tersebut dan menjamin pasaran Malaysia bagi bahan-bahan tersebut kukuh.

**Tuan Megat Junid bin Megat Ayob:** Sesuatu teknologi pertanian itu tidaklah pada kebiasaannya dimonopoli oleh sesuatu pihak atau sesebuah negara. Walaupun di sektor pertanian khususnya dalam industri kelapa sawit dan getah. Malaysia memang telah diakui mempunyai teknologi pertanian yang telah maju, namun demikian ini tidak bermakna bahawa negara-negara lain tidak boleh membangunkan teknologi pertanian mereka dalam industri ini. Oleh yang

#### HARGA KERETA PROTON SAGA

**26. Tuan Seow Hun Khim** minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan harga kereta nasional, Proton Saga, adalah lebih murah dari harga kereta import, berapa banyakkah modal yang diperlukan untuk mengeluarkan setiap Proton Saga, jumlah keuntungan setiap unit, dan berapakah harga kereta harus dikeluarkan dan dijual setiap tahun sebelum sebarang keuntungan dapat diperolehi.

**Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili);** Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, pada masa ini kereta Proton Saga bukan sahaja lebih murah dari kereta-kereta yang diimport, tetapi juga murah jika dibandingkan dengan kereta-kereta yang dipasang di dalam negeri yang sekelas dengannya. Merujuk kepada kos pengeluaran dan keuntungan dan juga "break-evenpoint", ke semuanya maklumat ini adalah rahsia syarikat.

Oleh yang demikian adalah didapati tidak wajar bagi saya mengumumkannya. Sukalah saya menegaskan di sini bahawa di dalam menilai projek-projek besar seperti ini adalah lebih wajar diambilkira dari segi jangka panjang. Sekiranya dipandang dari sudut sedemikian projek ini adalah satu projek yang "viable".

### TIMBALAN PERDANA MENTERI SINGAPURA KE MALAYSIA— LAWATAN

27. **Dr Leo Michael Toyad** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hasil lawatan Timbalan Perdana Menteri Singapura baru ini ke Malaysia. Dan apakah perkara yang dibincangkan masa lawatan tersebut itu.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Encik Goh Chok Tong, Timbalan Perdana Menteri Pertama Singapura telah melakukan lawatan tidak rasmi selama 2 hari ke Malaysia pada 21hb-22hb Ogos yang lalu. Kedatangan beliau adalah di atas jemputan Kelab Harvard Malaysia. Beliau diundang menghadiri majlis makan malam anjuran Kelab tersebut dan juga untuk berucap di majlis itu. Encik Goh Chok Tong berucap mengenai masalah dan cabaran yang dihadapi oleh Singapura di rantau ini dan hadirin serta wartawan-wartawan Malaysia telah berpeluang berdialog dan bertukar-tukar fikiran dengan Timbalan Perdana Menteri Singapura itu.

Semasa lawatan berkenaan, Encik Goh Chok Tong juga berkesempatan melakukan kunjungan hormat ke atas Yang Amat Berhormat Dato' Musa Hitam, Timbalan Perdana Menteri. Kedua-dua Timbalan Perdana Menteri telah berbincang dan bertukar-tukar pendapat mengenai perkara-perkara kepentingan bersama di antara kedua buah negara. Khususnya, kedua-dua

pemimpin berbincang mengenai betapa perlunya untuk mengeratkan lagi hubungan baik di antara Malaysia dan Singapura. Ini dapat diwujudkan dengan adanya hubungan rapat yang berterusan di antara pemimpin-pemimpin kalangan generasi baru Singapura dengan pemimpin-pemimpin Malaysia yang ada sekarang. Kedua-dua pemimpin juga berpendapat bahawa adalah penting bagi perhubungan baik ini berasaskan perhubungan peribadi di antara pemimpin-pemimpin peringkat atasan dan rakyat di semua peringkat. Kedua-dua pemimpin bersetuju bahawa cara paling baik bagi memupuk persahabatan di antara pemimpin-pemimpin dan rakyat kedua buah negara ialah dengan menggalakkan pertukaran-pertukaran lawatan di antara kedua belah pihak.

Lawatan Encik Goh Chok Tong ini adalah mencerminkan sebahagian usaha-usaha dan cita-cita pemimpin-pemimpin kedua belah pihak untuk saling berkenalan di antara satu sama lain dan memberi peluang baik bagi keduanya untuk bertukar-tukar pendapat dan berbincang mengenai perkara-perkara kepentingan bersama. Dalam konteks ini, lawatan beliau berjaya merapatkan lagi hubungan baik di antara kedua buah negara.

### DASAR PERTANIAN NEGARA— MENGUSAHAKAN

28. **Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar terdapat ramai keluarga yang mengusahakan tanah yang tidak ekonomik untuk tujuan pertanian walaupun telah digunakan tanah itu secara optima; jika sedar sudahkah Kementerian membuat kajian secara menyeluruh untuk mengetahui berapa jumlah keluarga yang di dalam keadaan

begini. Apakah langkah-langkah Kementerian bagi mengurangkan jumlah keluarga seperti ini; dan

- (b) apakah rintangan-rintangan yang dihadapi oleh Kerajaan di dalam usahanya untuk mengurangkan masalah ini; adakah rintangan-rintangan ini akan dapat diselesaikan di dalam Rancangan Malaysia Kelima.

**Tuan Anwar bin Haji Ibrahim:** Kerajaan sememangnya menyedari ramai keluarga yang mengusahakan tanah yang tidak ekonomik bagi tujuan pertanian. Dasar Pertanian Negara yang telah dilancarkan tidak lama dahulu antara lain telah menyatakan bahawa tanah-tanah yang kecil ini adalah antara faktor yang telah menyebabkan kadar produktiviti yang rendah di kalangan petani dan pekebun kecil.

Usaha-usaha mengumpulkan data telah dibuat melalui Banci Pertanian 1976. Jumlah keluarga petani yang mengusahakan tanaman padi ialah seramai 455,424 dengan purata keluasan 1.02 hektar; kelapa 161,086 keluarga (purata keluasan 1.11 ha); buah-buahan 139,448 keluarga (purata keluasan 0.79 ha); koko 10,106 keluarga (purata keluasan 1.66 ha); getah 357,588 keluarga (purata keluasan 2.77 ha) dan kelapa sawit 24,725 keluarga (purata keluasan 4.37 ha). Dari segi keluasan kebun pula daripada sejumlah 671,016 kebun 38.7% adalah mempunyai keluasan di bawah 1 ha, dan 26.2% adalah mempunyai keluasan antara 1-2 ha. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan keluarga petani kita adalah mengerjakan tanah-tanah pertanian yang tidak ekonomik. Usaha-usaha mengumpul data-data yang kemaskini sedang dijalankan oleh Kementerian melalui Jabatan Pertanian bagi mengetahui perubahan status luas

tanah petani selaras dengan langkah-langkah untuk memperbaiki taraf sosio-ekonomi mereka.

Di samping usaha-usaha memindahkan petani-petani melalui pembukaan tanah baru yang dijalankan oleh Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, beberapa langkah lain bagi memperbaiki taraf hidup petani juga diambil. Antaranya ialah dengan menggalakkan supaya tanah-tanah yang tidak ekonomik ini dikumpul dan diusahakan secara berkelompok. Ini akan membolehkan jentera-jentera pertanian dan teknologi moden digunakan di kawasan tersebut secara lebih ekonomik bagi meningkat daya pengeluaran di kalangan pekebun-pekebun kecil.

Bagi melaksanakan projek-projek untuk meninggikan taraf ekonomi petani-petani masalah-masalah pelaksanaan akan wujud dari masa ke semasa. Penyelesaian masalah-masalah ini sepertimana yang telah dikenalpasti di bawah Dasar Pertanian Negara akan diberi keutamaan sewajarnya dalam tempoh Rancangan Malaysia melalui agensi-agensi pelaksanaan yang bertanggungjawab dengan pembangunan pertanian bagi menentukan matlamat-matlamat yang dirancang dapat dicapai dengan berkesan.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG BANK (PINDAAN)

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (22hb Oktober, 1985)

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Seremban, sila teruskan ucapan.

### 3.35 *ptg.*

**Dr Chen Man Hin (Seremban):** Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara berkaitan dengan wang bank atau wang rakyat ialah kerugian kira-kira \$2.5 billion yang dialami oleh Bumiputra Malaysia Finance Berhad di Hongkong akibat penyelewengan, rasuah dan amalan-amalan curang.

Sehingga hari ini tidak ada seorang pun yang telah memberi satu jaminan bahawa sebahagian daripada pinjaman-pinjaman \$2.5 billion itu boleh didapati balik. Jaminan tunggal yang datang ialah daripada Pengerusi Bank Bumiputra, Tan Sri Haji Bashir Ismail yang mendakwa bahawa bank tersebut boleh memperoleh balik sedikit daripada jumlah pinjaman yang dikeluarkan antara tahun 1979 hingga 1982. Kini kita berada dalam tahun 1985 dan skandal BMF masih belum lagi diselesaikan dan pesalah-pesalah yang terlibat belum lagi dihukum. Ini memberi gambaran yang buruk terhadap orang-orang yang bertanggungjawab terhadap pengendalian sistem bank di negara kita. Tidak hairanlah mengapa berlaku kurang keyakinan dalam sistem bank kita.

Satu lagi contoh mengenai sikap acuh tak acuh Bank Bumiputra ialah cara dengan mana pinjaman-pinjaman diberi kepada ahli-ahli politik dan orang-orang yang berada di tempat-tempat atasan yang berjumlah kira-kira \$2 billion. Bekas Perdana Menteri, Tun Hussein Onn pernah berkata bahawa pinjaman-pinjaman tersebut masih belum lagi dijelaskan. Kita parti DAP ingin tahu sama ada pinjaman-pinjaman sudah pun dikutip balik atau ianya telah dihapus kira, seperti dikatakan di kalangan-kalangan tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 23B menyatakan bahawa had pemegangan syer maksimum yang dibenarkan ialah sebanyak 10% dalam hal orang individu dan 20% dalam hal perbadanan, koperasi atau lain-lain.

Pindaan ini adalah bertujuan menyekat kuasa yang dipegang oleh pengarah-pengarah yang memegang syer yang besar di mana pada masa-masa lampau mereka telah menyalahgunakan kaedah-kaedah bank dengan memberikan pinjaman-pinjaman besar kepada diri mereka sendiri atau keluarga, syarikat-syarikat dan kawan-kawan mereka. Pindaan ini tidak akan dapat mencegah satu golongan pengarah-pengarah bank yang penuh dengan muslihat untuk berpakat untuk menggunakan wang bank.

Adalah tidak jelas sama ada pindaan ini boleh diaplikasi kepada bank-bank yang sedia wujud dan jika tidak, mengapa kaedah yang sama harus diaplikasikan kepada bank-bank yang sudah pun wujud untuk melindungi orang awam serta mencegah salah pengurusan wang.

Seksyen baru 39A memberi kuasa kepada Bank Negara untuk mengambilalih sebuah bank yang menghadapi kesulitan serta melindungi para pelanggan, atau dengan izin, depositors dengan memberi pinjaman atau membeli syer-syernya.

Fasal yang berikutnya menyatakan bahawa Bank Negara akan menjual syer-syer yang dipegangnya dalam bank yang berkenaan apabila Bank Negara berpuas hati bank yang menghadapi kesulitan itu dapat menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapinya dan telah menjadi viable.

Beberapa ahli bank khuatir bahawa pengambilan alih yang dilakukan oleh Bank Negara mungkin akan menjadi pengambilan alih tetap. Kekhuatiran ini haruslah dihapuskan. Pengambilan alih ini hendaklah bersifat sementara sahaja..

Ahli-ahli bank juga mahukan syarat-syarat untuk pengambilan alih sementara itu digariskan (guidelines) dan bukan dilakukan mengikut hawa

nafsu birokrat-birokrat bank atau akibat perselisihan-perselisihan peribadi. Parti DAP kesal kerana pindaan-pindaan kepada Akta Bank ini tidak menyenaraikan kriteria bila mana Bank Negara harus mengambil alih sesebuah bank yang menghadapi masalah dan bahawa had masa bagi tempoh pengambilan alih itu hendaklah ditetapkan di mana apabila tamatnya tempoh tersebut, syer-syer bank hendaklah dijual balik kepada pemilik-pemilikinya atau dijual di pasaran-pasaran terbuka (open market) dan bukan kepada penama-penama Bank Negara sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya, apakah Akta Bank yang dipinda ini akan berkesan atau tidak? Terdapat keraguan sama ada Akta Bank yang dipinda ini akan berkesan. Tujuan pindaan-pindaan ini ialah untuk menstabilkan sistem bank serta juga untuk memulihkan keyakinan orang ramai dan tujuan ini bergantung kepada keupayaan untuk mengambil tindakan susulan (follow through), serta penguatkuasaan kaedah-kaedah baru.

Dalam tahun 1966, satu "run", dengan izin, ke atas Malayan Banking telah berlaku disebabkan, dengan izin, hanky panky yang dilakukan oleh beberapa orang Pengarahnya. Kaedah-kaedah baru bank telah dirumuskan akan tetapi hanky-panky yang seumpama itu masih terus berlaku dan Pengarah-pengarah dan Pengurus-pengurus Bank di negara kita masih terus memihak (favour) dari mereka dan kunci-kunci mereka.

Saya mencadangkan supaya sebuah Pasukan Petugas Khas ditubuhkan oleh Bank Negara yang mengandungi, Juruaudit-juruaudit Bank dan pakar-pakar dalam bidang jenayah komersial untuk senantiasa mengawal, menyiasat dan memeriksa bank-bank yang menghadapi masalah. Pemeriksaan-pemeriksaan yang kerap dan menjejut harus dibuat. Apa-apa

jenayah atau perbuatan-perbuatan yang salah di sisi undang-undang hendaklah disiasat dengan serta merta dan pesalah-pesalah berkenaan dihadapkan ke mahkamah. Penguatkuasaan seumpama itu akan menghalang mana-mana Pengarah atau Pegawai Bank daripada membuat sesuatu yang salah. Saya fikir cara dengan mana skandal BMF dikendalikan tidak akan menakutkan atau memupuk disiplin dalam sistem bank kita.

Bank-bank utama khasnya Bank Bumiputra harus menunjukkan contoh yang baik kepada komuniti bank. Kuasa di tangan Bank Negara adalah terlalu terhad sehingga skandal pinjaman BMF sebanyak \$2.5 billion masih belum diselesaikan dan satu lagi skandal Bank Bumiputra berkenaan pinjaman tempatan sebanyak \$2 billion nampaknya akan terjadi pada bila-bila masa sahaja kerana tidak ada percubaan yang serius dilakukan untuk mengutip balik pinjaman-pinjaman yang belum diselesaikan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sebagai satu perkara yang mendesak membangkitkan subjek Syarikat Setia Timur Finance di mana simpanan kira-kira 15,000 orang terancam. Amaun yang terlibat ialah sekurang-kurangnya \$30 juta.

Syarikat Setia Timur Finance bukanlah syarikat kewangan yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat Kewangan. Ianya mempunyai lesen memberi pinjaman untuk meminjam wang tetapi tidak dibenarkan mengambil atau memungut wang daripada orang awam. Akan tetapi syarikat ini telah mengutip wang daripada orang-orang awam (depositors). Orang-orang yang menyimpan wang dengannya kini mahu wang mereka dikembalikan, tetapi syarikat tersebut tidak mempunyai wang tunai untuk membayar dan seterusnya mendakwa wang yang disimpan dalam syarikat

tersebut telah pun dilaburkan dalam aset-aset tertentu.

Saya difahamkan Bank Negara telah diminta campurtangan dalam perkara ini serta melindungi wang para depositors yang telah dilaburkan itu. Sementara itu, terdapat laporan-laporan yang menyatakan bahawa terdapat syarikat-syarikat kewangan atau kredit lain yang menjalankan kegiatan-kegiatan yang sama dengan Syarikat Setia Timur juga turut menghadapi masalah. Beberapa daripadanya telah ditutup atau sedang ditutup dan ini bermakna para depositors mungkin tidak akan dapat balik wang mereka.

Saya menyeru Menteri Kewangan mengambil tindakan serta merta untuk melindungi kepentingan pelanggan-pelanggan atau depositors Syarikat Setia Timur Finance dan juga lain-lain syarikat kewangan seperti dengan membekukan aset-aset mereka (freeze assets).

Sekiranya Menteri tidak memandang perkara ini dengan seriusnya, biarlah saya mengingatkan tentang skandal "kerb money" atau pasaran pinjaman haram yang berlaku di Seoul, Korea Selatan, beberapa tahun dahulu yang menggoncang komuniti kewangan di negara tersebut serta menyebabkan tumbangnya Menteri Kewangan yang bertanggungjawab ke atasnya itu.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Jerantut.

3.48 ptg.

**Wan Abu Bakar bin Wan Mohamad (Jerantut):** Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun turut menyokong Rang Undang-undang iaitu Akta Bank (Pindaan) 1985 iaitu pindaan kepada Seksyen 23, 27 dan mengadakan peruntukan baru 27AA dan juga Seksyen 39A.

Tuan Yang di-Pertua, dalam beberapa sidang Dewan Rakyat yang

lalu, termasuk juga pada sidang ini sudah banyak Ahli-ahli Dewan Rakyat memperkatakan soal BMF ataupun skandal BMF. Saya memang bersetuju sangatlah bahawa terjadinya skandal ini adalah kerana perbuatan-perbuatan orang-orang yang tidak bertanggungjawab, terutama sekali mereka yang telah diamanahkan untuk menguruskan bank yang berkenaan. Walau bagaimanapun, kita tidak boleh menyalahkan bank ini secara individu sahaja. Sebenarnya pada pendapat dan pandangan saya keseluruhan sistem bank di negara kita ini perlu juga dipersalahkan, yang seterusnya menyebabkan terjadinya skandal tersebut.

Saya akan cuba di sini membuktikan apa yang saya katakan bahawa sistem bank itu sendiri ada mengambil peranan yang penting sehingga menyebabkan skandal BMF ataupun skandal-skandal yang seumpamanya tidak kira daripada BMF sahaja tetapi ada lagi bank-bank yang lain yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini, saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional yang bertanggungjawab kerana telah meminda Akta ini, terutamanya Seksyen baru 27AA yang telah dipinda ini dan ditambah yang mana peruntukannya melarang seseorang pengarah, pengurus ataupun pekerja sesuatu bank berlesen daripada memberi apa-apa pendahuluan, pinjaman ataupun kemudahan kredit yang melebihi hak kuasanya atau berlawanan dengan apa-apa arahan yang dikenakan oleh bank berlesen itu.

Tuan Yang di-Pertua, soalnya sekarang, apakah perlu atau tidak perlu Akta ini dipinda sebegitu rupa. Nampaknya pastilah peruntukan baru ini akan menjadi tidak popular terutamanya di kalangan ahli-ahli bank dan mungkin juga ada yang bertanya mengapa dipinda sehingga

kesalahan ini melibatkan hukuman yang begitu berat seperti yang diperuntukkan. Walau bagaimanapun, kalau kita memerhatikan dengan lebih teliti akan perlunya peruntukan yang diadakan ialah bila kita lihat bank-bank tempatan tidak mempunyai polisi dan prosedur mengenai pemberian apa-apa pendahuluan, pinjaman ataupun kemudahan kredit sebagai satu polisi dan prosedur yang bertulis. Polisi dan prosedur ini tidak ada kepada bank tempatan. Perkara ini berbeza kalau kita bandingkan dengan bank-bank luar negeri. Mereka mempunyai polisi dan prosedur yang bertulis sebagai satu panduan kepada ahli-ahli bank dalam mengendalikan pinjaman pendahuluan dan kredit mereka. Jadi, sebab itu kalau kita lihat bank-bank luar negeri jarang sekali terjadi skandal ini oleh kerana dengan polisi dan procedure ini tidak ada kakitangan bank luar negeri ini yang berani memberi apa-apa pendahuluan ataupun pinjaman melebihi daripada had yang diluluskan ataupun melanggar peraturan ataupun procedure yang telah ditetapkan. Jadi, hal yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat polisi dan juga procedure ini adalah sangat penting kepada kakitangan bank sebagai panduan untuk memberikan pinjaman dan kredit.

Polisi dan procedure ini juga adalah merupakan cara pengawasan bank dan merupakan, dengan izin, check and control kepada keseluruhan urusan memberikan pinjaman dan sebagainya. Tanpa pengawasan yang rapi ini akan mewujudkan penyalahgunaan kuasa dan percanggahan kepentingan. Ada keadaan di mana akibat perbuatan ini sesebuah bank menghadapi kesulitan kewangan terutama sekali peminjam yang besar meminjam daripada bank ini tidak dapat membayar balik pinjaman mereka seperti yang selalu dibuat, contohnya skandal BMF.

Tuan Yang di-Pertua, tanpa pengawasan ini, tanpa polisi dan procedure yang harus diikuti oleh kakitangan bank ataupun ahli-ahli bank mungkin akan mewujudkan ketidakadilan terutamanya kepada peminjam-peminjam yang tidak rapat hubungannya dengan ahli-ahli bank dan mereka ini tidak dapat kemudahan seperti rakan-rakan mereka yang begitu rapat hubungan dengan ahli-ahli bank untuk mendapatkan pinjaman. ataupun pendahuluan yang melebihi had yang telah ditetapkan. Keadaan ini adalah tidak baik dan ianya adalah satu perkara yang tidak sihat pada industri bank.

Tuan Yang di-Pertua, bagi sesebuah bank yang pentingnya pengurusan mestilah terdiri dari mereka yang competent, integrity dan yang ketiga inter-personal skill. Ketiga-tiga perkara ini adalah agak berkurangan terdapat di kalangan ahli-ahli bank tempatan kita. Minta maaf saya mengatakan begitu, kalau dibandingkan dengan ahli-ahli bank luar negeri. Oieh itu apa yang penting industri bank perlu menekankan aspek-aspek latihan yang berkaitan dengan pengurusan bank kerana industri bank adalah merupakan industri yang profesional. Kebanyakan ahli-ahli bank kita yang peringkat atasannya kadang-kadang diambil daripada sektor luar daripada industri bank yang mana tidak mempunyai pengalaman yang cukup dalam industri bank. Perkara-perkara seperti inilah yang boleh menyumbang kepada berlakunya keadaan-keadaan yang tidak diingini kepada sesebuah bank itu.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana tidak adanya polisi dan procedure ini, oleh kerana kurangnya kemahiran kita dalam urusan bank terutamanya ahli-ahli bank, kurangnya latihan yang tepat kepada pengalaman yang berkaitan dengan urusan bank, maka itulah sebabnya saya menyokong

penuh pindaan ini terutamanya kepada seksyen baru 27AA. Maka dengan pindaan yang baru ini saya pastilah tidak ada lagi ahli-ahli bank kita yang boleh meluluskan ataupun membenarkan pinjaman-pinjaman dan pendahuluan lebih daripada hadnya dan ini pastilah boleh menjamin keutuhan bank tersebut dan polisi dan procedure ini yang tidak diadakan selama ini yang menyebabkan keadaan-keadaan yang tidak baik itu belaku. Dengan adanya pindaan Akta ini akan dapat menjamin kekukuhan sistem bank dan kestabilan polisi kewangan negara dan seterusnya kepada ekonomi negara secara keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua ialah fasal yang ketiga iaitu pindaan ataupun mewujudkan seksyen baru kepada seksyen 23 iaitu 23A, 23B, 23C, 23D, 23E, 23F, dan 23G.

Seksyen 23B memperuntukkan bahawa had pemegangan syer ini akan disekat kepada pemegangan maksimum yang dibenarkan iaitu dalam hal individu 10% dan dalam hal seseorang selain daripada seorang individu 20%. Saya juga turut menyokong penuh kepada peruntukan yang baru ini oleh kerana ini adalah sangat penting. Sekatan pemegangan syer ini adalah sangat penting.

Yang pertama, bagi mengelakkan monopoli dalam penguasaan dan industri bank dan institusi kewangan oleh pihak persendirian. Jika seseorang ataupun sekumpulan kecil menguasai sebahagian besar kepentingan sesebuah bank, ini akan mewujudkan kecenderungan percanggahan kepentingan dan percanggahan kepentingan ini serta penyalahgunaan kuasa ini akibat daripada menguasai kepentingan bank tersebut akan menyebabkan keadaan tidak sihat di dalam industri bank, Percanggahan kepentingan akan lebih nyata bila pemilik-pemilik bank

berkenaan juga adalah pemilik dan mempunyai berbagai-bagai jenis perniagaan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, banyak sekali contoh orang-orang menjadi kaya kerana memiliki bank dan tentulah ianya tidak adil kepada yang tidak memiliki bank, kalau yang memiliki bank ini boleh menjadi kaya dengan perbuatan mereka itu.

Seterusnya penguasaan bank seringkali menggugat kepentingan pemegang saham minority. Contohnya jika sesebuah bank bankrap akibat daripada perbuatan yang tidak amanah terutamanya daripada pemegang-pemegang saham yang utama yang mendapat keuntungan adalah yang memegang jumlah yang besar saham ini dan yang menanggung kerugian kepada pelaburan mereka ialah pemegang saham minority. Jadi, peruntukan dalam seksyen ini saya rasa adalah satu peruntukan yang sangat baik dan saya juga berpendapat mungkin kita sudah terlewat mengadakan peruntukan yang seperti ini oleh kerana telah selama ini banyak bank-bank tempatan di negara kita ini telah dikuasai oleh segolongan kecil atau segolongan kecil orang ataupun perseorangan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai kesimpulannya, saya menyokong keseluruhan pindaan Akta ini terutama sekali kepada pindaan seksyen baru 27 dan 23 serta 39 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan dan saya berharap penguatkuasaan oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab kepada soal-soal dan urusan bank ini akan dapat menjalankan tugas mereka dengan lebih baik semoga dari masa ke semasa akan dapat dikesan di mana juga ada penyelewengan demi untuk menyelamatkan kepentingan semua orang dan juga negara ini. Seperti yang kita ketahui undang-undang dan

peraturan sahaja adalah tidak memadai jika tidak dikuatkuasakan dan dilaksanakan.

. Yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan Akta ini iaitu Akta Bank (Pindaan) 1985.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Ulu Nerus.

4.01 *ptg.*

**Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman (Ulu Nerus):** Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut sama mengalu-alukan dan menyokong usaha Kerajaan yang hendak mengadakan beberapa langkah kawalan ke atas komuniti bank di negara kita ini. Dan langkah-langkah ini akan dilaksanakan melalui Akta Bank (Pindaan) 1985 yang telah dikemukakan kepada Dewan, ini dan saya menaruh sepenuh keyakinan bahawa langkah-langkah ini sudah pasti akan membawa kebaikan-kebaikan bukan sahaja kepada komuniti bank sendiri, terutamanya kepada pelanggan-pelanggan serta juga masyarakat, rakyat pada keseluruhannya. Langkah-langkah kawalan ini pada pandangan saya adalah penting kerana bank-bank adalah merupakan institusi yang penting kepada negara dan rakyat dan sebarang kelemahan serta masalah yang ditimbulkan oleh Masyarakat boleh menjejaskan kepentingan-kepentingan negara dan rakyat.

Bank-bank juga adalah merupakan satu perniagaan lucrative—kita semua tahu itu, tetapi dalam hal ini mereka juga sangat terdedah kepada pelbagai masalah-masalah serta juga risiko-risiko dan kerana itu ada ketika-ketika bank-bank ini perlu diselamatkan oleh pihak yang berwajib. Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, perusahaan bank juga adalah satu perusahaan yang boleh menghasilkan dividen yang baik yang

sepatutnya bukan dibolot ataupun dimonopolikan sebagaimana kata Ahli dari Jerantut tadi oleh segelintir atau segolongan kecil pemodal-pemodal sahaja, tetapi sepatutnyalah faedah-faedah ini dikongsikan bersama oleh seberapa ramai rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan peruntukan baru 23B kepada seksyen 23 Akta ibu yang bertujuan untuk menghadkan pemegangan saham di dalam sesuatu bank kepada tidak lebih daripada 10% bagi individu dan tidak lebih 20% oleh sesuatu Perbadanan. Langkah ini pada pandangan saya bukan sahaja bertujuan untuk mengelak bank-bank diambilalih oleh segelintir orang yang tertentu sebagaimana yang saya katakan tadi, " yang setengah-setengahnya tidak bertanggungjawab dan bertimbang rasa, malahan lebih penting lagi daripada itu pada pandangan saya ia akan mempasti pemilikan bank-bank secara lebih meluas di kalangan orang ramai.

Tengahari tadi kita telah mendapat penerangn daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan yang menunjukkan bagaimana pada masa ini, dan pada masa yang lepas memang terdapat semacam monopoli perusahaan bank, pemilikan bank oleh segelintir orang-orang dan badan-badan tertentu sahaja dan mereka ini yang biasanya terdiri daripada pemodal-pemodal besar yang kebetulannya mempunyai peluang-peluang yang baik, telah membina empayar bank mereka sendiri untuk kepentingan mereka. Keadaan ini memang tidak dapat dibenarkan berlaku sebenarnya kerana jika ia dibenarkan berlaku, ini akan mewujudkan keadaan pemilikan bank yang tidak sihat di negara ini di mana pemodal-pemodal kecil dan orang-orang yang di luar daripada komuniti bank-bank akan dinafikan peluang-peluang pelaburan di dalam perusahaan ini.

Saya anggap pindaan ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah satu pindaan yang penting pada pandangan saya, akan memberi peluang-peluang baru kepada pemodal-pemodal kecil dan orang-orang di luar komuniti bank untuk menceburkan diri mereka dalam dunia banking.

Saya juga berharap dan mengharapkan serta berpendapat pindaan ini akan mendatangkan manfaat kepada pemodal-pemodal bumiputera individu dan badan-badan bumiputera.

Saya berpendapat alangkah baiknya jika pindaan ini dapat diambil kesempatan oleh pemodal-pemodal bumiputera yang pada masa ini tidak begitu terlibat dan mempunyai pemilikan ataupun bahagian yang besar di dalam pemilikan bank-bank di negara ini dan berharap juga kepada pihak Kerajaan sendiri supaya meningkatkan lagi penyertaan bumiputera di dalam bidang banking, sebagai salah satu cara untuk memenuhi cita-cita dan matlamat Dasar Ekonomi Baru. Dari apa yang saya tahu penyertaan bumiputera di dalam bidang banking pada masa ini adalah masih kecil dan belum memuaskan dan sebarang usaha untuk mengatasi masalah ini sangat-sangatlah dialu-alukan.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini saya berpendapat bahawa peruntukan yang saya maksudkan tadi nampaknya menghadkan pemilikan syer individu, dan perbadanan-perbadanan di dalam sesuatu bank sahaja, ia tidak pula menghadkan individu atau sesuatu badan memiliki syer di dalam bank-bank yang lain. Ini nampaknya tidak dapat menyekat sepenuhnya apa yang saya katakan tadi pemilikan saham individu dan sesuatu perbadanan di dalam pelbagai bank-bank. Sungguhpun pemitikan di dalam sesebuah bank itu dihadkan, tetapi

pemilikan di dalam banyak bank, pelbagai bank tidak diliputi oleh fasal ini. Oleh itu kemungkinan tetap juga boleh berlaku di mana beberapa orang atau badan tertentu akan memegang syer di dalam pelbagai bank. Ini boleh menyebabkan juga pemilikan bank-bank oleh segelintir orang-orang tertentu sahaja yang juga adalah tidak baik dan tidak sihat. Keadaan ini pada prinsipnya adalah sama sahaja tidak baiknya sebagaimana dalam hal pemegangan bersilang bank-bank oleh bank-bank tertentu, masalah yang mana cuba diatasi oleh seksyen 23C. Oleh itu saya menggesa pihak Kerajaan supaya memastikan secara pentadbiran supaya pemilikan saham-saham bank tidaklah akan terjatuh ke tangan orang-orang tertentu sahaja terutamanya di dalam pemberian lesen-lesen bank yang baru di masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan seksyen 27AA kepada Akta itu sebagaimana dalam Fasal 4 Rang Undang-undang ini adalah sangat besar ertinya. Peruntukan ini menetapkan sebagai suatu kesalahan bagi mana-mana pengarah, pengurus atau pekerja sesuatu bank memberikan apa-apa pendahuluan, pinjaman atau kemudahan kredit yang melebihi had kuasanya atau berlawanan dengan mana-mana arahan yang dikenakan oleh bank tersebut. Sejak begitu lama kita mengetahui tentang terdapatnya amalan-amaian curang di kalangan setengah-setengah tuan-tuanpunya, pengarah-pengarah dan kakitangan-kakitangan bank di dalam urusan banking mereka yang setengah-setengahnya sehingga menjadi skandal yang melibatkan bukan sahaja bank-bank yang berkenaan dan orang-orang yang berkenaan sahaja yang terlibat, tetapi yang lebih dahsyat lagi daripada itu pada pandangan saya juga melibatkan nama baik dan kepentingan negara. Ini semua adalah berpunca dari sikap curang dan tamak

setengah-setengah tuannya dan kakitangan bank yang melampaui kuasa-kuasa dan etiquette professional mereka.

Apa yang mendukacitakan sungguhpun kita tahu mereka melakukan kesalahan yang serius, yang tidak beretiquette, apatah lagi mereka dapat terlepas begitusahaja daripada tangan undang-undang, kerana selama ini tiadanya undang-undang yang boleh menghukum mereka selain daripada tindakan-tindakan tertentu sahaja yang mungkin pula setengah-setengahnya tidak mahu diambil tindakan oleh pihak bank sendiri kerana sebab-sebab tertentu. Oleh kerana tindakan-tindakan mereka adalah sebenarnya merupakan kesalahan criminal, maka peruntukan seksyen 27AA (3) yang menetapkan denda atau hukuman penjara kepada pesalah-pesalah sebegini adalah tepat dan peruntukan ini sepatutnya boleh mengembalikan credibility tuannya-pemilik-pemilik dan kakitangan-kakitangan bank dan mencegah amalan-amalan curang di kalangan mereka itu.

Amalan-amalan curang di dalam bank adalah disebabkan terdapatnya orang-rang yang hendak sangat menjadi "instant millionaire" sehingga mereka sanggup menipu majikan mereka sendiri dan sanggup menggadai maruah mereka serta sanggup pula mengenyepikan kepentingan-kepentingan umum. Peruntukan Undang-Undang ini oleh kerana itu sepatutnya menjadi amaran kepada orang-orang yang semacam ini, bahawa di masa-masa yang akan datang mereka tidak lagi dapat lari daripada hukuman.

Tuan Yang di-Pertua, saya pasti bahawa peruntukan ini adalah tidak mungkinya sebagaimana yang dikatakan juga oleh teman saya daripada Jerantut tadi ia tidak mungkinnya akan tidak disenangi oleh setengah-setengah pihak yang

cenderung kepada penyelewengan-penyelewengan di kalangan bank. Mereka akan menganggap mungkin sebagai suatu sekatan dan langkah kawalan yang boleh menjejaskan hak-hak dan prerogative mereka. Mereka mungkin akan menganggap sebagai suatu restriction, dengan izin, yang akan menjejaskan bukan sahaja perniagaan mereka dan prinsip kebebasan berniaga malah akan merugikan pelanggan-pelanggan sendiri. Mereka mungkin akan mendakwa bahawa langkah ini akan menjejaskan peniaga-peniaga kecil terutamanya peniaga-peniaga bumiputera. Kepada anggapan-anggapan dan pihak-pihak yang beranggapan begini pada pandangan saya ianya tidak lebih dan tidak bukan dan tidak lain daripada merupakan alasan-alasan yang sengaja diadakan dan saya berharap pihak Kerajaan hendaklah berwaspada dengan tindakan-tindakan balas daripada mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menjangkakan mungkin akan timbul tindak-tanduk sebagai reaksi balas daripada kalangan komuniti bank terhadap Rang Undang-Undang bila di Aktakan nanti untuk melengahkan permohonan-permohonan pinjaman-pinjaman daripada pelanggan-pelanggan terutamanya pelanggan-pelanggan kecil. Jika ini benar-benar akan berlaku ia tentulah akan . menjejaskan kepentingan pelanggan. Oleh itu saya mencadangkan Kerajaan hendaklah menyusul dan mengesan tindakan-tindakan seperti ini selepas berkuat-kuasanya Akta ini. Amaran dan tindakan keras hendaklah diambil ke atas bank-bank yang cuba mengambil kesempatan untuk mengamalkan diskriminasi dengan berselindung di sebalik Rang Undang-Undang ini. Satu lagi cara yang mungkin dilakukan oleh mereka yang mengatasi sekatan undang-undang ini dengan cara meluluskan pinjaman yang lebih besar

lagi kepada pelanggan-pelanggan yang sedia ada ataupun pelanggan yang baru iaitu dengan cara menambah pinjaman kepada pelanggan-pelanggan tertentu lebih daripada had keperluan mereka melalui berbagai-bagai kemudahan overdraft mahu pun kemudahan-kemudahan pinjaman tetap. Ini jika dilakukan juga adalah pada pandangan saya merupakan amalan yang tidak sehat dan perlu dihalang, perlu disekat tetapi soalnya ialah bagaimanakah perkara ini dapat dicegah.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya mengesyorkan supaya Kerajaan hendaklah menggunakan dengan berkesannya peruntukan seksyen baru 27AA (2) di mana ditetapkan bahawa Menteri Kewangan boleh mengarahkan dan menetapkan kepada bank-bank untuk mengadakan dan mengamalkan polisi dan prosedur-prosedur dengan ketat dan beretiquette tinggi berkenaan dengan pemberian apa-apa pendahuluan pinjaman dan kemudahan kredit oleh bank-bank.

Tuan Yang di-Pertua, kemelesetan ekonomi dunia yang berterusan sejak beberapa tahun kebelakangan ini telah memberikan kesan-kesan buruk kepada ekonomi negara kita. Peranan bank sebenarnya boleh membantu kita mengatasi atau sebaliknya menambah bukan lagi keadaan. Bergantung kepada dasar-dasar dan amalan-amalan mereka itu,

Apa yang kita harapkan bank-bank tidaklah akan menambah masalah yang dihadapi dan memburukkan lagi keadaan dan oleh hal yang demikian bank-bank perlulah menyesuaikan dasar-dasar, amalan-amalan dan peranan mereka bagi menghadapi masalah-masalah yang ditimbulkan oleh kemelesetan ekonomi ini. Dasar pinjaman yang tidak betul dan amalan-amalan yang bertentangan dengan dasar-dasar kewangan negara, sudah pasti akan menambah burukkan

keadaan dan oleh hal yang demikian itu bank-bank perlu mengamalkan dasar-dasar kredit yang lebih ketat tetapi penuh dengan kejujuran. Kredit yang diperlukan oleh peniaga-peniaga kecil hendaklah dipastikan dinikmati oleh mereka. Kredit kepada sektor-sektor yang diutamakan oleh Kerajaan sebagai untuk melawan inflasi ataupun kemelesetan ekonomi untuk menggerakkan pertumbuhan ekonomi dan sebagainya perlulah dipenuhi. Mereka perlu bekerjasama dengan sepenuhnya dengan Kerajaan, mereka janganlah memilih pelanggan-pelanggan mengikut selera mereka kerana inilah di antara beberapa perkara dan langkah-langkah kawalan yang mesti diberi perhatian oleh Kerajaan. Di dalam kita hendak mengawal kredit hendaklah janganlah timbul masalah kita mengadakan apa yang dikatakan sebagai mewujudkan, menimbulkan keadaan apa yang dikatakan sebagai "artificial shortage of funds" di kalangan bank-bank.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyebut perkara ini kerana kita banyak menerima aduan dan mendengar rungutan-rungutan daripada peniaga-peniaga dan usahawan-usahawan terutamanya peniaga-peniaga dan usahawan-usahawan kecil tentang adanya bank-bank yang bersikap tidak mahu mengeluarkan pinjaman kepada mereka, dengan memberikan berbagai-bagai alasan terutamanya kata mereka kerana dasar credit squeeze Kerajaan. Sedangkan yang sebenarnya ini adalah disebabkan sikap tidak jujur mereka terhadap peniaga-peniaga dan usahawan-usahawan kecil yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, kepada saya ini juga satu bentuk penyelewengan dan mungkin boleh kita katakan sebagai tindakan sabotaj terhadap dasar-dasar Kerajaan. Bank-bank dan amalan-amalan bank yang seperti ini, sikap curang seperti ini perlulah

dikawal ketat oleh Kerajaan dan tindakan-tindakan tegas juga saya minta diambil ke atas mereka-mereka itu sama ada mereka bank asing ataupun bank tempatan. Saya berpendapat Menteri sepatutnya hendaklah tidak teragak-agak lagi untuk menggunakan kuasa-kuasa tertentu yang dimilikinya untuk bertindak ke atas bank-bank yang sedemikian.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, behubung dengan Fasal 5 yang bertujuan untuk membolehkan Bank Negara memberi pinjaman atau membeli saham bank-bank berlesen untuk menyelamatkan bank-bank yang menghadapi masalah liability dan liquidity dan bagi mengawal perniagaan sesebuah bank berlesen, saya menganggap sebagai satu langkah yang akan membolehkan Bank Negara menjaga kepentingan pelanggan-pelanggan dan ini adalah dialu-alukan. Langkah ini adalah penting pada pandangan saya bagi menjaga kepentingan depositors juga dan orang-orang yang mempunyai tuntutan-tuntutan dengan bank-bank yang berkenaan. Tetapi walau bagaimanapun langkah ini pada pandangan saya hendaklah dibuat secara berhati-hati sesuai dengan sifat dan bentuk serta tujuannya sebagai *lending of last resort*, dengan izin, kerana ia akhirnya kalau dibuat secara tidak terkawal dan secara terpaksa pula kerana boleh melibatkan Bank Negara ke dalam pemilikan bank-bank berlesen pula nanti.

Di dalam hal ini langkah memberikan pinjaman kepada bank-bank yang menghadapi masalah patutlah menjadi pilihan pertama sementara langkah memiliki melalui pembelian syer-syer hendaklah dibuat secara *last resort* sahaja.

Jadi itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, pandangan-pandangan saya. Saya mohon menyokong dan saya berharap sangat bahawa pihak

Kementerian Kewangan akan memastikan bahawa hasrat kita untuk membasmi dan menghindarkan—memberhentikan segala perbuatan curang dan amalan-amalan yang tidak baik di kalangan pemilik-pemilik, ahli-ahli dan kakitangan bank di negara ini pada masa yang akan datang akan dibuat dengan secara berkesan. Tidak guna sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jerantut tadi kita mempunyai Undang-undang tetapi ramai orang yang akan terlepas daripada Undang-undang. Inilah sebenarnya masalah di dalam negara kita, Tuan Yang di-Pertua. Kita mempunyai banyak Undang-undang yang telah dikuatkuasakan tetapi soal Undang-undang ini masih lagi menjadi masalah kepada negara kita kerana terlalu ramai orang melanggar Undang-undang dan dapat lepas daripada Undang-undang kerana kurangnya pada pandangan saya komitmen kita di dalam pelaksanaan Undang-undang ini dengan berkesan. Jadi, dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

4.23 *plg.*

**Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar);** Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-Undang Bank (Pindaan) 1985 dan di samping ini suka menyampaikan beberapa ulasan atau komen saya terhadap Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Bank (Pindaan) 1985 yang dibentangkan mengandungi tiga pindaan yang utama yang mempunyai kepentingan yang besar kepada industri bank di negara ini. Tiga pindaan utama yang saya rujuk ini terkandung dalam Fasal 3, 4 dan 5

Rang Undang-undang ini. Rang Undang-undang ini mencadangkan satu kawalan yang ketat dan radical ke atas bank-bank oleh Bank Negara.

Izinkan saya menyatakan di sini pada awalnya bahawa saya menyokong penuh apa juga langkah-langkah yang diambil untuk memastikan yang kita mempunyai satu sistem bank yang kuat, yang kukuh di dalam negara kita yang mana terdapat sikap amanah yang kuat yang mana orang ramai boleh meletakkan kepercayaan dan keyakinan mereka. Di samping itu saya juga menyokong apa juga langkah yang mencegah salahguna etika industri bank. Kawalan yang ketat dan radical ke atas bank-bank bagi memastikan bahawa satu sistem bank yang teguh serta industri bank yang sihat yang mana rakyat boleh meletakkan kepercayaan penuh mereka ialah satu langkah ke arah yang betul. Inilah yang lebih diperlukan memandangkan kepada pengalaman-pengalaman kita yang lampau dalam menghadapi kes Bank Rakyat dan juga BMF.

Apa yang saya hendak katakan di sini ialah dalam memperkenalkan kawalan lanjut ke atas bank-bank di negara ini oleh Bank Negara terutamanya dalam menyediakan lebih banyak kuasa untuk Yang Berhormat Menteri Kewangan maka langkah-langkah mestilah diambil untuk memastikan supaya kuasa-kuasa Menteri itu akan selalu, sentiasa dilakukan dengan adil. Langkah-langkah mestilah juga diambil bagi mengelakkan peraturan yang berlebihan (over-regulations) yang boleh menyebabkan keadaan tidak produktif.

Saya suka pertamanya merujuk kepada Fasal 3 Rang Undang-undang ini yang bertujuan untuk menghadkan pemegangan syer bank sebanyak 10% oleh individu dan 20% untuk syarikat koperasi dan lain-lain. Saya dapati

bahawa tujuan peruntukan ini ialah untuk menyekat orang perseorangan atau perbadanan kepada pemegangan syer majoriti atas kawalan sepenuhnya ke atas perjalanan bank dengan tujuan untuk mengelakkan salahguna kuasa dan salah pengurusan seperti meluluskan kemudahan kredit yang tinggi kepada beberapa pelanggan pilihan ataupun meluluskan kemudahan kredit kepada syarikat-syarikat yang mana pengarah-pengarah bank mempunyai kepentingan secara tidak langsung.

Tuan Yang di-Pertua, apabila pemegangan syer yang maksima disekat kepada beberapa peratus, Lembaga Pengarah akan diwakili oleh beberapa orang atau kumpulan dan ini akan menyatukan bersama semua pengalaman dan sumber dan dengan ini akan terdapat penilaian yang betul terhadap risiko kredit oleh kerana pemegang syer individu tidak boleh membuat keputusan sendiri. Dengan penyatuan pengalaman pemegang-pemegang syer yang mempunyai pelbagai kepentingan dan latar belakang maka adalah diharap Lembaga Pengarah akan berupaya mengemukakan buah fikiran baharu dan lebih objektif dalam pendekatan terhadap bank dan menanamkan the dynamism dalam industri bank. Sungguhpun demikian, Tuan Yang di-Pertua, dengan pengemukaan peruntukan ini dalam Rang Undang-undang yang kita bahaskan sekarang terdapat satu pandangan bahawa menghadkan pemegangan syer ialah satu bentuk sekatan dalam amalan perusahaan yang bebas (free enterprise) dan ini akan memberi kesan kepada pelaburan. Adalah didapati bahawa tidak sesiapa pun akan bersedia untuk melabur berjuta ringgit di dalam sesuatu usaha perniagaan jika ianya tidak mempunyai bentuk kawalan. Maka dengan pindaan ini tidak ada individu atau syarikat yang berminat untuk melabur dalam institusi kewangan

dan pengusahaan dalam perusahaan bank boleh berkekurangan.

Satu lagi perkara ialah bahawa walaupun pemilikan sekarang terhadap kepada 20% untuk syarikat-syarikat dan 10% untuk individu, ianya jelas menunjukkan bahawa Kerajaan akan secara terbuka ataupun dalam bahasa Inggeris, dengan izin, be given an open hand, untuk memilikki, untuk menguasai apa juga amaun ekuiti dan ini telah dipandang dan telah dilihat sebagai satu bentuk dasar pemilikan negara menerusi pintu belakang ataupun "back door nationalisation". Maka ini ialah kekhuatiran yang telah timbul terhadap pindaan ini tentang pemegangan syer ini dalam bank. Dan saya harap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menumpukan perhatiannya ke atas pandangan ini, satu pandangan yang sah dari berbagai pihak berhubung cadangan pindaan ini dan membantu menjejaskannya dengan tujuan untuk menghapuskan apa juga kebimbangan ataupun apa juga kekhuatiran yang timbul dari pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil kesempatan ini juga untuk merujuk kepada Fasal 4 Rang Undang-undang ini yang bertujuan untuk memperkenalkan satu seksyen baru 27AA kepada Akta Bank yang melarang seseorang pengarah, pengurus atau pekerja sesuatu bank berlesen daripada memberi apa-apa pendahuluan, pinjaman atau kemudahan kredit yang melebihi had kuasanya atau berlawanan dengan apa-apa arahan yang dikenakan oleh bank berlesen.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan cadangan pindaan yang munasabah ini yang boleh bertindak sebagai satu halangan yang kuat terhadap mereka yang bermaksud melakukan jenayah atau yang cuba melakukannya. Adalah jelas bahawa garis panduan yang ada yang wujud sekarang tidak cuba untuk

menyekat mereka yang berhajat untuk menipu. Akan tetapi apa yang juga menarik perhatian berat orang ramai ke atas pindaan ini untuk memperkenalkan seksyen baru 27AA ini ialah kerana Menteri Kewangan akan diberi kuasa yang terlalu luas sehingga boleh campur tangan dalam prerogative pengurusan. Ini disebabkan kerana menurut seksyen ini, Fasal 4, 27AA (2) bagi maksud seksyen ini, Yang Berhormat Menteri dengan notis bertulis boleh mengarahkan sesuatu bank berlesen supaya mengemukakan apa-apa maklumat yang berhubung dengan polisi dan prosedurnya mengenai pemberian apa-apa pendahuluan, pinjaman atau kemudahan kredit, khususnya had-had kuasa seseorang pengarah, pengurus dan pekerja bank berlesen itu atau apa-apa perubahan mengenainya dari masa ke semasa. Ini ialah satu aspek di mana telah timbul tentang kuasa yang luas yang diberikan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk membuat arahan dan juga boleh disifatkan sebagai satu cara untuk campur tangan dalam prerogative pengurusan bank ini. Saya harap bahawa tentang aspek ini bahawa Timbalan Menteri juga memberi penjelasan supaya dapat membanteras ataupun menghapuskan segala keraguan terhadap kuasa yang begitu luas yang telah diberikan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang boleh menimbulkan banyak kebimbangan di pihak pengurusan bank yang berkenaan.

Fasal 5 .Rang Undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua, bertujuan untuk memperkenalkan satu seksyen baru 39A kepada Akta Bank untuk membenarkan Bank Negara, dengan persetujuan Menteri Kewangan, memberi pinjaman kepada sesuatu bank berlesen yang diperbadankan di Persekutuan terhadap cagaran syer itu atau untuk membeli apa-apa syer sesuatu bank berlesen yang diperbadankan di Persekutuan untuk

mengawal perniagaan bank itu, jika Bank Negara menganggap bahawa bank berlesen itu berkemungkinan tidak berupaya menjelaskan tanggungan-tanggungannya atau hampir hendak menggantung pembayaran.

Ini pada anggapan saya adalah satu pindaan yang positif oleh kerana saya yakin objektifnya ialah untuk memberi kepercayaan dan keyakinan kepada orang ramai supaya menyimpan wang mereka ke dalam bank. Jika sesebuah bank berada dalam keadaan kesusahan ataupun menghadapi, kesulitan dan tidak berupaya menjelaskan tanggungan-tanggungannya atau hampir hendak menggantung pembayaran maka sekurang-kurangnya para penyimpah boleh diyakinkan tentang keselamatan wang simpanan mereka sentiasa terjamin oleh kerana Bank Negara boleh campur tangan atau dengan izin, dalam bahasa Inggeris, to bail out, bank yang berada dalam kesusahan itu.

Cuma saya hendak menggunakan kesempatan ini meminta sedikit penjelasan daripada Timbalan Menteri yang berkenaan di sini berhubung dengan takrif perkataan tanggungan ataupun "obligation" dalam bahasa Inggeris seperti yang terkandung dalam seksyen baru 39A perkataan tanggungan (obligation) seperti yang terkandung dalam seksyen baru ini tidak diberikan takrif yang jelas ataupun tidak ada "clear cut definition" dengan izin, dalam bahasa Inggeris. Perkataan tanggungan ini merangkumi bidang yang sangat luas dan boleh dimengertikan berbagai perkara. Saya suka minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan sama ada takrif ataupun definisi tanggungan di sini dimaksudkan dengan tanggungan kewangan, "financial obligations". Jika demikian, maka cadangan pindaan ini adalah wajar.

Yang akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya sanggup atau bersedia memberikan sokongan saya kepada mana-mana cadangan pindaan bagi memastikan kita mempunyai satu sistem pengurusan bank yang jujur, yang amanah, yang teguh, yang kukuh dan sihat, saya juga pada masa yang sama ingin mengingatkan Kerajaan terhadap peraturan yang berlebihan ataupun "over regulation" dengan izin, yang boleh membuat objektif tersebut tidak berproduktif. Inilah sebabnya mengapa saya ingin menekankan di sini bahawa kuasa-kuasa yang luas yang diberikan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan dan juga kepada Bank Negara dalam Rang Undang-undang Bank (Pindaan) ini mestilah sentiasa dijalankan dengan adil.

Di samping itu juga suka saya menekankan bahawa dengan lulusnya pindaan kepada Akta Bank 1973 selepas Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan memberikan penjelasan terhadap beberapa perkara yang saya telah timbulkan, saya mengharapkan bahawa aspek penguatkuasaan adalah sangat mustahak oleh kerana sekiranya kita hendak menentukan, hendak memastikan bahawa peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Rang Undang-undang Bank (Pindaan) ini dapat dipastikan objektifnya, maka adalah mustahak bahawa Bank Negara ataupun Kerajaan mempunyai kakitangan-kakitangan dan kuasa yang cukup untuk melaksanakannya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Tampin.

*4.41 ptg.*

**Tuan Omar bin Abdullah (Tampin):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Kerajaan

kerana membentangkan Rang Undang-undang ini.

Saya tidak ada berapa banyak ulasan, cuma dua-tiga perkara sahaja terutama sekali saya menyokong seksyen baru 23A hingga 23G sebagai tambahan kepada Akta Ibu ini memandangkan keadaan sekarang ini di mana terdapat tendency oleh hartawan-hartawan atau golongan hartawan atau sikap syarikat yang besar-besar untuk memiliki, seterusnya mengawal sesuatu bank. Maka usaha untuk mengawal oleh Kerajaan melalui seksyen baru ini sudah tentu akan mendatangkan kebaikan kepada sistem bank dan ekonomi negara seterusnya.

Walaupun diakui bahawa pengawalan sesuatu bank oleh seseorang ataupun sekumpulan orang-orang akan mendatangkan keuntungan yang pasti, ini juga boleh memudaratkan sistem kewangan dan institusi bank jika pegangan kawalan dimanipulasi oleh seseorang atau sekumpulan orang yang mempunyai kekuatan atau pengaruh untuk melakukannya. Manipulasi ini bukan sahaja akan mendatangkan kesan yang negatif pada pasaran kewangan khususnya pasaran saham menerusi bank dan sebagainya tetapi juga kemungkinan boleh menjejaskan perkembangan ekonomi negara,

Tuan Yang di-Pertua, pemegangan saham-saham atau syer maksima yang dicadangkan melalui pindaan ini iaitu dalam hal individu sebanyak 10% maksima, selain daripada individu, syarikat-syarikat dan sebagainya 20%, saya rasa adalah sesuai dan berpatutan dengan cara untuk menentukan kiraan pemilihan seperti dalam Seksyen 23B subseksyen (2) (a) hingga (d) adalah jelas dan diharap dapat dilaksanakan kawalannya dengan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 23c subseksyen (1) (a) dan (1) (b) yang bertujuan untuk mengawal pemilihan

antara bank perdagangan juga amat perlu untuk maksud utama pindaan Rang Undang-undang ini. Cuma saya ingin mendapat penjelasan yang lebih jelas kalau boleh dari Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada definisi "bank perdagangan" dan "bank dagang" dalam seksyen 23c subseksyen 2 (a) dan (b) juga meliputi bank-bank milik asing atau milik luar negeri yang berdagang di negara ini. Yang kedua, sama ada rakyat Malaysia yang berhajat atau mempunyai kemampuan memiliki saham-saham bank luar negeri juga adalah dikawal oleh peruntukan dalam pindaan Rang Undang-undang ini.

Perkara yang kedua Tuan di-Pertua, yang saya ingin bincangkan ialah seksyen 27AA seksyen baru yang dicadangkan bagi tujuan mengawal kuasa ataupun cara-cara pemberian pinjaman dan pemberian kemudahan kredit oleh pengarah, pengurus atau pekerja sesuatu bank kepada orang ramai khususnya ahli-ahli perniagaan dan usahawan-usahawan. Memahami objektif atau tujuan pindaan ini dan kebimbangan Kerajaan atas penyalahgunaan kuasa pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja bank, pindaan ini sudah tentu akan mengetatkan lagi kawalan itu.

Kita semua tahu bahawa bank-bank komersial mempunyai sistem kerja atau kawalan dalam yang tertentu. Pengwujudan sistem ini memperkuatkan lagi "internal control system", dengan izin, yang telah sedia ada itu. Perbezaan yang nyata ialah kesalahan yang melebihi kuasa pinjaman itu bukan lagi menjadi satu soal tatatertib dalam institusi bank tetapi sekarang ini telah menjadi satu kesalahan criminal yang mengikut cadangan Rang Undang-undang ini dendanya pun agak berat juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong sebarang usaha yang dibuat oleh Kerajaan atau bank-bank dalam negara kita ini untuk membasmi

penyelewengan orang-orang atau golongan orang-orang yang tidak amanah dan tidak bertanggungjawab. Namun begitu mengenai menjadikan kesalahan itu sebagai satu kesalahan criminal, saya ingin mendapat beberapa penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri pertama sekali sama ada pengurus cawangan bank-bank juga yang mempunyai kuasa pinjaman yang terkecil dalam sistem bank yang ada dalam negara kita ini juga akan tertakluk kepada peruntukan ini.

Yang kedua, apakah pada fikiran Yang Berhormat Timbalan Menteri implikasi kejiwaan ataupun "psychological impact" atau "implication" dengan izin, kepada pengurus-pengurus peringkat cawangan khasnya dan juga pengarah-pengarah di peringkat ibupejabat dan sebagainya. Dan apakah kawalan dalaman (internal control) bank-bank yang ada sekarang ini tidak mencukupi untuk mengawal penyelewengan atau ianya tidak dilaksanakan sepenuhnya untuk maksud pengawalan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menimbulkan perkara ini oleh kerana pengurus cawangan, saya menumpukan kepada pengurus cawangan bank-bank, kuasa pinjaman mereka itu pada ketika ini adalah sangat kecil dan sudah tentu hanya peniaga-peniaga kecil sahaja atau usahawan-usahawan kecil sahaja yang akan menggunakan kemudahan pinjaman daripada pengurus-pengurus bank di peringkat cawangan. Peniaga-peniaga kecil sekarang ini sudah tentu sangat bergantung kepada budi bicara dan bantuan pengurus cawangan bank itu untuk melicinkan perjalanan perniagaan mereka dan jika pihak bank tidak membantu atau tidak simpati dengan masalah-masalah mereka, sudah tentu usaha-usaha kecil ini akan menghadapi masalah dan sudah tentu jika perkara ini berlaku kepada usahawan-usahawan kecil bumiputera, maka objektif kita untuk

mencapai matlamat Dasar ekonomi Baru akan lewat tercapai.

Pada ketika ini dalam sistem kerja bank yang ada peniaga-peniaga kecil, lebih-lebih lagi mereka yang baru memulakan peniagaan menghadapi banyak masalah untuk mendapatkan pinjaman yang selalunya memakan masa sehingga dua-tiga bulan untuk pinjaman mereka diberi keputusan sama ada diluluskan ataupun ditolak. Yang demikian untuk membantu peniaga kecil apakah pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri atau pihak Kerajaan bercadang untuk melonggarkan sedikit peraturan ini khususnya kepada pengurus-pengurus cawangan yang kuasa pinjaman mereka seperti yang telah saya sebutkan tadi tersangat kecil.

Tuan Yang di-Pertua, kuasa pengarah-pengarah atau lembaga-lembaga pengarah dalam hal memberi pinjaman, mempunyai kuasa yang besar sehingga berjuta-juta ringgit. Tuan Yang di-Pertua, perlulah kuasa ini dikawal. Penyelewengan mereka ini akan merugikan bank-bank dan menjejaskan imej bank, malahan menjejaskan ekonomi dan imej negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun pengurus-pengurus bank di peringkat cawangan telah ditetapkan jumlah wang untuk dipinjamkan kepada peminjam-peminjam terdapat kes-kes di mana jumlah yang dipinjamkan itu tidak mencukupi dan juga keadaan di mana wang tambahan segera sangat-sangat diperlukan oleh seseorang usahawan atau seseorang peniaga kecil itu. Pada masa kini pun pengurus-pengurus bank di peringkat cawangan terpaksa merujuk kepada ibupejabat untuk kelulusan walaupun sebilangan kecil daripada pengurus-pengurus itu menggunakan budibicara ataupun "discretion" berdasarkan pengalaman dan kepastian pembayaran balik sesuatu peminjam itu.

Dalam keadaan kawalan yang ada sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan seseorang pengurus bank di peringkat cawangan tidak dibenarkan mengeluarkan Surat Jaminan Bank atau Bank Guarantee walaupun pemohon itu bersandarkan kepada Simpanan Tetap atau Fixed Deposit di akaun pemohon di cawangan itu sendiri, ini juga perlu dirujuk kepada ibupejabat untuk kelulusan. Maksud saya, dalam keadaan sekarang ini pun bank-bank telah mengenakan kawalan yang ketat di peringkat cawangan hinggalah kawalan itu menyebabkan proses pinjaman memakan masa hingga 2-3 bulan. Kelewatan ini sudah tentu akan menaikkan kos jualan atau kos pengeluaran sesuatu perniagaan itu.

Sementara itu, saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada ada kemungkinan atau tidak ada kemungkinan bagi pengurus-pengurus bank di peringkat cawangan bertindak negatif akibat ketakutan dikenakan tindakan undang-undang jika melebihi kuasa dan tidak lagi menggunakan budibicara mereka dalam meluluskan sesuatu permohonan pinjaman. Walau bagaimanapun, seksyen 27AA (2) memberi kelegaan di mana pihak Menteri akan diberi kuasa oleh peruntukan Akta ini untuk mengarahkan bank-bank meminda prosedur-prosedur pinjaman. Saya berharap usaha-usaha akan dibuat terutama sekali untuk menaikkan kuasa atau jumlah pinjaman kepada pengurus-pengurus di peringkat cawangan kepada angka yang lebih munasabah. Yang kedua, supaya diselaraskan kuasa mengeluarkan pinjaman di peringkat pengurus cawangan Bank di antara semua bank yang ada di negara kita ini. Jika ini dilakukan, maka akan wujudlah lebih keyakinan kepada peniaga-peniaga kecil dan pengusaha-pengusaha kecil untuk mendapat bantuan dari bank-bank walaupun pengurus-pengurus

bank di peringkat cawangan terkongkong oleh kuasa Seksyen 27AA.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan Akta Bank ini saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada Kerajaan bercadang untuk mewujudkan satu peruntukan undang-undang terhadap kesalahan "bounced cheque" kerana perkara ini tidak pun disebut dalam pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Sepang,

4.52 ptg.

**Dato Haji Mohamed Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin (Sepang):** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian Kewangan kerana Akta Bank 1973 ini naskhah sahnya adalah dalam Bahasa Malaysia. Akta Bank 1973 ini adalah satu Akta yang dianggap satu-satunya terpenting dan saya berasa cukup gembira bahawa naskhah sahnya adalah dalam bentuk Bahasa Malaysia. Saya harap amalan yang telah dibuat oleh Kementerian Kewangan ini dapat dicontohi oleh Kementerian-Kementerian yang lain yang mana undang-undang mereka yang masih lagi naskhah sahnya dalam bahasa Inggeris, saya bersungguh-sungguh berharap akan mengambil contoh sepertimana Kementerian Kewangan akan menjadikan undang-undang mereka naskhah sahnya dalam Bahasa Malaysia.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya berasa sedih sedikit kerana dalam Fasal 6 Bil ini maka beberapa istilah hendak diubah dan saya lihat perubahannya mengejut sedikit kerana bahasa yang begitu cantik dan

molek nampaknya telah berubah, diambil kebanyakannya bahasa-bahasa Inggeris.

Izinkan saya memberi beberapa contoh. Umpamanya dalam Fasal 6 (a) perkataan "tanggung" akan ditukar kepada "liabiliti". Liabiliti ini lebih berbunyi bahasa Inggeris. Saya fikir mungkin lebih cantik kalau digunakan perkataan "tanggung" ataupun perkataan-perkataan yang lain, tetapi "liabiliti" ini adalah bahasa Inggeris betul-betul.

Ataupun pindaan yang dicadangkan di bawah (b) iaitu menukarkan perkataan "tanggung" kepada "obligasi". Juga tak sedap bunyinya—"obligasi". Ini juga satu bahasa Inggeris, satu penterjemahan terus-menerus, daripada "tanggung" sudah menjadi "obligasi".

Kemudian (c) perkataan "Tanggung-rugi" sudah menjadi "Indemniti". Satu lagi bahasa Inggeris penterjemahan terus-menerus daripada "Tanggung-rugi" kepada "Indemniti", cuma perkataan "i" sahaja. Kalau ejanya "I-n-d-e-m-n-i-t-y" sudah jadi bahasa Inggeris, cuma tukar daripada "y" ambil "i", jadi "Indemniti". Maka dengan itu jadilah bahasa itu Bahasa Malaysia dengan pertukaran "y" kepada "i".

Begitu juga (f) pertukaran istilah "suratan" kepada "dokumen", buruk sangat bunyinya—dokumen. Lebih sedap "document", ini "dokumen". Apalah salahnya "suratan" sepertimana yang ada sekarang ini. Adakah "suratan" itu begitu buruk hinggak "dokumen" itu lebih cantik, lebih terang maksudnya? Pada pendapat saya "suratan" itu lebih terang, lebih bermakna daripada "dokumen".

(g) "jumlah" sudah menjadi "amaun".

(h) "jumlah semua" sudah jadi "agregat".

**Tuan Yang di-Pertua:** Agregat!

**Dato Haji Mohamed Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin:** Saya pun tak tahu, macam mana hendak menyebutnya saya kurang faham, agregetkah, agregatkah, agregatuskah, saya pun kurang faham.

Kemudian lebih teruk lagi, Tuan Yang di-Pertua, (p) perkataan "urusniaga" sudah jadi "transaksi", katalah sahaja "transaction" senang, habis cerita kalau hendak sangat. Mengapa tak kekalkan perkataan "urusniaga"? Saya fikir "urusniaga" itu cukup terang maknanya "urusniaga"—menguruskan perniagaan, lebih terang daripada "transaksi". "Transaksi" ini macam province di Afrika Selatan bunyinya.

Kemudian (q) "melihat" menjadi "akses".

(s) "orang perseorangan" sudah menjadi "individu".

(u) "muktamad" sudah menjadi "konklusif".

(v) "pembicaraan" sudah menjadi "prosiding".

Kemudian yang lebih teruk sekali (z) "pertentangan" sudah menjadi "ketakkonsistenan". Saya hendak bercakapnya pun bergulung lidah saya, Tuan Yang di-Pertua. Payah, 2-3 kali saya terpaksa berlatih untuk hendak bercakap istilah (z) ini—"ketakkonsistenan" menggantikan perkataan "pertentangan". Jadi, kalau susah-susah sangat hendak kata "inconsistant" pun sudah begitu perkataannya, saya berasa sedih betul.

Kemudian (ab) "seksyen kecil" sudah menjadi "subseksyen". Apalah salahnya "kecil" kita tahu, ada besar, ada kecil. Kalau "subseksyen"—"sub" maknanya "bawah". Jadi nanti dia kata "saya ada anak kecil"—"saya ada anak sub" (*Ketawa*). Payah pula hendak bercerita. Jadi ini sudah merosakkan sedikit Bahasa Malaysia kita ini.

Saya bukanlah berdiri di sini menganggap saya ini seorang alim dalam Bahasa Malaysia, saya bukan seorang alim dalam Bahasa Malaysia, tak ada kelulusan pun dalam Bahasa Malaysia. bukan ada tinggi kelulusan, tetapi sebagai seorang pencinta, penyayang bahasa saya fikir mungkin perkataan-perkataan ini yang sudah menjadi bahasa undang-undang kerana ianya sebahagian daripada undang-undang ini. maka ini terpaksa kita gunakan.

Saya sungguh berasa kecewa sedikit di samping saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian tadi menggunakan naskhah sahih Bahasa Malaysia. suatu tindakan yang begitu baik. tetapi tolonglah berhati-hati sedikit di dalam memilih perkataan-perkataan ini supaya di dalam kita hendak mendaftarkan Bahasa Kebangsaan kita, jangan pula kita merosakkannya, usaha yang baik itu tidak sampai kepada matlamat sepertimana yang diharap-harapkan. Mungkin ini bukan kesalahan Kementerian Kewangan, mungkin ini agaknya silap Dewan Bahasa dan Pustaka, saya pun kurang faham atas perkara ini, tetapi saya harap biarlah Kementerian tegas dengan istilahnya, tidak usah ikutlah Dewan Bahasa, biarlah Dewan Bahasa dengan dia punya "indemnity", dengan dia punya "ketakkonsistenan", dengan berbagai-bagainya, biarlah kita dengan istilah-istilah yang sudahpun dapat diterima oleh umum kerana istilah sekarang ini sudahpun diterima oleh rakyat dan peguam-peguam pun sudah boleh menggunakan istilah-istilah ini dan baru mereka sudah faham, sudah boleh menggunakannya, sudah berubah perkataan-perkataan ini semua, terpaksa belajar balik dan memahirkan diri balik dengan perkataan-perkataan yang baru. Kerana apa yang saya rasa sedih ini, Tuan Yang di-Pertua, kerana perkataan-perkataan ini adalah perkataan-perkataan legal, perkataan

undang-undang dan tidak sepatutnyalah perkataan undang-undang itu berubah-ubah. Ia mestilah mempunyai suatu keadaan yang mana ia tidak boleh ditukar dengan sewenang-wenangnya dari semasa ke semasa.

Itulah sedikit pendapat saya tentang Fasal 6 ini berhubung dengan perubahan perkataan-perkataan Melayu asli kepada bahasa Inggeris celup.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua saya hendak mengambil kesempatan untuk membangkitkan di sini ialah tentang keraguan saya sedikit hendak meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan berhubung dengan Fasal 3 pindaan ini iaitu berhubung dengan pindaan bertujuan supaya pemilikan saham sesebuah bank itu tidak boleh melebihi daripada 10% ataupun 20%. Saya suka hendak mendapat sedikit penjelasan sama ada sekatan ini juga terkena kepada bank-bank yang dimiliki oleh Kerajaan ataupun badan-badan kepentingan bumiputera oleh sebab pada hari ini pun banyak dan ada beberapa bank yang dimiliki oleh Kerajaan ataupun oleh badan-badan kepentingan bumiputera yang mana pemilikan mereka ini adalah melebihi daripada 10% ataupun 20% ataupun mungkin di masa-masa yang akan datang ada badan-badan kepentingan bumiputera ataupun Kerajaan yang mana hendak memiliki lebih daripada 10% atau lebih daripada 20%.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya hendak minta penjelasan sama ada pindaan ini dikemukakan kepada Dewan yang mulia ini salah satu didorongkan oleh peristiwa yang semua kenali sebagai peristiwa BMF. Adakah peristiwa itu yang satu-satunya yang kuat mendorongkan Yang Berhormat Timbalan Menteri membawa Bil ini ke Dewan yang

mulia di sini? Kalau jawapannya ya, saya hendak mendapat sedikit penjelasan kerana mungkin tujuannya itu tidak tercapai; kalau itu tujuannya, oleh sebab BMF yang telah pun melakukan skandal kewangan yang tidak ada tolok bandingnya di dalam negara kita ini adalah milik Kerajaan, bukannya milik seorang individu yang memiliki sahamnya lebih daripada 10% dan bank yang terlibat dalam skandal itu adalah bank Kerajaan. Jadi bagaimana pindaan ini yang menyekat seseorang individu tidak boleh memiliki 10% ataupun sesebuah badan tidak boleh memiliki lebih daripada 20%, pindaan itu boleh menjamin bahawa peristiwa BMF itu tidak boleh berlaku sekali lagi.

Yang kedua, saya hendak mendapatkan rasional di belakang pindaan yang saya sebut tadi, apakah rasional di belakang pindaan yang mensyaratkan supaya seseorang itu tidak boleh memiliki saham bank lebih daripada 10% atau sesebuah badan lebih daripada 20%. Mungkin rasionalnya ialah kalau saya katalah seorang individu, seorang perseorangan mempunyai saham lebih daripada 10%, saya boleh menggunakan kepentingan saya itu bagi mendatangkan faedah kepada diri saya sebagai seorang perseorangan, mungkin itu agaknya. Kalau itulah yang merupakan rasional di belakang dan menyebabkan sekatan itu dimajukan di Dewan yang mulia ini, mengapakah kekesanan pindaan Undang-undang ini cuma berkuatkuasa kepada urusan-urusan yang akan datang, tidak dibuat secara retrospective kerana dengan berkuatkuasanya pindaan yang dikemukakan di Dewan yang mulia ini bermakna perkara-perkara yang akan datang sahaja yang akan terikat dan terlibat iaitu berhubung dengan Fasal baru 23G, dan ia mengatakan:

"Kecualian. 23G. Tiada apa-apa jua dalam seksyen

23A, 23B dan 23c boleh mentaksahkan apa-apa pemerolehan atau pemegangan apa-apa kepentingan dalam syer mana-mana perbadanan di bawahnya sebelum mula berkuatkuasanya seksyen-seksyen tersebut tadi yang tersebut tadi yang sebaliknya akan menjadi sah di bawah mana-mana peruntukan lain dalam Bahagian ini."

Bermakna apa juga perbuatan yang dilaksanakan sebelum pindaan ini adalah sah, cuma tindakan pemilikan lebih daripada 10% atau 20% selepas daripada bil ini barulah tidak boleh.

Soalan saya, kalau rasional di belakangnya bahawa kalau seseorang itu- mempunyai lebih daripada 10% atau satu-satu badan itu mempunyai saham itu lebih daripada 20% boleh menyalahgunakan pengaruh dan kuasanya, mengapa pemegang-pemegang perseorangan dan badan-badan yang memegang akuiti ataupun saham bank yang sekarang ini ada lebih daripada 10% ataupun 20%, mengapa tidak mereka ini boleh melakukan salahguna kuasa? Mengapa selepas daripada tarikh berkuatkuasa undang-undang mi sahaja yang orang-orang ini boleh menyalahgunakan kuasa? Apakah mereka yang memegang saham-saham yang besar dalam bank sebelum berkuatkuasa pindaan ini tidak boleh melakukan salahguna kuasa? Bermakna pada pendapat saya bahawa kalau itulah tujuan, saya ini membuat anggapan, kalau itulah tujuan pindaan ini, kerana Yang Berhormat Menteri tidak menceritakan hal ini dalam pembentangnya jadi saya kena membuat anggapan-anggapan, jadi

kalau itulah anggapannya, bermakna tujuan pindaan ini tidak sempurna keseluruhannya. Ia cuma dapat menahan dan menyekat penyalahgunaan kuasa ini berlaku kepada mereka atau kes-kes yang akan datang.

Pendek kata selepas daripada lulusnya, insya Allah lulus pindaan undang-undang ini, kerana undang-undang ini bagus, apabila lulus, insya Allah tidak akan berlaku lagi sesiapa yang akan menggunakan salah kuasa, menggunakan pengaruhnya kerana ia mempunyai saham yang banyak, tidak akan berlaku penyelewengan yang akan datang kerana tiada siapa yang akan mempunyai lebih daripada 10% kalau dia perseorangan ataupun badan lebih daripada 20% selepas pindaan ini. Soal saya sekarang ialah apakah pula dengan keadaannya sebelum daripada pindaan ini? Kerana kalau tidak silap saya, ada badan-badan, ada orang-orang perseorangan sehingga hari ini yang memegang saham di bank-bank yang lebih daripada 10% dan yang lebih daripada 20%. Dengan keadaan yang sedemikian, kekesanan pindaan ini, kalau itulah matlamatnya cuma dapat menyelamatkan sebahagian daripada keburukan yang akan berlaku, sebahagian sahaja, tidak keseluruhannya.

Saya faham dan saya sedar tentulah tidak adil dan tidak praktikal bagi kita mengatakan bahawa semua yang memegang sekarang mesti mendigestkan sahamnya supaya tidak ada seorang pun yang memiliki lebih daripada 10% saham dalam bank. Untuk itu hendak dibuat mungkin tidak praktikal dan tidak munasabah kalau dibuat dengan segera. Tetapi sekurang-kurangnya, saya suka membuat satu pandangan, sekurang-kurangnya ada satu rancangan, ada satu program di mana secara beransur-ansur, perlahan-lahan, peringkat demi peringkat, sesiapa juga yang sekarang ini memegang saham bank lebih daripada 10% atau kalau badan lebih

daripada 20% hendaklah mengulangkan pemilikannya terhadap saham itu dikurangkan sedikit demi sedikit mengikut jadual yang tertentu supaya sampai kepada satu ketika dan waktu di mana semua individu, tidak ada yang memegang lebih daripada 10% dan tidak ada satu badan pun yang memegang lebih daripada 20% kecuali di dalam keadaan-keadaan yang tertentu yang boleh diputuskan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Ada pengecualian, dan kita faham- ada keadaan yang mana perkara ini perlu dikecualikan dan itu patut dan saya sokong dilaksanakan. Tetapi undang-undang ini hendaklah menyeluruh, tidak boleh menentukan perkara-perkara yang akan datang sahaja, tetapi memperbetulkan keadaan keseluruhannya supaya semua yang terlibat dengan sekatan ini, kecuali orang-orang perseorangan dan badan-badan yang ditentukan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan boleh dikecualikan daripada kuatkuasa Akta ini.

Kalau itulah caranya, saya fikir kemungkinan besar keseluruhan bahagian akan dapat diperbaiki, dan penyelewengan-penyelewengan dan keadaan-keadaan yang seperti BMF itu, insya Allah mungkin tidak akan berlaku lagi. Kalau tidak, saya kawatir mungkin yang akan datang tidak berlaku, tetapi yang ada ini, mungkin pula melakukan, kalau tidak lebih besar daripada BMF, kurang sedikit besarnya daripada skandal BMF, kerana mereka ini masih lagi memegang lebih daripada 10% atau badan-badan ini masih lagi memegang lebih daripada 20% dan boleh menggunakan pengaruh melalui sahamnya melakukan penyelewengan-penyelewengan sepertimana berlaku dalam kes BMF.

Jadi sekali lagi saya mengesyorkan supaya kekesanan Akta ini bukan sahaja berkuatkuasa selepas daripada kelulusan Parlimen, tetapi setelah lulus, dia mempunyai satu kekesanan

retrospective tetapi dengan jadual yang munasabah, yang adil supaya perkara-perkara yang sedang berlaku sekarang pun terlibat dengan syarat Yang Berhormat Menteri-menteri ada kuasa mengecualikan mana-mana orang perseorangan, mana-mana badan boleh memiliki lebih daripada 10% atau lebih daripada 20%.

Akhir sekali, kalau tidak silap saya, sebahagian besar daripada keadaan-keadaan yang membimbangkan kita berhubung dengan salah guna kuasa dan penyelewengan ini, sebahagian besarnya dan lazimnya berlaku di bank-bank yang dikuasai oleh Kerajaan, badan-badan berkanun ataupun badan-badan kepentingan, badan-badan amanah. Memang benar sekali sekala bank-bank yang dikuasai oleh pihak swasta ada juga melakukan kecurangan-kecurangan ini, tetapi dari segi lazim dan kebiasaannya, kalau saya tidak silap, boleh dikatakan kebanyakan daripada kecurangan-kecurangan ini berlaku di bank-bank yang saham majoritinya dipegang oleh Kerajaan, badan-badan separuh Kerajaan, ataupun badan-badan pemegang amanah.

Di dalam keadaan yang sedemikian, satu lagi control, satu lagi pengawasan yang mungkin lebih efektif daripada Rang Undang-undang (Pindaan) ini, ialah supaya Kerajaan menguasai lebih teliti lagi mana-mana bank yang Kerajaan mempunyai saham supaya kes-kes kecurangan ini tidak akan berlaku lagi. Sekiranya Kerajaan tidak mengawal dengan sebaik-baiknya, saya khuatir walaupun pindaan Rang Undang-undang ini diluluskan, ada kemungkinan perkara-perkara yang kita hendak elakkan itu berlaku berkali-kali lagi.

Jadi, saya memohon memberi pandangan dengan penuh rendah diri supaya pihak Kerajaan membuat suatu pengawasan yang seteliti-telitinya terhadap semua bank-bank, semua badan-badan kewangan yang

mana Kerajaan mempunyai kepentingan sebagai pemegang saham yang besar. Dengan cara yang sedemikian berserta dengan pindaan yang ada di hadapan Dewan yang mulia ini perkara-perkara yang kita benci berlaku, insya Allah, tidak akan berlaku lagi di masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua dengan kata-kata dan pandangan yang sedemikian saya berdiri menyokong Rang Undang-undang untuk meminda Akta Bank 1973. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kepong.

5.22ptg.

**Dr Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini dan juga dengan siri Rang Undang-undang yang akan dibentangkan merupakan satu perundangan yang penting terutamanya ketika negara kita mengalami krisis kepercayaan terhadap sistem bank yang ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya Rang Undang-undang ini dapat mencegah penyelewengan dan rasuah seperti mana yang disarankan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di dalam sektor bank, maka ianya adalah satu langkah ke arah yang betul, seandainya ia cuma boleh memelihara kepentingan segelintir orang sahaja yang telah mempunyai kepentingan di dalam bank-bank yang sedia ada maka ianya tidak akan mewujudkan disiplin kewangan di dalam industri bank seperti mana yang dikehendaki oleh rakyat. Yang Berhormat dari Sepang tadi pun ada menyebutkan beberapa perkara sebahagiannya adalah sangat menarik. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan di dalam hampir semua bank sekarang terdapat individu dan kumpulan yang memiliki peratusan syer yang lebih daripada 20%.

Tuan Yang di-Pertua, menurut seksyen 23B mengenai had maksimum pemilikan saham oleh seorang individu dan sekumpulan orang. Pemilikan saham seseorang individu juga mengambil kira pemilikan syer oleh Isteri; anak serta syarikat keluarga. Pada asasnya sebuah syarikat walaupun syarikat keluarga jika didaftarkan sebagai sebuah syarikat persendirian berhad ataupun syarikat awam berhad mempunyai identiti yang berasingan daripada individu yang memilikinya.

Ciri yang unik ini telah mewujudkan cukai syarikat sebanyak 40%. Selain daripada itu, seseorang anak yang sudah pun mencapai kematangan adalah seorang individu yang tersendiri dan tidak seharusnya digolongkan bersama-sama dengan bapanya. Sebagai seorang individu beliau berhak untuk memiliki assetnya sendiri dan pendirian sendiri apabila sampai masanya untuk membuangkan undi di dalam mesyuarat pemilik syer syarikat.

Begitu juga dengan si isteri yang adalah seorang individu dan mempunyai hak-hak sendiri dalam soal memiliki harta dan berpendirian sendiri. Beliau seperti anaknya juga tidak semestinya akan selalu menyokong bapa ataupun suami mereka. Oleh yang demikian, adalah tidak begitu adil bagi pihak Kerajaan untuk menggolongkan individu-individu ini sebagai satu individu sahaja. Sebab itulah saya berpendapat Kerajaan seharusnya mempertimbangkan definisi individu ini dengan lebih mendalam untuk mengeiakkan kerumitan yang tidak diinginkan.

Had maksimum pemilikan syer juga akan menghadkan penggunaan alat, dengan izin. Tuan Yang di-Pertua, right shares issue untuk institusi-institusi berkenaan untuk menambahkan jumlah modalnya terutamanya jika pemohon-pemohon

untuk, dengan izin. right shares issue ini telah pun mencapai had maksimum yang ditentukan.

Seperti mana yang diketahui hanya mereka yang berupaya atau mempunyai wang berlebihan yang mempunyai kemampuan melabur yang lebih besar. Peratusan mereka ini di dalam masyarakat adalah kecil berbanding dengan golongan yang berpendapatan rendah atau mereka dari kelas pertengahan. Dengan had maksimum ini maka pelaburan oleh golongan yang berkebolehan untuk berbuat demikian mungkin akan terbantut. Di dalam ekonomi yang meleset ini apa yang amat penting adalah peningkatan pelaburan yang seterusnya diharapkan akan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan apabila industri-industri berkembang.

Industri kewangan merupakan sebahagian daripada ekonomi yang mustahak dalam pemberian pinjaman untuk modal memulakan atau mengembangkan industri-industri yang lain. Jika pengembangan mereka sendiri terbantut disebabkan oleh had pelaburan maka institusi-institusi kewangan bukan sahaja tidak dapat meningkatkan pinjaman kepada sektor-sektor ekonomi yang lain, tetapi akan seterusnya menghadkan pengembangan sektor-sektor ini. Oleh itu, Kerajaan tidak seharusnya dan saya menekankan di sini pemegang syer lebih daripada 20% di dalam jumlah syer sesuatu institusi kewangan. Sebenarnya industri bank adalah satu enterprise komersil, walhal Kerajaan adalah satu organisasi yang tidak mengaut keuntungan.

Tuan Yang di-Pertua, diumumkan bahawa bank-bank asing yang masih belum mempunyai cawangan-cawangannya di dalam negara ini serta mereka yang belum merangka semula ekuiti mereka juga turut terlibat di dalam pindaan ini. Dengan secara tidak langsung ini bermakna bahawa

awalan negara-negara asing ini di alam bank-bank mereka sedang dilemahkan. Negara-negara asing mungkin memandangkan langkah ini sebagai satu bentuk pemilik negara. oleh yang demikian, mereka ini mungkin tidak akan digalak untuk menubuhkan institusi-institusi kewangan di dalam negara kita. Maka secara tidak langsung had maksimum ini mungkin akan mengurangkan pelaburan asing ke dalam negara terutamanya di dalam institusi-institusi kewangan kerana mereka ini takut kalau syarikat mereka mungkin juga mengalami kesusahan. Di sini saya meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada bank-bank Kerajaan asing yang mendapat izin daripada Kerajaan akan disekat dengan pindaan-pindaan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dilaporkan bahawa Perbadanan-perbadanan Kerajaan seperti PERNAS tidak perlu untuk memenuhi had-had maksimum yang telah ditentukan. Perkara ini akan memperkukuhkan tanggapan Orang ramai dan pelabur-pelabur asing bahawa pihak Kerajaan ingin mengawal sektor kewangan dalam negara. Bahagian pelaburan pihak Kerajaan nampaknya akan semakin bertambah di dalam sektor swasta dan bukan berkurangan seperti yang diharap-harapkan.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 23F memberi kuasa sewenang-wenangnya kepada Menteri Kewangan. Saya di sini sentiasa menekankan kuasa sewenang-wenangnya ini tidak seharusnya diberi kepada Menteri-menteri kerana saya ulangi, dengan izin, *power corrupts and absolute power corrupts absoluteley*. Ini harus sentiasa diingatkan ketika memberi kekuasaan yang sewenang-wenangnya kepada seseorang Menteri.

Sebenarnya di dalam Dewan yang mulia ini, tiap-tiap kali Akta seperti ini dibentangkan kuasa seperti ini diberi

kepada Menteri satu amalan yang sangat tidak tepat yang tidak mementingkan demokrasi berparlimen.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 27 dipindahkan untuk mengawal kekuasaan seseorang pengarah, pengurus serta eksekutif-eksekutif bank yang memberikan pinjaman yang melebihi had maksima masing-masing, ini satu seksyen yang sangat penting. Seperti yang kita semua maklum kekurangan disiplin kewangan di kalangan bank jelas ditunjukkan di dalam beberapa skandal yang telah pun disebutkan berkali-kali di dalam Dewan yang mulia ini dan saya berharap seksyen ini dapat mencegah apa yang disebutkan satu bentuk rasuah di dalam urusan bank iaitu, dengan izin, percentages di mana pegawai-pegawai bank yang kanan dapat menerima wang rasuah untuk sesuatu pinjaman. Kadangkala 3%, kadangkala 5% ataupun 7%. Ini sering berlaku di negara ini di hampir semua bank, walaupun saya tidak mempunyai bukti sekarang, tetapi terserahlah kepada Kerajaan yang mempunyai jentera untuk menyiasat dengan teliti sama ada berlakunya skandal seperti ini, scandal percentages. Kesemua kes ini bukan sahaja menunjukkan bahawa ekonomi kita kekurangan disiplin kewangan bahkan juga mengimplikasikan bahawa industri bank kita kekurangan kepakaran dan ikhtisas iaitu, dengan izin, *professionalism and expertise*.

Tuan Yang di-Pertua, kepakaran dan ikhtisas ini adalah sangat penting bagi industri bank kerana pegawai-pegawai bank adalah, dengan izin, *personification of versatility* yang tidak wujud di negara ini, yang bank-bank di negara ini merupakan hanya, dengan izin, *money lenders* sahaja. Saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri akan mengambil perhatian dengan kekurangan *personification of versatility* di dalam industri bank di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan seharusnya menanggung serba sedikit tanggungjawab untuk keadaan yang sedemikian kerana telah membenarkan beberapa bank tempatan mengembang dengan terlalu cepat di dalam masa yang terlalu singkat. Akibatnya orang yang kurang berpengalaman dijawatkan dalam jawatan-jawatan yang memerlukan banyak pengalaman dan banyak amanah. Sekiranya kawalan ke atas ini diadakan, skandal seperti Skandal BMF tidak akan berlaku, kekurangan kematangan industri bank tempatan juga dibayangkan dalam perbelanjaan sebanyak \$40 juta hingga \$60 juta ke atas setiap daripada 4 buah Pusat Latihan Bank untuk kakitangan bank di Bangi. Empat buah bank yang terbesar di negara ini membina 4 buah Pusat Latihan Bank di Bangi, satu pembaziran yang besar ketika negara ini mengalami ekonomi yang buruk. Saya pun berasa hairan mengapa bank-bank ini dibenarkan berbuat demikian, dengan pusat raksasa untuk melatih kakitangan.

Saya hendak menanyakan Kerajaan di sini mengapa membenarkan mereka membazirkan wang sebegitu banyak, tidak bolehkah mengadakan satu pusat latihan untuk semua dikongsikan oleh semua orang. Apakah gunanya dengan Kempen Jimat-cermat ini? Dan di dalam contoh yang lain membenarkan perkara yang membazirkan wang dan saya berharap juga dengan adanya pusat-pusat latihan ini pegawai-pegawai bank yang bermutu, yang mempunyai personification of versatility dapat dilatih, sebab sekarang dengan kekurangan kematangan industri bank, kos perkhidmatan bank di negara ini sangat tinggi kalau berbanding dengan yang terdapat di negara lain seperti di United Kingdom. misalnya kalau kos di sini \$650.00 di England cuma \$35 sahaja. Jadi, satu perbezaan yang terlalu besar mengapa di England

sesuatu kos perkhidmatan itu dapat diadakan dengan lebih murah dan di negara ini begitu mahal. Salah satu lagi iaitu yang tidak disebutkan di dalam Rang Undang-undang ini ialah perbelanjaan yang terlalu banyak untuk gaji, elaun dan sebagainya bagi pengurus dan kakitangan kanan di dalam bank-bank tempatan. Setahu saya Pengerusi bank besar di negara ini memperolehi gaji dan elaun 11/2 kali lebih daripada Pengerusi Bank BARCLAY yang terbesar di United Kingdom. Mengapa perkara ini dapat dibenarkan berlaku di negara ini. Saya percaya sebab kecurangan seperti inilah yang menyebabkan kos perkhidmatan bank di negara ini melambung naik. Perlu ditekankan di sini industri bank merupakan industri yang terpenting untuk ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian pihak Kerajaan seharusnya berusaha dengan sedaya upaya untuk mengawal korupsi bank supaya kita dapat mengembalikan kepada disiplin kewangan dengan menentukan had-had ke atas pemilihan saham pada waktu di mana kita amat memerlukan pelaburan-pelaburan mungkin akan wewujudkan masalah-masalah ke atas pembangunan serta proses kematangan sektor kewangan. Matlamat pembangunan dan disiplin kewangan harus dicapai dengan seiringan untuk mengeysorkan disiplin kewangan. Semua pegawai bank harus mengumumkan harta mereka sebaik sahaja mereka dinaikkan pangkat ke peringkat jawatan-jawatan yang memberikan mereka kuasa untuk memberi pinjaman wang serta lain-lain kemudahan bank kepada pelanggan-pelanggan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, yang pertama saya menyeru Kerajaan mempertimbangkan dengan se datam-dalamnya definasi individu-individu yang mempunyai implikasi yang besar. Yang kedua Kerajaan atau badan-badan di luar belanjawan tidak

seharusnya memegang syer lebih daripada 20% daripada jumlah syer sesuatu institusi kewangan. Ketiga Kerajaan hendaklah menjelaskan bank-bank sama ada bank-bank Kerajaan asing akan disekat dengan pindaan-pindaan ini. Keempat satu pusat latihan bank hendaklah diadakan bagi kegunaan semua bank bukan tiap-tiap bank mendirikan pusat latihan raksaksa masing-masing. Akhirnya semua pegawai bank harus mengumumkan harta mereka sebaik sahaja mereka dinaikkan pangkat ke peringkat jawatan-jawatan yang tertentu. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kota Melaka.

6.43 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka):** Tuan Yang di-Pertua, beberapa rakan saya sudah ada memberi pandangan mereka dan saya barulah buat rumusan mengenai tiga, empat perkara.

Yang pertama, Rang Undang-undang ini untuk memperuntukkan had-had pemegangan-pemegangan syer akan disekat kepada pemegangan maksima yang dibenarkan sebanyak 10% dalam hal orang individu dan 20% dalam hal perbadanan koperasi atau lain-lain menimbulkan satu soalan yang pertama sama ada peruntukan ini dikemukakan selepas usaha MIC melalui alat atau, dengan izin, investment arm MAIKA Holdings cuba untuk mengambil alih United Asian Bank di mana pemimpin atau Presidennya iaitu Menteri untuk Kerjaraya apabila melawat India ada berjumpa Perdana Menteri India, Rajiv Ghandhi dan dibangkitkan cadangan mengenai hasrat MAIKA Holdings untuk ambil alih syer-syer dalam UAB yang dimiliki oleh Kerajaan India atau badan-badan yang berkenaan Kerajaan India. Dan kita semua maklum bahawa selepas itu UMNO, khasnya Pemuda UMNO ada

membuat tentangan yang hebat, ada mendesak, memproteskan dan adakah ini melahirkan pindaan-pindaan ini supaya menghalang MIC MAIKA Holdings untuk ambil alih membeli saham-saham supaya kalau saya tidak silap mereka harap bahawa boleh mendapat share controlling atau sekurang-kurangnya syer yang terbanyak dalam UAB, sekurang-kurangnya dalam satu bank untuk komuniti orang India.

Saya bangkitkan perkara ini bukan oleh kerana saya mahu menyokong cadangan-cadangan ini oleh kerana itu adalah hal yang lain tetapi masalah yang timbul ialah kenapa apabila badan-badan, syarikat-syarikat yang dikontrol, yang dimiliki oleh badan-badan UMNO atau syarikat-syarikat holding UMNO mengambil alih atau membeli syer-syer besar lebih daripada 20%, 30% atau lebih daripada 50% dalam bank-bank dan institusi-institusi kewangan di Malaysia tidak ada apa-apa halangan, itu pertama. Dan saya harap bahawa satu keterangan boleh dibuat kenapa usaha-usaha yang ada dibuat sebelum itu tidak dicegah. Yang kedua, sama ada kita semua tahu bahawa mengenai tujuan Kerajaan yang mahu menyusun semula struktur "corporate" supaya boleh membayangkan kaum komposisinya di negara kita.

Kalau saya tidak silap syer-syer dalam sektor banking dan institusi finance khas dalam bank-bank tempatan lebih daripada 80% dalam tangan syarikat-syarikat atau syarikat-syarikat amanah bumiputera dan ini adalah satu bidang, satu sektor yang tidak seimbang dan kalau kita mahu satu penyusunan dalam semua bidang ekonomi negara kita, saya bercadang bahawa ada perlu khasnya apabila Rang Undang-undang ini diluluskan bahawa kelulusan atau kebenaran yang akan diberi oleh Bank Negara kepada sesiapa yang mahu membeli syer-syer lebih daripada 5% untuk individu atau 10% untuk syarikat akan

berasas kepada tujuan supaya ia mencapai satu penyusunan dalam bidang sektor bank. supaya bahawa syer-syer bukan bumiputera boleh pada peringkat yang pertama boleh mencapai 40%.

Ketiga tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk mencegah, membasmi salahguna amanah dan supaya tata tertib kewangan atau financial discipline dikenakan dalam bidang banking. Saya percaya perkara memastikan ada tata tertib kewangan bukan sahaja boleh dicapai melalui Rang Undang-undang, melalui. dengan izin, legislation tetapi kalau tidak pre-condition di mana ada suasana ditunjukkan bahawa dalam masyarakat kita bukan sahaja di bidang bank tetapi di segala lapisan kejujuran, keiklasan, tidak korupsi, tidak rasuah adalah apa yang dikehendaki oleh masyarakat, oleh Kerajaan barulah tujuan Rang Undang-undang ini boleh dicapai.

Dan satu ujian yang terbesar sekali ialah apa akan berlaku kepada siasatan skandal Bumiputra Malaysia Finance \$2.5 billion. Kalau dalam skandal BMF tidak boleh dapat satu siasatan. satu accountability kepada rakyat, kepada mereka yang bekerja dalam banking pun saya rasa Rang Undang-undang ini tidak akan memberi apa-apa faedah dan saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menggunakan peluang ini untuk melaporkan kepada Dewan yang mulia ini mengenai kemajuan apa yang sudah berlaku. Kita dapat jaminan bahawa Laporan Jawatankuasa Ahmad Noordin akan siap bulan September; sekarang sudah bulan Oktober. adakah kita akan tunggu selepas Pilihanraya Umum baharu kita dapat dengar mengenai apa akan berlaku kepada Laporan Jawatankuasa Ahmad Noordin.

Yang akhirnya, Tuan Yang di-Pertua. oleh kerana tujuan Rang Undang-undang ini ialah mahu

memperindungi dan menjaga kepentingan orang ramai supaya tidak salahguna kuasa dan pecah amanah dalam bank-bank dan institusi-institusi kewangan dan sebab itu ada satu pindaan di mana dalam Fasal 2 bahawa "syarikat kewangan berlesen" ada di bawah dalam lingkungan definisi. saya juga mahu menggunakan peluang ini untuk sebut apa yang disebutkan tadi oleh rakan saya daripada Seremban iaitu satu perkara yang sangat besar. satu perkara yang boleh disifatkan sebagai skandal kewangan dalam Malaysia kita dan melibatkan berpuluh ribu rakyat jelata miskin. orang susah yang perlu jagaan, bantuan, campurtangan Bank Negara dan Kementerian Kewangan untuk menjaga kepentingan mereka. Perkara ini ialah mengenai Syarikat Credit & Leasing yang berfungsi sebagai syarikat kewangan. Dan Syarikat Setia Timur Credit & Leasing Malaysia Sdn Bhd, yang baharu mengadakan. kalau tidak silap saya lesen untuk money lender, meminjam wang operate sebagai syarikat kewangan dengan mendapat deposit mungkin dekat \$40 juta daripada depositot-depositor mungkin 10,000 sampai 15,000 orang, semuanya orang miskin, bukan orang-orang kaya, suri-suri rumahtangga, pekerja-pekerja, taxi driver, penjaja-penjaja, orang-orang lapisan bawah.

Mereka tertarik oleh kerana tawaran Syarikat Credit & Leasing ialah dengan interest yang tinggi—24% satu tahun—2% satu bulan. Sebab itu semua orang taruh wang di situ. \$40 juta, \$50 juta dan syarikat ini ada mempunyai 32 cawangan dalam Malaysia khususnya dalam Selangor. Wilayah Persekutuan, di Pahang, semua sebenarnya bukan sah tetapi masalahnya sekarang syarikat ini tidak boleh menghadapi tuntutan-tuntutan depositor-depositor dan ada juga cawangan-cawangan syarikat berhenti berniaga. Lain-lain Syarikat Credit & Leasing pun juga tutup dan ada yang

terlibat. Perkara ini sudah berjalan tiga minggu, satu masa yang panjang dalam satu krisis finance.

Bank Negara tahu, Kementerian Kewangan pun patut tahu, Yang Berhormat Timbalan Menteri pun patut tahu. Kalau dia tidak tahu, dia tidak bertanggungjawab, dia sudah cuai dan dia tidak layak menjadi Timbalan Menteri, dia tahu. Saya percaya dia bertanggungjawab, dia tidak cuai, dia juga faham masalah depositor-depositor berkenaan. Tetapi apakah tindakan yang telah diambil untuk menjaga, untuk melindungi kepentingan-kepentingan depositor-depositor orang-orang lapisan bawah. Apa-apa masalah Bank Negara hadapi ialah lain masalahnya yang utama ialah cara untuk menyelamatkan depositor-depositor kumpulan ini. Satu tabung patut ditubuhkan untuk menyelamatkan depositor-depositor sekurang-kurangnya dengan permulaan \$50 juta menjaga kepentingan mereka oleh kerana kumpulan ini perlukan bantuan. Tidak siapa yang boleh bantu mereka selain daripada Kerajaan dan Kerajaan kalau terus berleengah-leengah cuai sudah tidak bertanggungjawab.

Bagi pihak kumpulan ini mungkin lagi lebih ramai, apa yang kita lihat mungkin, dengan izin, tip of the iceberg. Saya harap Kerajaan boleh campurtangan yang pertama daripada segi tindakan boleh diambil terhadap mereka yang langgar Undang-undang; itu teknikal, itu sekarang bukan begitu mustahak daripada apa cara boleh digunakan untuk menyelamatkan depositor-deposito yang dibenarkan oleh Kerajaan tidak diambil tindakan yang tegas awal-awal sekarang menghadapi masalah ini.

Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri, Kementerian Kewangan dan Bank Negara boleh bersimpatetik dengan krisis mereka yang sudah menjadi mangsa dalam krisis ini dan sekurang-kurangnya

menggunakan satu salvage fund \$50 juta untuk menjaga mereka dalam kumpulan itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

5.55 *ptg.*

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua. terlebih dahulu saya berterima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat, 8 orang semuanya yang telah mengambil bahagian di dalam membincangkan Pindaan Akta Bank 1973 ini.

Dari semua pandangan-pandangan, teguran-teguran dan perhatian-perhatian yang dibuat, perhatian Ahli Yang Berhormat dari Sepang amat menarik saya, khususnya apabila Yang Berhormat dari Sepang menegur tentang istilah-istilah yang digunakan, kerana hanya beliau seorang sahaja yang menegur tentang perkara ini. Tuan Yang di-Pertua. seperti yang kita tahu bahawa bahasa adalah satu benda yang hidup dan tiap-tiap yang hidup itu bergerak dan tiap-tiap yang bergerak itu akan berbeza dari semasa ke semasa, maka itulah bahasa sama ada Bahasa Melayu. dahulunya dipanggil Bahasa Melayu sekarang dipanggil Bahasa Malaysia ataupun lain-lain bahasa, waima terpaksa meminjam perkataan-perkataan dari bahasa lain. sentiasa berubah.

Kalau dahulunya, pernah pada satu ketika saya beri contoh, barangkali sudah banyak orang tidak tahu, basikal itu dipanggil "sepeda". Sekarang ini kalau kita sebut sepeda. tidak siapa yang tahu, kecuali orang lua macam kita sahaja. Radio. pernah satu ketika dahulu dipanggil "tentuam udara". screw, "peletek". Perkataan-perkataan mi semuanya perkataan-perkataan Inggeris tetapi setelah dipakai, lama-kelamaan diterima. Malah pelik kalau kita menyebut screw itu sebagai pletek. Barangkali kalau salah-salah sebut, lain pergingnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya peguam bukan, ahli bahasa jauh sekali. Walau bagaimanapun, saya telah diberitahu bahawa di dalam undang-undang, di dalam menggunakan bahasa-bahasa di dalam undang-undang ini, tiap-tiap istilah sebagaimana yang telah ditetapkan, kita suka tidak suka, istilah-istilah ini ditetapkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Yang digunakan dalam mana-mana Rang Undang-undang mempunyai makna yang khusus yang tertentu. Jadi adakalanya istilah yang telah dipakai pada satu-satu ketika didapati maknanya tidak begitu tepat ataupun didapati tidak begitu sesuai dari segi undang-undang. Khususnya apabila kita masih lagi rapat dengan perkataan-perkataan yang digunakan dalam bahasa Inggeris. Sebagai misalannya dalam Rang Undang-undang ini perkataan-perkataan "aggregate amount", ini dahulunya diterjemahkan sebagai "jumlah agregat", didapati bahawa perkataan "amount" diterjemahkan sebagai "jumlah" kurang tepat. Sebab "jumlah" memberi erti "total". Sedangkan "amount", itu memberi makna "amaun" (*ketawa*). Maka amaunlah digunakan dan tidak "total". Itu satu. Begitu jugalah dengan perkataan-perkataan yang lain. Seperti yang saya katakan tadi, Tuan Yang di-Pertua, saya peguam bukan, ahli bahasa jauh sekali. Jadi istilah yang dipakai ini diputuskan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dan istilah-istilah yang telah ditetapkan ini digunakan bagi semua undang-undang supaya ianya dapat menyenangkan bukan sahaja pihak orang ramai tetapi khususnya pihak mahkamah dengan tujuan supaya tidak timbul kesilapan-kesilapan di masa-masa hadapan. Dalam pada itu, Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi oleh sebab bahasa ini merupakan satu perkara yang hidup, barangkali terjemahan yang kita buat pada hari ini "aggregate amount" kepada "amaun agregat, barangkali satu hari ditukar pula. Tengok keadaanlah.

Tuan Yang di-Pertua, dua daripada Ahli-ahli yang telah mengambil bahagian seolah-olah terlalu gopoh, cepat sangat. dengan izin hendak "beat the gun". Dia tahu kita akan membentangkan Rang Undang-undang Syarikat Kewangan (Pindaan) selepas ini. Walau bagaimanapun, Ahli Yang Berhormat dari Seremban tidak bersendirian, Ahli dari kota Melaka pun hendak sebut juga tentang syarikat kewangan. Pada mulanya saya berhajat tidak hendak respond, dengan izin, tetapi kalau saya tidak respond, dia kata saya tidak bertanggungjawab. Kalau tidak bertanggungjawab, saya dibuang kerja kalau di buang kerja, apa kerja saya hendak buat. Hendak jadi Ketua Pembangkang pun payah, sebab sudah ada Ketua Pembangkang. Maka itu saya akan menjawab teguran dari Ahli Kota Melaka sambil memberi ingatan sepatutnya sebagai Ketua Pembangkang ingatlah, kalau belum sampai waktu hendak membincangkan sesuatu, tunggu dahulu, waktunya akan tiba di mana perkara itu boleh dibincangkan iaitu sewaktu kita membincangkan Rang Undang-undang Syarikat Kewangan (Pindaan), selepas ini sahaja. Barangkali Ahli Yang Berhormat berkenaan tidak mahu datang ke Parlimen besok agaknya.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Setia Timur Sdn Bhd ini, sebenarnya Kerajaan bukan tidak sedar tentang kejadian yang berlaku ini. Kejadian ini semangnya salah dari sisi undang-undang. Maka itu pihak Polis dengan kerjasama pihak Bank Negara sedang menyelidik berkenaan dengan perkara ini. Tetapi yang peliknya, yang menghairankan, kalau sudah tahu syarikat ini adalah satu syarikat yang tidak berdaftar, syarikat yang tidak boleh menjalankan perniagaan pinjam-meminjam, bukannya syarikat kewangan, mengapa orang ramai terpedaya oleh syarikat seperti ini. Tidak mengetahui. . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Masalahnya orang ramai tidak tahu, sekarang tahu sudah lewat, apa boleh dibuat oleh Kerajaan untuk menjaga kepentingan mereka, itu masalah.

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, tidak mengetahui sesuatu undang-undang bukanlah merupakan alasan, kita boleh membuat salah. Itu translasi yang saya boleh fikirkan dengan segera dari perkataan-perkataan Inggeris, kalau betul, Ahli dari Sepang? Walaupun begitu, Tuan Yang di-Pertua, kita menyedari tentang perkara ini. Kita bukan tidak menyedari, tetapi saya difahamkan oleh sahabat bangsa Tionghua, di dalam bahasa Cina, bahasa Tionghua, perkataan kredit ini hampir-hampir sama dengan perkataan "finance". Barangkali ini yang menyebabkan syarikat seperti ini memberitahu kepada orang lain walaupun dia syarikat kredit misalnya, sebab makna dalam bahasa Tionghua ini hampir-hampir dengan finance, maka orang yang mendapat syarikat kredit boleh mengakui kepada orang lain syarikatnya syarikat kewangan, finance company, itu tetapi barangkali saya tidak pasti. Walau bagaimanapun, kalau itu benar, terpaksa diubah pula bahasa ini, sebab bahasa itu seperti saya katakan tadi hidup. Apabila hidup, perlu menggambarkan keadaan yang kemaskini. Walau bagaimanapun, saya bersetujulah pada kali ini dengan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, jarang-jarang saya bersetuju dengan dia. Kita memang tidak mahu menyusahkan sesiapa. Cuma yang saya hendak menyatakan tadi sepatutnya mereka sama ada yang berniaga ataupun yang pelanggan harus bertanggungjawab. Ertinya kalau seorang diberi lesen tertentu untuk perniagaan tertentu, tidak haruslah menjalankan perniagaan yang luar daripada bidangnya. Soal sama ada kita hendak adakan satu kumpulan wang \$50 juta

atau \$60 juta seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu agak sukar untuk kita berikan ulasan pada masa ini.

Walaupun bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, pihak Polis dengan kerjasama Bank Negara sedang menyelidiki perkara ini dengan tujuan mendapatkan penyelesaian. Dalam pada itu juga, kita berharap sangatlah orang ramai (public) secara seluruhnya sentiasa berwaspada dan kalau berlaku perkara-perkara seperti ini, harus memberikan laporan kepada pihak yang berwajib supaya tindakan-tindakan awal dapat diambil, demi kepentingan Kerajaan dan demi kepentingan orang awam sendiri.

Kita tidak sekali-kali bersetuju dengan mana-mana syarikat yang diberi satu jenis perniagaan tetapi menjalankan perniagaan yang lain selain daripada yang telah dibenarkan.

Tuan Yang di-Pertua, banyak perkara-perkara lain yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Ada perkara yang dibangkitkan berulang-ulang, ada perkara yang dibangkitkan sekali sahaja kemudian tidak ditimbulkan oleh Ahli yang lain, maka saya akan memberi jawapan secara menyeluruh tetapi tidak secara satu persatu supaya menyelamatkan masa.

Tentang perkara yang dibangkitkan berhubung dengan hak-milik 10% bagi individu dan 20% bagi satu-satu syarikat di dalam bank perdagangan itu, Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya di bawah - seksyen 23E, Menteri Kewangan memang boleh memberi pengecualian mengikut peruntukan ini bagi badan-badan ataupun agensi-agensi Kerajaan yang tertentu dengan alasan-alasan ataupun tujuan-tujuan tertentu khususnya bagi mencapai matlamat-matlamat tertentu.

Ada pula Ahli Yang Berhormat yang ingin tahu mengapa hanya pada masa-masa hadapan sahaja seseorang

individu dibenarkan 10% dan syarikat-syarikat dihadkan kepada maksima 20% seolah-olah individu atau syarikat yang sedia ada sekarang ini tidak akan melakukan kesalahan atau menyalahgunakan kuasanya. Kalau mereka itu boleh menyalahgunakan kuasa, maka dari segi kesannya pindaan ini tidak berguna.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya atas dasar atau prinsip keadilan seperti yang saya menyatakan sewaktu membentangkan Rang Undang-undang ini—saya bacakan sekali lagi—iaitu saya telah menyatakan bahawa berasaskan prinsip keadilan dan ekuiti, peruntukan-peruntukan yang baru ini tidak akan dikenakan ke atas pemegang syer dalam institusi kewangan yang sedia ada.

Agak sukarlah kalau sekiranya kita memaksa pihak-pihak yang ada sekarang ini menjual dengan sertamerta ataupun memberi waktu-waktu tertentu kepada mereka ini menjualkan saham-sahamnya. Dalam pada itu kita percaya melalui proses pentadbiran Kerajaan akan berusaha menggalakkan, saya tegaskan, supaya pemegang-pemegang saham yang sedia ada yang melebihi had maksima yang kita cadangkan ini mengurangkan saham mereka kepada paras yang ditetapkan, tetapi saya ingin tegaskan sekali lagi bahawa ini dibuat dengan secara galakan.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, sebab utama atau yang kita fikir perlunya had 10% bagi individu dan 20% bagi sesebuah syarikat ini ialah, seperti saya katakan tadi, supaya mengelakkan daripada mana-mana pihak menyalahgunakan kuasa dengan tujuan supaya bank-bank di negara ini dapat kredibiliti ataupun kepercayaan daripada orang ramai tanpa sebarang keraguan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan teguran-teguran yang dibuat terhadap seksyen 27AA beberapa

Ahli Yang Berhormat telah membuat teguran ataupun membuat pandangan tentang seksyen 27AA ini, dan berharap supaya tidak ada sesiapa sama ada pihak pengurus ataupun pihak pengarah ataupun mana-mana pihak, menyalahgunakan peruntukan ini, sama ada dengan melambatkan proses permohonan ataupun sengaja seolah-olah buat takut hendak beri pinjaman sebab adanya Rang Undang-undang ini dan sebagainya.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap Rang Undang-undang yang dicadangkan oleh Kerajaan adalah bertujuan untuk memperbaiki kedudukan. Sama ada mereka memandang perkara ini seolah-olah kita membuat pindaan ini berdasarkan kepada kes-kes yang lama, apa kes juga ataupun sama ada sebab-sebab lain, itu terpulanglah kepada masing-masing untuk membuat tekaan dan dugaan. Tetapi sebenarnya tujuan peruntukan ini, Tuan Yang di-Pertua, ialah supaya tidak akan terdapat penyalahgunaan mana-mana pihak yang bertugas di dalam bank.

Kita berharap dengan adanya peruntukan ini seseorang yang telah diberi kuasa untuk meluluskan sekian-sekian banyak misalannya akan boleh menjalankan tugas-tugasnya secara lebih senang, supaya lebih teratur, supaya tidak lagi memerlukan kelulusan-kelulusan yang mungkin menjadi alasan melewat-lewatkan mana-mana permohonan.

Dalam pada itu juga, kita berharap seseorang yang diberi kuasa itu tidak menyalahgunakan kuasanya dengan memberi kemudahan-kemudahan yang lebih daripada apa yang dibenarkan atau melebihi daripada kuasa-kuasanya. Ini mungkin pernah berlaku beberapa kali di mana seseorang yang mempunyai kuasa tanpa mengira apa peringkatnya, menyalahgunakan kuasanya dengan memberi pinjaman-pinjaman sama

ada lebih daripada hadnya ataupun memberi pinjaman sebelum kelulusan ke atas pinjaman itu dibuat.

Saya tidak mengatakan keadaan ini berlaku di semua bank. Saya juga tidak mengatakan ataupun membayangkan bahawa perkara ini berlaku pada semua peringkat dan jauh sekali mengatakan bahawa tiap-tiap orang menyalahgunakan keadaan ini. tetapi oleh sebab pernah berlaku penyalahgunaan kuasa dari segi credit limit. dengan izin, maka terpaksa kita mengadakan peruntukan 27AA ini.

Kita ingin memberi jaminan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, mereka di dalam bank tidak akan menyalahgunakan peruntukan ini dengan melambat-lambatkan pinjaman-pinjaman daripada mana-mana pihak. Kita tidak mahu misalnya peruntukan ini digunakan sebagai satu sebab untuk mensabotaj ataupun mengecewakan mana-mana rancangan Kerajaan. Maka itu dari masa ke semasa pihak Yang Berhormat Menteri Kewangan, akan meneliti prosedur-prosedur ataupun juga had-had yang boleh diluluskan oleh tiap-tiap tingkatan pegawai-pegawai yang berkuasa di dalam bidang meluluskan pinjaman ini.

Tuan Yang di-Pertua, Wakil dari Tampin telah menyebut tentang cek getah, cek tendang, cek yang tak ada duit, "cek pok" kata orang Kedah—saya pun tak beberapa faham itu—atau "bounced cheque". Sebenarnya, di dalam Rang Undang-undang ini kita tidak ada menyebut tentang perkara itu. Undang-undang yang ada sekarang ini, hanya dibuat oleh pihak Bank Negara, kalau tak silap saya, satu-satu cek yang tidak ada duit, ertinya cek itu ditendang atau ditolak, "bounced cheque" ini, yang mengeluarkan cek itu akan didenda sebanyak \$50. Tuan Yang di-Pertua, \$50 bagi seseorang yang mengeluarkan cek sampai \$30,000, \$40,000 atau

\$50,000 boleh dikatakan "chicken feed". Hari Jumaat misalnya dia keluarkan cek bernilai \$50,000, duitnya tak ada; dapat dia "breathing space" 2-3 hari sehingga cek tadi didapati tidak ada duit. ditendang. kemudian dia hanya bayar \$50. Ini amat sedikit dibandingkan dengan kesenangan yang dia dapat. ketenangan yang dia dapat. keuntungan yang dia dapat dengan mengeluarkan cek sebanyak \$50,000 ataupun \$60,000 tadi. Jadi, selagi tidak ada undang-undang yang ketat terhadap pengeluar-pengeluar cek seperti ini. selagi itulah barangkali akan berterusnya perkara-perkara ini dilakukan.

Yang azabnya, Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya cek-cek seperti ini kerja-kerja menyelaras cek-cek oleh Bank Negara akan menjadi susah. Tetapi kalau sekiranya tidak ada cek-cek seperti ini tugas-tugas boleh dijalankan dengan senang, dengan cepat, tetapi apabila dapat cek-cek yang semacam ini terpaksa ianya memakan masa yang panjang, terpaksa menunggu pula satu hari sama ada boleh atau tidak dikreditkan cek seperti ini. Jadi, memanglah mereka yang mengeluarkan cek seperti ini amat berdosa kepada Bank Negara. selain daripada berdosa kepada orang yang menerima cek itu tadi. selain daripada berdosa kepada Allah s.w.t. yang paling ulung. Maka itu, Bank Negara sekarang ini sedang mengkaji kemungkinan untuk mengadakan satu jadual bagi mereka yang selalu mengeluarkan cek-cek tendang ini, cek-cek getah ini, kemungkinan juga satu undang-undang berdasarkan kepada undang-undang sama ada negara Jepun ataupun negara Perancis, saya difahamkan di sana ada denda yang kuat, denda yang berat bagi mereka yang mengeluarkan cek-cek ini, dibuat di negara ini.

Misalnya, pertama kali mereka mengeluarkan cek ini, kita denda dia

\$1 juta—ataupun jika \$1 juta banyak sangat, nanti dia bankrap—kita denda dia \$1,000. Bagi kesalahan kedua, jangan beri dia buka akaun. Dia terus tak boleh buka akaun. Itu bukan satu cadangan, itu sebagai misalan sahaja, jangan beri dia buka akaun, di mana-mana bank dalam negara ini. Barangkali dengan cara seperti ini baru mereka mahu sedar. Kalau sekiranya setakat \$50 nampaknya tak berkesan. Kita akan fikirkan cara yang tertentu, tetapi janganlah pula sampai sesi akan datang tanya saya pula, bila lagi hendak buat peraturan ini. Ini cuma cadangan sahaja. Mungkin kita akan teliti perkara ini. Kita harap satu ketika nanti dapat kita atasi perkara-perkara seperti ini supaya tidak ada lagi pengkhianat-pengkhianat kepada sistem bank dengan mengadakan cek-cek tendang ini, sebabnya yang azab bukan dia sahaja, tetapi segala mereka yang terlibat akan azab.

Tuan Yang di-Pertua, ada yang membangkitkan soal Bank Negara mengambil alih sesebuah bank di dalam kesukaran, mengharapkan supaya Bank Negara tidak memberikan kepada sesiapa sahaja yang mereka fikirkan mereka hendak beri. Saya tidak ingat siapa yang telah mengemukakan perkara ini tadi, ada 2-3 orang agak saya. Sebenarnya tujuan kita mengadakan peruntukan ini ialah supaya menjamin pihak penyimpan-penyimpan ataupun "depositors" supaya mereka tidak sedikit pun khawatir sewaktu menggunakan sistem bank di negara

kita ini. Maka itulah, dengan adanya jaminan seperti ini di mana kalau sekiranya terdapat sesebuah bank itu tidak dapat memenuhi obligasi dia, tidak dapat memenuhi tanggungan dia, maka waktu itulah baru pihak Bank Negara akan mengambil alih sesebuah bank itu, tetapi pengambil alih ini bukannya bertujuan untuk memberikan bank itu kemudiannya kepada orang lain, bukannya hendak diberi kepada orang yang dipilih tertentu, tetapi hanyalah buat masa-masa tertentu, bagi keadaan-keadaan tertentu supaya menjamin dan memberi keyakinan kepada orang ramai supaya mereka yang menggunakan sistem bank negara kita ini tidak akan mengalami apa-apa kerumitan untuk mendapatkan deposit-deposit mereka, dan sudah tentunya sebarang tindakan-tindakan diambil ini akan berdasarkan kepada satu badan penasihat ataupun panel penasihat yang akan ditubuhkan selepas lulusnya nanti Rang Undang-undang ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa sudah cukup. Esok boleh sambung semula.

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*